

PARLIMEN KESEMBILAN

PENGGAL KELIMA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid V	Bil. 19	Isnin	10 Mei 1999
----------------	----------------	--------------	--------------------

K A N D U N G A N

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998.	(Ruangan
Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1999.	(Ruangan)
Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah (Pindaan) 1999.	(Ruangan)
Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah (Pindaan) 1999.	(Ruangan)
Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 1999.	(Ruangan)
Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1999.	(Ruangan)
Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 1999.	(Ruangan)
Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1999.	(Ruangan

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

- Penambahan Hari Mesyuarat

(Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)

- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)

- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Haji Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
- : Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor
- : Nora'ini binti Hetam
: Ramlah binti Mohd. Yusuff
: Miskiah binti Hassan
: Rosnani binti Ahmad
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh
: Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 10 Mei 1999****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN
PERTANIAN MALAYSIA (PINDAAN) 1998****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [6 Mei 1999]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Kepong diminta sambung. Tetapi sebelum Yang Berhormat berucap, suka saya hendak mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana kesuntukan masa dan nampaknya banyak rang undang-undang dan usul kena dihabiskan pada hari ini dan ‘esok’, jadi saya hendak nasihatkan Yang Berhormat yang berkenaan dalam perbahasan Yang Berhormat sila sentuh kepada pindaan yang berkenaan sahaja dan bukannya kepada akta induk, ya Yang Berhormat dari Kepong.

10.04 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya sentuh kepada pindaan sahaja. Yang kedua saya insaflah mengenai sepuluh lagi rang undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, adakah boleh sambung esok lagi? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Pada hari ini sahaja Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Hari ini sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, saya silap.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya dengar salah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, tersasul.

Dr. Tan Seng Giaw: Pagi maklumlah. Bukan sahaja tersasul, pagi lagi sudah salah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sambung.

Dr. Tan Seng Giaw: Sebenarnya saya bangun kerana pada prinsipnya setiap rang undang-undang dan perkara yang dibentangkan untuk kepentingan rakyat mestilah diteliti oleh Ahli Parlimen. Saya nampak pada hari Khamis tidak ada orang yang berminat lagi di dalam perbincangan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa berjalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak mengapa, cuma beberapa perkara sahaja. Ini nampaknya satu siri rang undang-undang yang mengandungi pindaan untuk menyeragamkan Lembaga Rayuan Tatatertib Lembaga dan perkara-perkara yang berkaitan dengan tatatertib dan disiplin, itu sahaja. Nampaknya Yang Berhormat pun tidak menegur orang yang merayau ke seluruh dunia semasa membincangkan pindaan-pindaan pada hari Khamis lalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sebenarnya keputusan itu tetap dikekalkan seperti beberapa hari yang lepas.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya rasa memang kita perlu adakan disiplin di semua badan. Yang pertama saya hendak bertanya Yang Berhormat untuk disiplin ini memang kita hendak seragam dengan perkhidmatan awam dan bolehkah Yang Berhormat memberitahu saya siapakah yang melantik semua pegawai dan kakitangan di dalam MARDI? Ini memang perlu kita tahu sebab hal ehwal disiplin ini terserah kepada sama ada perlantikan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam atau oleh badan-badan yang lain, kerana kalau badan-badan yang lain memang hal disiplinnya

tidak serupa dengan Perkhidmatan Awam. Setelah menelitinya saya mendapati di dalam Perkhidmatan Awam memang prosedurnya lebih rumit lagi. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3, “7B – *Maka hendaklah ada suatu Lembaga Rayuan Tata tertib Lembaga yang hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:*

- (a) *Pengerusi Lembaga...*
- (b) *tiga orang ahli Lembaga... dan sebagainya.”*

Adakah ini semua hanya terserah kepada menteri untuk melantikkan mereka ini?

Di dalam penamatan demi kepentingan awam, “7C (1) *Jika Lembaga mendapati atau jika representasi dibuat kepada Lembaga bahawa adalah wajar perkhidmatan seseorang pegawai atau pengkhidmat ditamatkan demi kepentingan awam, Lembaga boleh meminta laporan penuh daripada pegawai atasan pegawai atau pengkhidmat yang terhadapnya representasi itu dibuat yang hendaklah mengandungi butir-butir berhubungan dengan kerja dan kelakuan pegawai atau pengkhidmat itu.”*

Yang pentingnya walaupun kita hendak tata tertib atau disiplin yang ketat, kita tidak boleh mengambil tindakan yang tidak wajar, yang tidak adil ke atas simangsa. Di dalam penamatan kerja mereka, kita ada mekanisme untuk rayuan yang baik supaya jangan kita mengambil tindakan ke atas orang yang tidak berdosa. Saya memang membincangkan perkara-perkara di hadapan sahaja, tidak menyentuh perkara-perkara yang lain walaupun di dalam MARDI kita maklumlah ada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas yang baik tetapi ada yang kurang baik sedikit. Di dalam penemuan-penemuan MARDI pun kita nampak ada yang boleh diguna dan ada yang membazir wang sahaja. Ini memang satu perkara kita mesti mengambil perhatian supaya semua kerja di dalam MARDI itu – Yang Berhormat dari Padang Terap pun tahu kadangkala, saya tidak sebutkan orang-orang yang baik, yang berdisiplin, yang bijaksana, yang benar-benar bekerja itu saya tidak sentuh. Cuma segelintir yang mungkin kerana perlantikan mereka di dalam kerja itu tidak tepat, tidak jitu, tidak sesuai, mungkin

kepakaran dia itu tidak digunakan dengan lebih sesuai dan hasil kerjanya tidak nampak sangat.

Saya berharaplah selain daripada kita hendak ketatkan disiplin ini kita mestilah memastikan semua anggota dan pegawai di dalam MARDI diberi kerja yang tepat. Mungkin kalau kita dapat menggunakan potensi mereka akan timbul masalah dan fikiran yang lain. Saya hendak Yang Berhormat menerangkan bagaimana setiap orang yang dikenakan disiplin ini dapat saluran dan rayuan dengan baik dan bagaimana Yang Berhormat dapat memastikan tidak ada orang yang tidak berdosa yang dikenakan disiplin. Semua hal disiplin dalam prinsipnya kita hendak ambil tindakan. Di dalam usaha kita untuk disiplin orang kita mesti mencapai satu keseimbangan permintaan untuk disiplin dan juga hasrat kita untuk melakukan keadilan. Itu prinsip disiplin kita. Sebab itulah saya membangkitkan perkara ini supaya Yang Berhormat dapat menjawab dan kita boleh memastikan semua urusan tatatertib di MARDI boleh dijalankan dengan lebih sempurna. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Machang.

10.12 pagi

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong usaha untuk meminda Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi memperkemas kedudukan disiplin kakitangan bukan sahaja kakitangan yang bekerja di MARDI tetapi kita lihat bahawa kakitangan kerajaan di semua peringkat walaupun niatnya adalah bukan dengan tujuan untuk mengambil tindakan disiplin kepada mana-mana pegawai tetapi peruntukan yang kemaskini mestilah dibuat supaya apabila timbulnya kes-kes yang melibatkan soal disiplin, tindakan mengikut peraturan dan saluran dapat diambil dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi bukan sahaja soal disiplin di kalangan pegawai-pegawai MARDI tetapi kakitangan kerajaan dalam negara ini berjumlah hampir 800 juta orang sekarang, tentulah kita memerlukan satu bentuk tindakan dan perundangan yang kemas bagi menangani masalah disiplin yang dihadapi oleh kakitangan kerajaan terutamanya sejak akhir-akhir ini. Saya bangkitkan ini bukan

berhasrat untuk mengambil tindakan sewenang-wenang kepada mana-mana pegawai kerajaan, kerana pada saya walaupun terbukti sekarang ini penglibatan kakitangan kerajaan dalam gerakan reformasi dan sebagainya agak meningkat di akhir-akhir ini tetapi mereka ini terdiri daripada dua kategori. Pertamanya ialah mereka yang secara nyata mengambil bahagian secara aktif, ini adalah merupakan satu tindakan yang keterlaluan. Yang keduanya ialah golongan yang terpengaruh dengan hasutan dan dakyah yang disebarkan oleh pihak-pihak tertentu sehingga mereka melahirkan sokongan kepada pihak tersebut dan sekali gus menentang dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan.

Mereka yang kategori kedua ini peluang mestilah diberikan kepada mereka untuk menyedarkan mereka, kerana kita tahu dalam kedudukan sekarang jika kita mengambil tindakan yang begitu drastik kepada mereka ini barangkali mereka salah faham perkara yang diputarbelitkan oleh pihak-pihak tertentu. Saya hendak menyebut sebagai contoh gambaran bagaimana mereka telah disalahfahamkan oleh satu-satu pihak tertentu yang menyebabkan mereka terpengaruh. Saya hendak memetik satu ucapan sekadar misalan, Tuan Yang di-Pertua, yang dibuat oleh para pemimpin PAS yang dikeluarkan oleh *Harakah* pada Jumaat 16 Zulkaedah 1419. Ucapan seorang pemimpin PAS ini saya tidak mahu sebut nama pada 15 Mac 1999 dia menyebut bahawa tidak perlu berterima kasih kepada kerajaan. Buat apa berterima kasih kepada kerajaan kerana mengikut beliau apa yang telah berlaku hari ini pelbagai kemudahan yang dahulunya mereka perolehi secara percuma telah dihapuskan seperti mana terhapusnya pembiayaan biasiswa dan sebagainya. Katanya lagi, untuk apa ucapan terima kasih ini perlu diperbesar-besarkan kerana memang sudah menjadi kewajipan bagi setiap kerajaan yang memerintah memberi kemudahan kepada rakyat.

Pandangan-pandangan seperti ini yang dikeluarkan oleh pemimpin yang memperjuangkan Islam bahawa dalam apa yang dibuat oleh kerajaan kita tidak perlu berterima kasih. Sedarkah Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak mahir dalam soal-soal agama yang mendalam seperti ini saya tahu kita pernah membaca sebuah Hadis Rasulullah s.a.w. yang menyebut bahawa kalau seseorang itu tidak berterima

kasih kepada pemberian manusia bermakna dia tidak berterima kasih kepada pemberian dan nikmat Allah s.w.t. Jadi pengajaran-pengajaran dan pandangan-pandangan seperti ini telah membangkitkan satu rasa di kalangan pegawai-pegawai kerajaan walaupun mereka bekerja dengan kerajaan, menerima gaji daripada kerajaan tetapi tidak perlu berterima kasih, tidak perlu ada rasa terima kasih kepada kerajaan dan mereka boleh menentang kerajaan semahu mereka.

Jadi, pandangan-pandangan seperti ini telah mempengaruhi mereka. Kategori yang kedua ini Tuan Yang di-Pertua, perlu diperbetul. Mereka tidak perlu diambil tindakan yang tegas, kecuali mereka ternyata terlibat dengan gerakan, menganjurkan reformasi dan sebagainya, menganjurkan perhimpunan haram seperti yang berlaku baru-baru ini. Yang ini jelas melanggar undang-undang dan kita serahkan kepada tindakan undang-undang. Tetapi sebilangan besar yang terpengaruh dengan pandangan-pandangan pihak pembangkang seperti ini saya rasa satu kesedaran perlu diberikan kepada mereka peluang yang kedua. Saya percaya mereka ini jika diberikan fakta yang benar tentang bahayanya gerakan untuk menumbangkan kerajaan secara yang tidak sah di sisi undang-undang dengan berarak di tepi-tepi jalan, melanggar peruntukan undang-undang ini akan menghancurkan keamanan negara kita di masa-masa yang akan datang, satu ancaman yang besar kepada keselamatan negara. Jika mereka ini diberi peluang berdialog dengan mereka, saya percaya mereka ini akan kembali kepada keadaan yang sebenar dan insya-Allah mereka akan memberi sokongan kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, soal disiplin kakitangan kerajaan seperti yang saya bangkitkan tadi bukan sahaja melibatkan kakitangan kerajaan dalam soal kakitangan MARDI tetapi semua peringkat seperti yang saya katakan perlu diperkemaskan. Sebab itu pihak kerajaan mesti memainkan peranan yang lebih dalam konteks ini terutamanya dalam keadaan sekarang yang begitu mencabar. Saya mendapat maklumat bahawa sebahagian besar daripada kakitangan kerajaan sekarang ini melahirkan rasa

tidak puas hati dengan kerajaan. Ini perlu dilihat pandangan-pandangan seperti ini tidak boleh dipandang secara sepi. Kita mesti melihat ke akar umbinya apakah masalah sebenarnya yang menyebabkan mereka melahirkan pandangan kadang-kadang secara terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut satu insiden yang berlaku kepada diri saya sendiri, dalam satu perjalanan semasa saya sampai di lapangan terbang. Bila pemeriksaan imigresen dia tengok passport saya bertulis Ahli Parlimen. Dia tanya Ahli Parlimen mana? Saya kata Ahli Parlimen UMNO. Dia kata UMNO sudah tidak relevan lagi sekarang. Ini seorang pegawai imigresen. Saya tidak kata apa-apa, saya diam membisu, saya tidak jawab apa-apa pun. Maksudnya, Tuan Yang di-Pertua, seorang pegawai imigresen - saya tidak mahu sebut nama, saya check namanya saya tahu tetapi saya tidak mahu sebutkan di sini. Apa yang saya hendak membangkitkan di sini kita mesti melihat sesuatu. Kalau perkara-perkara seperti ini dibiarkan tentulah ini cukup bahaya di masa-masa akan datang. Kalau seorang pegawai imigresen yang beruniform bertugas di lapangan terbang antarabangsa melihat passport saya, saya mengaku bahawa saya Ahli Parlimen Barisan Nasional, dia berani secara terbuka mengatakan kepada saya UMNO sudah tidak relevan lagi sekarang.

Jadi, satu perkara yang perlu kita lihat ke akar umbi supaya perkara-perkara ini dapat diperbetulkan. Inilah masalah seperti yang saya katakan tadi bahawa soal ini jangan dipandang ringan. Sebahagian besar mereka adalah terpengaruh dengan ucapan-ucapan yang memperjuangkan Islam seperti yang saya katakan tadi. Misalannya tidak perlu berterima kasih kepada kerajaan walaupun terima gaji dengan kerajaan tidak perlu terima kasih. Pandangan ini dikeluarkan oleh pandangan mereka. Jadi, ini perlu diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu sekarang ini apa yang perlu dilihat ialah ke dalam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Marang bangun.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sekiranya pihak kerajaan didapati tidak melaksanakan beberapa hukum yang diperintah oleh Tuhan, perkara yang diharamkan, yang ditegah oleh agama dibiarkan dengan begitu rupa, menunjukkan bahawa pihak kerajaan juga tidak bersyukur kepada Tuhan yang memberi kuasa kepadanya untuk memerintah. Adakah wajar orang yang tidak bersyukur kepada Tuhan maka kita juga tidak perlu berterima kasih kepadanya?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Marang sebelum saya menjawab soalan itu, apa hukumnya dalam Islam kalau kerajaan itu mungkir janji, berbohong kepada rakyat, apa hukumnya, saya ingin tahu Yang Berhormat. Saya hendak menyebut kenyataan, Yang Berhormat saya tidak berhajat untuk membangkitkan itu tetapi Yang Berhormat bangkit saya hendak menyebut ini beberapa laporan daripada *Harakah*. Ada tiga perkara manifesto yang telah dibangkitkan oleh PAS dalam pilihan raya tahun 1990, ada tiga perkara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat petikkan ucapan yang berkenaan sukalah saya hendak ingatkan Yang Berhormat cuba hubungkaitkan dengan rang undang-undang.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Dia tanya saya Tuan Yang di-Pertua, saya mesti jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Biasanya Yang Berhormat kalau hendak jawab sepintas lalu saya benarkan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Okay, sepintas lalu Tuan Yang di-Pertua, saya tanya balik Yang Berhormat daripada Marang apa hukumnya kalau kerajaan itu berbohong kepada rakyat, berjanji tetapi tidak menunaikan janji, saya

hendak sebut ini manifesto, tiga perkara yang dibangkitkan oleh PAS Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Dia bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya boleh saya jawab.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Nanti dulu, jangan, sabar Yang Berhormat, Yang Berhormat seorang yang beriman, kalau boleh tanya saya, saya beri penjelasan, Yang Berhormat sabarlah. Itu prinsipnya, ini janji PAS dalam tahun 1990, kalau PAS memerintah. Pertama, mewujudkan satu sistem mahkamah Islam, di Kelantan yang kedua mewujudkan pentadbiran mahkamah yang cekap selari dengan ajaran Islam dan ketiga mewujudkan sebuah badan bebas yang dinamakan badan hisbah bagi mengawasi pemilihan kerajaan. Ketiga-tiganya tidak dilaksanakan Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang enakmen mahkamah syariah yang ada di Kelantan sekarang ini semuanya dibuat zaman sebelum tahun 1990.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: [*Bangun*]

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dulu Yang Berhormat, nanti lepas ini insya-Allah kalau Tuan Yang di-Pertua beri peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Dia tidak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dulu, duduk dulu

Seorang Ahli : [*Menyampuk*] Tak sabar dah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tidak ada satu pun rang undang-undang yang dipinda sejak PAS memerintah Negeri Kelantan tahun 1990, yang ada ialah yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional sebelum tahun 1990. Yang kedua, pengubahsuaian mahkamah syariah, bukan PAS yang buat tetapi Kerajaan Persekutuan yang sekarang ini menyusun semula mahkamah syariah. Jawatankuasa Hisbah berjanji dengan rakyat hendak buat Jawatankuasa Hisbah dan baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, seorang pemimpin kerajaan juga, pemimpin kerajaan di negeri Kelantan sendiri yang memegang portfolio agama menyatakan secara terbuka bahawa dia tidak

akan melaksanakan Jawatankuasa Hisbah Tuan Yang di-Pertua. Itu satu contoh. Yang kedua hudud, PAS berjanji dahulu hendak bawa ke Parlimen Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat dia berjanji hendak bawa rang undang-undang ini ke Parlimen. Baru-baru ini pula timbul hal hudud. *Harakah* ini saya baca akhbar *Harakah* bertarikh 28 Februari 1997, hudud akan dibawa ke Parlimen, Ahli Parlimen PAS dari Kelantan dijangka membawa Enakmen Jenayah Syariah Kedua ke Parlimen tidak lama selepas kertas mengenainya siap oleh pejabat penasihat undang-undang negeri. Itu dia janji, kemudian ada pula satu laporan akhbar oleh pemimpin PAS juga bahawa rang undang-undang mengenai hudud ini tidak akan dibawa ke Parlimen pula Tuan Yang di-Pertua. Ini cakap putar belit Tuan Yang di-Pertua, cakap putar belit cukup mengelirukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun ini.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dulu Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh kena pada Yang Berhormat, Yang Berhormat mesti sanggup kena pada saya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya,

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Duduk dulu Yang Berhormat saya hendak sebut.

Seorang Ahli: Duduk dulu, duduk, duduk, duduk.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Dia yang buka ruang ini Tuan Yang di-Pertua, jangan salahkan saya, dia buka ruang ini Tuan Yang di-Pertua. Inilah parti yang bercakap berputar belit Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut lagi contoh orang yang berputar belit Tuan Yang di-Pertua, banyak, saya memang bawa Tuan Yang di-Pertua contoh-contoh putar belit PAS di Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, contoh ini saya rasa kalaulah, kalau terlampau jauh sangat daripada rang undang-undang saya kena nasihatkan Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Dia yang bangkit Tuan Yang di-Pertua, dia yang bangkitkan, mesti beri peluang Tuan Yang di-Pertua, saya pohon Tuan Yang di-Pertua, kalau dia yang bangkit beri peluang ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tetapi balik kepada tajuk, cuba balik kepada tajuk.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sekadar hendak memberi contoh bahawa pemimpin PAS adalah bercakap putar belit Tuan Yang di-Pertua, cakap tidak sama bikin. Itu yang hendak saya tunjukkan Tuan Yang di-Pertua. Ini sebut dulu semasa bekas Parti Melayu Semangat 46 hendak meletakkan calon wanita, keluar dalam *Harakah* yang dikeluarkan “*PAS Menentang Calon Wanita*” keluar dalam akhbar Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Seorang Ahli: [*Menyampuk*] Bagan duduklah, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat nanti sekejap, ada peraturan mesyuaratnya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ya, okay point of order, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: 36(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Baik, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Hoi duduklah hoi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Machang, ini tadi Yang Berhormat dari Bagan bangkitkan Peraturan Mesyuarat 36(1). Saya rasa saya sudah cakap sejak awal lagi bahawa keputusan yang pernah saya buat tempoh hari itu tetap dikekalkan ya Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kalau Yang Berhormat memberi contoh sepintas lalu biasanya saya tidak menegah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tapi soalan bodoh ditanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa ini politik ...

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Marang tanya soalan bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, janganlah mencelah, Yang Berhormat politik kepartian itu saya rasa dah cukup.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akur dengan keputusan, saya bangkitkan saya tidak berhajat untuk bangkit daripada awal Tuan Yang di-Pertua, cuma sekadar sebut contoh, tetapi dia buka ruang ini. Bila dia buka saya mesti, orang buka pintu saya masuk Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* kalau saya tidak masuk saya bodoh Tuan Yang di-Pertua, dia yang buka pintu ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tetapi kadangkala Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Memang saya bersedia

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kadangkala gelanggang itu biar pun orang lain buka kita boleh tutup.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih, kalau Tuan Yang di-Pertua yang tutup saya tidak masuklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tutuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Memang Tuan Yang di-Pertua, saya bersedia dengan sebuah buku, PAS cakap tak serupa bikin, tak serupa bikin. Saya ada sebuah buku Tuan Yang di-Pertua untuk menunjukkan bahawa parti PAS cakap tak serupa bikin, nyata satu buku Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah kalau dibuka pintu, lain kali saya masuk Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tak perlulah Yang Berhormat, balik kepada ...

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada tajuk, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tekankan kepada kategori yang

kedua ini Tuan Yang di-Pertua iaitu - saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya tadi. Saya sudah hendak ke penghujung Tuan Yang di-Pertua, saya baru - banyak ada 10 bil hari ini.

Kategori yang kedua ini saya minta kerajaan jangan bertindak tegas tetapi dengan cara memanggil mereka ini, memberi penerangan yang jelas berdialog, dengan mereka, mengetahui isi hati mereka supaya mereka ini mendapat penerangan yang sebenar dan kembali berada pada landasan yang sebenarnya.

Berhubung dengan kategori yang pertama Tuan Yang di-Pertua, itu adalah suatu tindakan wajar yang perlu diambil yang nyata melanggar peruntukan undang-undang ini kita serah kepada mahkamah dan mereka yang melakukan ini mesti sanggup menanggung risiko di atas perbuatan mereka sendiri Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Batang Lupar, selepas itu kementerian diminta jawab.

10.30 pagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cakap sikit sahaja. Saya juga bersetuju dan mengalukan undang-undang pindaan dan memberi kuasa disiplin kepada pihak-pihak tertentu di bawah undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, disiplin ini memang banyak maknanya kepada mana-mana jabatan ataupun badan, kerana kalau disiplin ini dijalankan dengan baik kesannya juga akan baik. Tetapi kalau disiplin dijalankan dengan tidak teliti, tidak betul, nescaya disiplinitiy ini juga akan mendatangkan kemerosotan moral di kalangan pegawai-pegawai yang tertentu.

Jadi saya bercakap ini Tuan Yang di-Pertua ialah oleh kerana saya banyak melihat sendiri yang mana pegawai-pegawai kerajaan terlibat dengan salah laku dan disiplin. Apabila salah laku dan disiplin ini diketengahkan dan pihak badan yang menyelidiki disiplin mereka ini kurang memahami undang-undang berhubung dengan penyelidikan disiplin dan penguatkuasaan disiplin, jadi dengan keadaan demikian pegawai itu didapati bersalah walaupun kalau diselidiki secara teliti di bawah undang-

undang, pegawai ini tidak sepatutnya dipertanggungjawabkan kepada kesalahan yang telah mereka lakukan.

Umpamanya saya melihat bukan sahaja daripada kerajaan negeri tapi juga kerajaan Pusat yang mana disiplin berlaku dipandang oleh pegawai atasan yang mana tanggungjawab itu telah diserahkan kepada pegawai tertentu tetapi bukan berlandaskan undang-undang ataupun tanggungjawab yang tertentu sepatutnya dijalankan seorang pegawai ini. Apabila diselidiki iaitu secara undang-undang, secara betulnya nescaya pegawai ini tidaklah boleh dipertanggungjawabkan. Tetapi sebaliknya apabila pegawai ini melihat umpamanya kalau diberi satu surat iaitu pegawai itu dikehendaki untuk menunjukkan sebab kenapa mereka tidak patut dilepas kerja umpamanya dibuang kerja. Ternyata sekali pegawai yang menerima show cause letter dengan izin, akan membuat bermacam-macam rayuan dalam surat tertentu yang mengatakan, saya minta maaf, saya minta ampun, saya salah, saya harap saya kerja ini, anak banyak, isteri dan sebagainya dengan landasan dapat belas ehsan dari pegawai atasan.

Tetapi kalau kita selidik semula sebenarnya pegawai ini tidak melakukan kesalahan, yang sebenar melakukan kesalahan ialah pegawai atasan memberi arahan kepada pegawai ini yang sepatutnya tidak diberi arahan menjalankan pekerjaan yang telah dibuatnya dengan sendirinya kalau seorang pegawai itu berlandaskan undang-undang tidak patut dibebankan dengan satu tugas yang mana dia tidak mempunyai satu kemahiran, tidak mempunyai latar belakang, tidak punya pendidikan dan pengetahuan ataupun latihan diberi kepadanya diletak juga tanggungjawab itu kepadanya nescaya siapa yang bersalah di atas persoalan ini. Ternyata sekali kalau undang-undang tidak mengatakan dia bersalah nescaya sepatutnya dia tidak bersalah. Tetapi pegawai apabila menerima melainkan pegawai itu jurusan undang-undang dia akan menilik secara segi undang-undang baru dia menerima salah, tetapi kebanyakan pegawai apabila menerima show cause letter dia akan kata minta maaf saya sudah kerja 20 tahun anak ada lima, isteri ada tiga, saya sepatutnya tidak boleh dilepas kerja, kerana banyak berkhidmat dengan kerajaan. Jadi ini rayuan yang meminta maaf tidak menunjukkan dia tidak bersalah. Jadi sepatutnya Tuan Yang di-Pertua apabila show

cause letter ini diberi sepatutnya ada bimbingan daripada pihak-pihak yang tertentu sebelum mengeluarkan surat, menyelidik dahulu sejauh manakah pegawai ini dipertanggungjawabkan kepada satu-satu perkara itu berlandaskan undang-undang.

Saya beri satu misal Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf deviate sedikit tetapi misal undang-undang macam mana show cause letter ini berlaku. Ada seorang pegawai dia telah diberi pegawai Kerajaan Pusat. Dikatakan dia mesti kena dismiss kerana hilangkan duit beberapa ribu dalam tanggungjawabnya, jadi apabila dia melihat surat itu sampai kepada dia, dia buat satu rayuanlah, kata dia sudah kerja 23 tahun, isteri seorang, anak ada lima, seorang masuk universiti. Kalau dia dilepaskan dia tidak ada kemahiran untuk kerja luar dan sebagainya. Lepas itu surat ura-ura mendengar cerita dia mesti kena buang kerja. Kalau kita lihat rayuan tadi memang betul, dia sepatutnya tidak hilang kerja dia, tetapi dia berjumpa dengan saya. Bila saya selidiki daripada segi undang-undang, saya lihat adalah kecuaiannya pegawai atasan memberi arahan untuk dia menjaga duit yang tersebutkan tadi. Kerana duit itu bukan hilang di tangan dia, hilang di tangan orang, tetapi oleh kerana dia pegawai atasan, dia dipertanggungjawabkan.

Jadi persoalannya saya tanya dengan dia di bawah arahan-arahan yang tertentu adakah kamu dipertanggungjawab di bawah segi undang-undang untuk menjaga duit ini. Kalau jawapan dia bukan, then it is not your responsibility to make sure that the money tidak hilang daripada kerani ini. Jadi kenapa pulak dia 'dismiss'kan.

Jadi saya buat satu surat rayuan mengatasi rayuan yang lama daripada dia, saya hantar ke atas, alhamdulillah pegawai atasan department tersebut adalah peguam melihat argument saya dan budak itu tidak jadi dibuang kerja.

Jadi ini seorang pegawai yang telah begitu serius melihat keadaan kedudukan dia berjumpa dengan orang boleh membuat rayuan sedemikian telah menyelamatkan pegawai tersebut daripada dibuang kerja. Tetapi berapa banyak pegawai yang tidak mempunyai kelulusan yang tertentu boleh membuat rayuan dan dia tidak menjadi victim of circumstances, kesalahan daripada department bahkan saya dalam surat itu mengatakan kalau pegawai ini dibuang kerja saya kata semua pegawai yang terlibat

dengan perlantikan dia sampai menjagakan kewangan ini patut sama dibuang kerja bersama bukan dia seorang sahaja. Jadi pegawai atasan jabatan yang tersebut melihat dan dengan sendirinya dia kata tak jadi, dua tahun selepas itu, alhamdulillah dia naik pangkat pulak. Jadi dia punya itu tidak menjadi dan rayuan itu sudah diterima.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini kita mesti melihat iaitu tindakan-tindakan disiplin kepada pegawai mestilah melihat tugas dan tanggungjawab itu adalah di bawah segi undang-undang dan selaras dengan kebijaksanaan kepandaian dia dan baru-baru ini, baru lima bulan lepas ada seorang pegawai dari kawasan saya, dia telah diberi satu surat rayuan, dia mempunyai kelulusan Form III, dia diberikan tugas sebagai sub-accountant sub district, tidak punya latihan, tak pernah hadir seminar, tak pernah buat kerja berhubung dengan accounting dan sebagainya. Lepas itu apabila surat rayuan dihantar orang kata kamu ini memang 100% keluar, tak boleh tahan ini. Dia diberitahu lepas itu bila dengar cerita desas desus macam ini kena lembaga rayuan ini belum bersidang. Dia bagi tahu desas desus daripada kawan dia, dia mesti habis kerja. Dia jumpa saya, saya tengok benda itu pun betul juga, tengok daripada rayuan, dia kata cerita itu samalah, saya dah kerja berapa puluh tahun, anak saya banyak ini, isteri ada, rumah di sini, anak sekolah sini dan sebagainya. Tidak ada satu perkataan dalam rayuan itu menunjukkan yang dia tidak bersalah, tetapi mengakui by implication dengan izin, yang dia telah bersalah tetapi minta belas ehsan daripada badan rayuan ini supaya tidak membuang dia daripada pekerjaan. Tetapi kalau dipandang daripada segi latar belakang Form III, tidak mempunyai latar belakang dari segi accounting, matematik dia pun tidak lulus, disuruh menjadi sub accountant district, jaga wang beribu-ribu, beratus ribu. Bila tengok baucher itu pun dia kelam kabut dah saya tanya latar belakang - you selama ini buat kerja macam ini, apa benda yang you buat? Dulu dia kata, saya pernah kerja JKR.

Kerja JKR ini caranya masuk vot keluar vot, masuk vot keluar vot sahaja tetapi sekarang ini bila masuk sub district kata dia bermacam-macam, bil dari Yang Berhormat, bil dari Yang Amat Berhormat, dari siapa sahaja yang masuk, jadi dia bercelaru. Saya tanya latihan, seminar dan sebagainya tidak pernah buatpun. Siapa

punya kesalahan? Adakah pegawai ini ataupun orang atasan yang sepatutnya memberikan pendidikan dan latihan kepada mereka ini tidak memberi, latihan yang secukupnya. Jadi sebelum perkara disiplin dibangkit, persoalan tanggungjawab itu mesti terlebih dahulu dipertanggungjawabkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya menyokong perkara ini - in order to get justice, kalau mencari keadilan kita kena berjaga-jaga sedikit, jangan pegawai ini kehilangan moral yang sepatutnya fikir mereka tidak tertekan dan tidak terbeban oleh perkara yang sepatutnya tidak ditekan dan dibebankan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh soal MARDI. MARDI di Sarawak telah lama wujud, tapi persoalannya Yang Berhormat, saya pun tidak tahu, saya tahu wujudnya Pejabat MARDI, apa yang telah MARDI buat di seluruh negara dan khususnya di Sarawak. Sejauh manakah tindakan penyelidikan MARDI telah mendatangkan hasil seperti barang-barang ataupun mendatangkan hasil bagi pihak tertentu terutama sekali petani di seluruh Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, jadi sepatutnya MARDI tidak bertindak sebagai sekolah, sebagai universiti - mengeluarkan para bijak pandai dan sebagainya dan tidak bertanggungjawab untuk emplacement dan sebagainya, untuk kerja mereka ini, tanggungjawab macam sekolah dan universiti, kita didik anak ini mengikut fakulti dia masuk dan mengikut aliran yang mereka masuk. Terusan daripada itu walau apa sekalipun peringkat dia, apa sekali pangkat yang dia terima dan kepujian yang mereka terima bukan tanggungjawab sekolah dan universiti untuk mencari kerja dan sebagainya kepada orang ini. Tetapi mungkin MARDI, saya percaya mempunyai satu mission yang tertentu iaitu misi untuk memperkukuhkan penyelidikan dari segi pertanian.

Jadi, adakah MARDI telah membuat perkara ini? Kalau ya, berapa jauh, berapa banyak dan apakah kesan-kesan mereka buat? Umpamanya Tuan Yang di-Pertua, kita lihat beras yang terkenal orang sebut di Sarawak ialah beras bario. Saya tahu ada gred beras bario ini, beras wangi, enak dan baik mutu dan sebagainya. Di tanam di Highland Bario tetapi berapa lama MARDI telah wujud. Adakah MARDI pernah

membuat penyelidikan yang Beras Bario bolehkah ditanam di lembah, di Kuching, di Sarawak dan sebagainya kerana tanah untuk penanaman padi banyak di Sarawak. Banyak lembah tempat yang masih boleh ditanam padi dan sebagainya.

Teknologi pada tahun 1960-an mengatakan tanah di Sarawak itu masin sangat dan tidak boleh ditanam padi tetapi di manakah letaknya penyelidikan MARDI. Tidaklah MARDI melihat sama ada tanah Sarawak itu ditanam padi, bolehkah klon-klon yang dicari supaya padi-padi yang berkualiti yang boleh mengeluarkan hasil pengeluaran yang banyak boleh ditanamkan di Sarawak.

Jadi, bukan sahaja padi, Tuan Yang di-Pertua tetapi epal yang keluar dari kawasan saya kalau tidak salah di Bukit Emas, dia tidak keluar emas, dia keluar epal di kawasan Bukit Emas. Epal ini nampak indah, cantik, manis tidak ubah macam Golden Delight yang Washington State Apple tapi Tuan Yang di-Pertua, kalau dipandang daripada situ memang indah. Tetapi buah dia dua macam, kalau buah yang bersangkutan dekat dahan yang menghala jauh keluar, macam ini dia masam tetapi kalau buah yang bersangkutan dekat batang, ia manis.

Jadi, persoalan dari saya, kalaulah saya jadi pegawai MARDI, dengar cerita sebegini, saya akan pergi ke tempat itu melihat sendiri mengapa buah yang jauh ini, macam 'toba' buah ini masam, yang buah dekat tepi ini manis. Adakah soil implication dia, adakah ia punya keadaan cuaca, MARDI patutnya boleh memberi jawapan, memberi pertolongan kepada penanam-penanam epal supaya kita tidak payah beli epal, lagi daripada luar negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa itu boleh dikira sebagai urusan R&D bukannya disiplin, Yang Berhormat, balik pada disiplin MARDI.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih input Tuan Yang di-Pertua itu saya akan terima tetapi persoalan disiplin bukan sahaja kita melihat yang salah mencuri, yang salah laku, yang minum kedai kopi semasa belum break, yang minum pukul 10.00 pagi sampai pukul 11.00 pagi, 12.00 tengahari sudah balik ke kantin dan pukul 3.00 petang break lagi, dan pukul 4.00

petang sudah main golf, ini disiplin Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah sebutpun dahulu, kadang-kadang pegawai buat appointment pukul 9.00 pagi belum sampai ke pejabat dia kata dia masih lagi di padang golf, kena tunggu. Pukul 2.00 petang datang, pukul 3.00 petang sudah cerita hendak main golf pukul 3.30 petang. Ini disiplin juga, yang pegawai kecil-kecilan ini duduk di dalam kantin. Pukul 3.00 petang duduk dalam kantin, pukul 2.30 petang masih belum masuk dalam pejabat kerana masih duduk dalam kantin. Ini kantin dan kantin semuanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah juga sebutkan, perkara ini salah juga tetapi adalah salah yang lebih mendalam lagi, kalau tugas dan tanggungjawab khusus diberi dengan undang-undang kita dan supaya matlamat aspirasi kerajaan itu kita tidak lihat. Ini aspirasi dan matlamat kerajaan iaitu kalau penanam epal ini minta tolong, beri tolong, yang bertanam padi tadi, kalau hendak research kita buat research, maknanya fungsi kita tidak terhad dengan turun pukul 8.00 pagi balik pukul 5.00, di perantaraan, dia main golf boleh, sebab kita banyak main golf.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berbincang dengan agensi kerajaan iaitu IRD. Saya tanya IRD, saya dengar hendak buat bangunan baru di Kuching, saya kata. Ya, dia kata hendak cari 1,015 square foot building, kata dia. Jadi, kita punya konsep berlainan, kita tidak hendak ada kantin, tiada tempat makan dan sebagainya. Kalau siapa hendak makan, bawa nasi bungkus, bawa nasi dan air sendiri sebab they spend more times in the canteen than in the office.

Jadi IRD sudah membuat satu pandangan ini, next times IRD tidak ada lagi kantin, tidak ada tempat facilities makan lagi, pegawai tidak boleh makan dan minum keluar lagi. Dia kena duduk di pejabat dia, masa check in, check out itu datang ke pejabat, pagi datang dan petang pulang.

Jadi saya belum kata bersetuju tidak bersetuju soalan ini, tetapi pandangan IRD untuk pegawai dia, saya salute pandangan itu kerana Tuan Yang di-Pertua, cuba telefon pegawai, kadang-kadang disiplin yang refind part of discipline ini patut kita jaga jangan spend too much time at the canteen, don't spend too much time outside somewhere else dengan dengan izin,.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada MARDI dengan disiplin ini, saya berharap pihak MARDI ini mempelbagaikan. Yang pertama, menolong pihak-pihak petani yang bermasalah. Kalau petani itu bermasalah sekarang, kita lihat petani yang sibuk di Sarawak sibuk dengan golden snail, orang Semenanjung kata siput orang Sarawak kata 'tempoyong'. Golden snail ini masalah di Sarawak sekarang, sepatutnya MARDI boleh datang turun ke padang, beri nasihat dan mencari solution supaya pihak petani ini boleh diselamatkan.

Yang kedua, saya hendak tanya kepada pihak kementerian tolong jawab, apakah pihak MARDI kalau ia buat satu pendapat, ia sudah buat satu penyelidikan dan penyelidikannya telah didapati adakah ini disimpan masuk ke dalam fail, buat laporan kepada kementerian untuk menunjukkan bahawa mereka telah membuat kaji selidik dan pendapat mereka, untuk makluman kepada kementerian ataupun adakah pendapat dan kaji selidik mereka ini telah membuang peruntukan daripada kerajaan ini untuk disebar kepada semua rakyat terutama sekali di kalangan petani untuk diketahui dan diguna mungkin dieksploitasikan sebagai bahan keluaran negara.

Umpamanya, kalau sesuatu benda itu yang perlu sudah didapati oleh MARDI, yang boleh ditanam di Sarawak, umpamanya di Sarawak orang hendak tanam nanas umpamanya, jadi kalau MARDI bukan sahaja melihat penyelidikan, jangan selidik soalan nanas sahaja, bukan selidik hal soil untuk nanas sahaja, bukan selidik persoalan hendak buat canning nanas untuk bikin nanas tin sahaja, tetapi kena selidik juga competition nanas seluruh negara sama ada nanas kita sudah mencukupi, klon mana, corak mana yang boleh diguna untuk ditinkan dan untuk dijual di seluruh negara. Jangan bimbang dengan competition daripada Hawaii, competition dari negara-negara lain, kita boleh, kalau kita boleh mempertahankan kelapa sawit insya-Allah kita boleh juga mempertahankan nanas dan barang-barang lain yang kita eksport.

Pada masa sekarang Tuan Yang di-Pertua, sedih saya lihat di Kuching, orang makan 'the snack' macam-macam, buah masam, buah freezed, buah pickle, kacang soya dan sebagainya dijual di merata-rata, di pasar malam dan di pasar siang di Sarawak. Semuanya daripada Indonesia ataupun dari Filipina, kita tidak boleh

buatkah? Kita boleh buat, masalahnya pertolongan dari agensi kerajaan, penyelidikan yang dibuat oleh pihak MARDI tidak diketahui, jadi orang kita mungkin kerana selama ini kita mempunyai keadaan ekonomi baik dan kita tidak tertekan, jadi kita berharap pada benda yang baik sahaja, benda yang susah tidak terfikir. Bila masa tertekan kita tidak tahu apa yang hendak dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi perkara yang hendak saya buat, oleh kerana janji saya hendak bercakap sedikit tadi, beri peluang saya bercakap lagi lepas ini, Terima kasih..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Setiausaha Parlimen.

10.49 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Datuk Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Menteri mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian iaitu Yang Berhormat dari Kepong, Machang dan Batang Lupar.

Banyak perkara yang telah dibangkitkan berkaitan dengan disiplin dan juga berkaitan dengan tugas-tugas MARDI guna untuk dipakai oleh semua masyarakat di Malaysia. Yang Berhormat dari Kepong yang telah membangkitkan siapa yang melantik penjawat ataupun staff dan juga Penjawat Lembaga. Penjawat Lembaga adalah dilantik oleh lembaga sendiri dengan lain perkataan oleh satu badan yang dikelolakan oleh lembaga sendiri untuk melantik pegawai-pegawai. Kepong, okay?

Dr. Tan Seng giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan memang tidak okay kerana saya tidak tahu apa yang disebutkan tadi. Bolehkah jelaskan lagi.

Datuk Abu Bakar bin Taib: Jadi pegawai yang berkhidmat di MARDI dilantik oleh lembaga di bawah seksyen 7 Akta Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian Malaysia 1996 dan ahli-ahli Lembaga MARDI dilantik oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kes rayuan, sebelum inipun bukanlah perkara baru dalam kita hendak buat pindaan ini sebab kita hanya hendak menyelaraskan akta-akta yang berkaitan dengan tata tertib berasaskan kepada peruntukan semasa. Jadi dulunya memang kita ambil tindakan disiplin kebanyakan di bawah Chapter D, tindakan disiplin yang kita ubahsuaikan mengikut keadaan. Tetapi

disebabkan dalam jawapan saya sebelum ini dan disebabkan SSB baru-baru ini maka terpaksa kita pinda yang berkaitan dengan disiplin.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita tidak hendakkan orang itu teraniaya dalam menjalankan tugas. Walaupun terdapat segelintir manusia yang masih lagi buat sambil lewa kerja-kerja maka adalah kita cuba bagi peluang kepada mereka. Pada prinsipnya memanglah niat kita baik tetapi hanya hendak menjaga Lembaga daripada tercemar oleh sebahagian kecil pegawai.

Saya sendiri dulu sebagai pegawai MADA, Lembaga di bawah Kementerian Pertanian, saya jadi pengerusi lembaga disiplin, saya maklumkan perkara ini dan telah dijalankan dengan baiknya walaupun tidak ada rayuan tetapi yang dibuang kerja disebabkan ponteng, disebabkan kes-kes dadah yang berkaitan dengan lain-lain yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Machang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan gerakan tertentu. Pada saya ini telah dijawab oleh beliau sendiri seperti yang telah diberi oleh Yang Berhormat Marang. Walau bagaimanapun, kita mulakan latihan dalaman, kursus dan juga woksyop, seminar, guna untuk mendedahkan pegawai-pegawai kita kepada apa yang dilakukan oleh kerajaan, dan kita harap dengan adanya kursus-kursus dalaman ini dan juga kita ada lain-lain lagi yang diperlukan maka harapan kita supaya pegawai-pegawai terlibat dapat dibawa semula kepada mainstream, dengan izin, tindakan yang perlu untuk menjalankan tugas kita sebagai pegawai kerajaan.

Jadi, dalam perkara ini, kita telah mengadakan pelbagai kursus dan pelbagai fail meja dan seterusnya, MARDI, MADA, KADA di masa-masa yang lepas kita memang ada kursus tertentu untuk meyakinkan mereka dan bahawasanya kerajaan adalah kerajaan yang adil dan kerajaan adalah yang betul-betul bertimbang rasa terhadap mereka. Walau bagaimanapun, memang tindakan kita tegas tetapi full of confession.

Yang Berhormat dari Batang Lupar telah menyentuh berkenaan dengan beberapa perkara yang telah dibangkitkan iaitu apakah yang MARDI buat sama ada MARDI menjadi penyebar R&Dnya. Jadi dalam hal ini, sukacita saya nyatakan bahawasanya apa yang dilakukan oleh MARDI semuanya disebar kepada rakyat melalui Jabatan Pertanian dan lain-lain agensi yang terlibat dalam semua bidang, misalnya kita dapati macam food technology yang berkaitan makanan dan semua boleh dikatakan 100 orang ahli IKS telah mengambil bahagian di dalam production

ini, misalnya dari segi santan kelapa, dari segi jus yang telah dikeluarkan dan juga lain-lain lagi dan semuanya dikeluarkan oleh MARDI. Jadi telah dikeluarkan dan disebar kepada orang ramai dan digunakan sepenuhnya. Jadi walaupun demikian, kita masih lagi mendapati banyak lagi proses yang perlu dibuat untuk mengemaskinikan lagi tugas kita.

Satu soalan lagi yang dikemukakan ialah bario rise ataupun Padi Bario. Jadi MARDI telah menjalankan banyak penyelidikan, misalnya kita tanam basmati di Malaysia, boleh tanam tetapi hasilnya rendah, 2 tan, 1 tan, dan juga beras Jepun kita telah tanam di MADA dan dapat hasilnya yang begitu rendah sekali maka kita tidak perlulah tanam kerana lebih baik apabila kita import dan persoalannya kita telah menjalankan penyelidikan, hanya dari segi inilah mungkin kita akan tingkatkan lagi usaha-usaha penyelidikan ini untuk kita menambahkan tetapi pada saya persoalannya penyelidikan kita telah buat.

Jadi dalam pertanian ini, sebenarnya kita mengambil masa misalnya kita cerita pasal padi, jagung. Jadi jagung ataupun padi ini kita hendak tahu macam-macam masalah padi, misalnya dari segi resistance, dari segi hasil, dari segi lodging, dan macam-macam lagi yang kita perlu fikirkan, dan kita terpaksa masukkan faktor-faktor yang tertentu yang berkaitan hasil padi yang tinggi dan masalahnya kurang dan lodgingnya tidak berlaku, itulah yang kita lakukan tetapi ini mengambil masa panjang, bertahun-tahun masih lagi kita tidak dapat mengadakan sesuatu, itulah yang dilakukan tetapi persoalannya ialah jagung seperti Jagung Madu yang dikeluarkan oleh MARDI, insya-Allah kita akan terus mengadakan penyelidikan lebih lagi untuk misalnya sekarang ini kita hendak mengadakan jagung untuk makanan ayam dan sebagainya. Sekarang ini jagung makanan ayam kita hanya dapat mengeluarkan lebih kurang 3 tan dalam 1 hektar, tidak cukup. Jadi, itulah kita sedang mencari baka yang tertentu yang dapat menaikkan hasil. Nanas dalam tin dikeluarkan oleh MARDI. Cili walaupun kita nampak dari segi publisitinya Cili Bangi dan sebagainya tetapi yang dikeluarkan oleh MARDI begitu hebat sekali.

Jadi, persoalannya adalah sama ada orang tahu, tidak tahu. Hari ini kita telah sebarakan melalui Jabatan Pertanian dan juga secara umum telah disebarakan dan selalunya perkhidmatan extension yang telah kita dijalankan, peladang tahu tetapi mungkin sebaiknya suatu hari kita akan mengadakan taklimat untuk Yang Berhormat, kita akan mengadakan di MARDI.

Jadi sekianlah yang dapat saya jawabkan dan kita akan mengambil memaklumkan yang lainnya dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 1999

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.02 pagi

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1999 ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 selepas ini disebut Akta 53 bagi membolehkan pelaksanaan keputusan Belanjawan 1999 mengenai perubahan sistem taksiran cukai pendapatan daripada sistem berasaskan tahun sebelum kepada sistem berasaskan tahun semasa serta menyediakan peruntukan peralihan bagi melepaskan

cukai ke atas pendapatan tahun 1999 dan menyediakan peruntukan bagi memastikan yang pelepasan yang diberi tidak disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menghuraikan perkara-perkara penting dalam rang undang-undang ini.

Pertama, Fasal 2 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 20 Akta 53 bagi memperuntukkan bahawa tahun asas dan tahun taksiran hendaklah tahun kalendar yang sama. Sebelum pindaan ini tahun asas bagi tahun taksiran ialah tahun kalendar sebelumnya.

Kedua, Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 21 Akta 53 bagi menetapkan tempoh asas bagi perniagaan yang menutup akaun selain daripada 31 Disember atau dengan kata lain akaun yang meliputi dua tahun kalendar.

Pada prinsipnya tempoh 12 bulan tersebut hendaklah diambil sebagai tempoh asas.

Yang ketiga, Fasal 4 adalah bertujuan meminda seksyen 42 Akta 53 bagi memperuntukkan jika dua tempoh asas bertindih, penepatan larasan hendaklah diagihkan atas asas masa supaya pendapatan tersebut dibahagikan sama rata selama tempoh tersebut dan pendapatan yang berkaitan dengan tempoh bertindih tersebut tidak akan dicukai dua kali.

Keempat, Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 77 Akta 53 bagi meletakkan tanggungjawab kepada mereka yang layak membayar cukai untuk memberitahu ketua pengarah bahawa dia patut dikenakan cukai sebelum 15 April tahun berikutnya kecuali jika mereka yang telah pun menerima return cukai.

Kelima, Fasal 6 adalah pindaan berbangkit berikutan pelaksanaan taksiran berasaskan tahun semasa bagi membuat taksiran dalam situasi di mana punca perniagaan diberhentikan atau di mana punca pendapatan baru bermula.

Fasal 2, 3, 5 dan 6 berkuatkuasa pada 1 Januari 2000, sementara Fasal 4 berkuatkuasa pada tahun taksiran 1999 dan tahun berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 7 dan 17 adalah merupakan peruntukan sementara untuk tempoh peralihan dari sistem cukai berasaskan tahun sebelumnya kepada sistem cukai berasaskan tahun semasa.

Perkara penting di bawah Fasal-fasal itu adalah:

- (i) Fasal 8 adalah bertujuan untuk memberi pelepasan cukai ke atas pendapatan yang diperolehi pada tempoh asas yang berakhir pada tahun 1999 kecuali pendapatan dividen, pendapatan penggajian oleh bukan warganegara atau bukan pemastautin yang bermula atau berhenti bekerja pada tahun 1999 serta pendapatan yang dikenakan cukai pegangan sebagai cukai muktamad;
- (ii) Fasal 9 adalah untuk memperuntukkan bahawa tempoh asas untuk tahun taksiran 2000 berkenaan seseorang yang tamat perniagaannya dalam tahun 1998 ialah tempoh yang bermula selepas tempoh asasnya yang terakhir sehingga hari penamatan tersebut. Peruntukan ini membolehkan seseorang itu masih mendapat manfaat daripada pelepasan tersebut;
- (iii) Fasal 10 pula adalah untuk memperuntukkan jika akaun sesuatu perniagaan disediakan untuk tempoh lebih daripada 12 bulan, cukai hendaklah dilepaskan bagi pendapatan untuk tempoh 12 bulan pertama dan tempoh tersebut hendaklah diambil sebagai sebahagian daripada tempoh asas untuk tahun taksiran 2000 berasaskan tahun semasa;
- (iv) Fasal 11 bertujuan untuk menentukan pendapatan untuk tujuan pelepasan cukai di mana elaun modal di bawah Jadual 3 kepada Akta 53 hendaklah dianggap telah dituntut;
- (v) Fasal 12 memperuntukkan pendapatan yang dilepaskan dikreditkan ke akaun yang dikecualikan ataupun, dengan izin, exempt account, supaya pengagihan dividen daripada akaun itu juga dikecualikan;
- (vi) Fasal 13 hingga 15 memperuntukkan mekanisme untuk mengawal elak cukai yang memberi kuasa kepada ketua pengarah untuk membuat pelarasan atau tidak mengambil kira mana-mana transaksi yang mempunyai kesan mendapat manfaat yang tidak wajar daripada pelepasan cukai;

- (vii) Fasal 16 pula memperuntukkan kaedah bagi pengiraan cukai ke atas pendapatan yang tidak mendapat pelepasan seperti dividen. Kaedah yang digunakan pada prinsipnya adalah berasaskan perbezaan antara cukai yang dikenakan dengan mengambil kira semua pendapatan termasuk pendapatan yang tidak mendapat pelepasan dengan cukai yang dikenakan dengan mengambil kira semua pendapatan tidak termasuk pendapatan yang tidak mendapat pelepasan; dan
- (viii) Fasal 17 bagi menjelaskan bahawa tahun taksiran 2000 yang berasaskan tahun sebelum adalah disusuli oleh tahun taksiran 2000 yang berasaskan tahun semasa. Ini bermakna terdapat dua tahun taksiran untuk tahun kalendar 2000.

Fasal 18 adalah peruntukan untuk mengekalkan pemakaian sistem taksiran berasaskan tahun sebelum bagi taksiran sebelum taksiran 2000. Lain-lain pindaan yang dicadangkan di dalam rang undang-undang ini adalah kecil dan berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoon Seng]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan tahun 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Balik Pulau.

11.09 pagi.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga hendak mengambil bahagian sedikit sahaja dalam perbahasan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1999 ini, yang sebenarnya adalah consequential kepada Supply Bill yang telah kita luluskan untuk Belanjawan 1999.

Antara lain Fasal 7 sehingga 17 ini menyentuh tentang pelepasan-pelepasan cukai ke atas pendapatan yang diperolehi pada tahun 1999 dan salah satu daripada komponen pendapatan yang termasuk dalam takrif Akta Cukai Pendapatan ini ialah pendapatan dividen.

Saya ingin menyentuh sedikit tentang peranan yang boleh dimainkan oleh Dasar Percukaian Negara, khususnya dasar percukaian terhadap dividen dan juga terhadap capital gains dalam pada kita melihat semula bagaimana kita hendak memperkukuhkan lagi Bursa Saham Kuala Lumpur.

Kita tahu bahawa satu daripada masalah yang kita hadapi sekarang berpunca daripada penurunan nilai dalam Bursa Saham Kuala Lumpur yang begitu tinggi dalam lingkungan 1,200 paras indeksinya kepada sekarang ini hampir-hampir 700 kita sudah agak recover daripada tahap yang rendah sehingga 300 pada satu ketika.

Kita tahu bahawa elemen spekulasi dan juga kecairan dalam pasaran ini adalah perlu dalam pasaran modal seperti Bursa Saham Kuala Lumpur tetapi kita juga tahu bahawa satu daripada penyebab ketidakstabilan dan juga volatility naik turun yang terlalu tinggi yang berlaku di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur disebabkan oleh unsur spekulasi yang keterlaluan dan apabila terdapat persekitaran yang membenarkan spekulasi berlaku sedemikian rupa, maka institusi-institusi kewangan yang lain sama ada bank dan juga syarikat-syarikat pembrokeran oleh sebab mereka memandangkan kepada keuntungan yang boleh dibuat dengan pembiayaan pembelian dan jualan saham ini, mereka pun akan menyokong usaha ini dan dalam tempoh dua, tiga tahun sebelum berlakunya krisis ekonomi pada pertengahan tahun 1997 perkara ini berlaku dengan begitu ketara sekali.

Saya lihat dalam negara kita ini, kita mengenakan cukai yang secara automatik ke atas pendapatan dividen maknanya 38% sememangnya apa juga dividen yang diperolehi oleh pemegang saham akan dikenakan cukai, tetapi kita tidak kenakan cukai kepada capital gains yang diperolehi dalam pegangan saham oleh mana-mana pelabur. Insentif yang wujud daripada sistem percukaian macam ini menggalakkan pelabur dalam pasaran saham lebih berjangka pendek sebab ia tidak sangat bergantung kepada pendapatan dividen tetapi bergantung kepada peningkatan nilai saham (capital gains) dan mereka tahu bahawa jika mereka melakukan spekulasi yang berlebihan ini dan dapat meningkatkan nilai saham, maka mereka akan meraih keuntungan dari segi capital gains ini yang begitu tinggi.

Jadi, antara lain dasar percukaian ini telah menyumbang kepada peningkatan spekulasi, maka kita juga lihat kaunter-kaunter ataupun syarikat-syarikat yang baik di

dalam Bursa Saham Kuala Lumpur, syarikat-syarikat yang blue chips, yang tua-tua, yang lama-lama ini yang ditadbirkan dan diurus secara yang baik, mereka adalah juga syarikat yang memberi dividen yang tinggi, kalau kita lihat syarikat seperti Dutch Baby misalnya, dia punya saham dari segi naik turun sahamnya tidak tinggi, pemegang saham, pelaburnya tidak akan mendapat pulangan dari segi pertambahan nilai yang tinggi tetapi syarikat tersebut dapat memberi dividen yang tinggi kepada pemegang-pemegang sahamnya.

Jadi, satu daripada perkara walaupun tidak termasuk dalam pindaan yang dicadangkan ini, yang boleh difikirkan oleh kerajaan untuk menstabilkan pasaran saham dan menggalakkan pelaburan yang berjangka panjang dan sekali gus jika pelabur bermotifkan jangka panjang maka ini juga akan meningkatkan tekanan kepada pengurusan syarikat untuk jadi performance oriented, maknanya mereka akan terpaksa mengurus syarikat secara yang baik supaya di akhir tahun kewangan syarikat-syarikat yang tersebut, mereka dapat memperolehi keuntungan yang besar dan keuntungan ini boleh diagihkan dalam bentuk dividen kepada pemegang-pemegang saham.

Dengan cara ini pelabur lebih berorientasikan jangka panjang dan juga pengurus-pengurus syarikat dan juga lembaga-lembaga pengarah syarikat akan dituntut untuk lebih performance oriented dan dengan secara tidak langsung kita akan mengurangkan unsur spekulasi semata-mata.

Jadi, jika sistem ataupun Dasar Percukaian kita adalah sebegini rupa, maka insentif yang diperkenalkan dalam pasaran ialah pelabur-pelabur akan lebih berhati-hati, ia akan melabur dalam bentuk membeli saham-saham syarikat ini berdasarkan kepada performance syarikat itu ataupun potensi syarikat-syarikat tadi untuk membayar dividen yang tinggi.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi, kalaulah boleh dipertimbangkan untuk masa akan datang walaupun tidak masuk di sini, ialah saya tidak mahu mencadangkan di sini memang kena kita perkenalkan capital gains tax, jadi dalam keadaan sekarang kalau kita perkenalkan capital gains tax, ia merupakan satu pemendapan kepada keghairahan yang sedang meningkatkan pasaran saham ini, tetapi kita kenalah beri sedikit insentif dalam dasar

percukaian kita, mungkin selepas kita sudah baik sedikit dari keadaan ini supaya dividen dicukai pada kadar yang lebih rendah tetapi memperkenalkan capital gains tax pada tahap-tahap yang tertentu supaya insentifnya ialah pelabur melabur bermotifkan jangka masa sederhana ataupun panjang.

Oleh yang demikian, syarikat akan terpaksa dalam pengurusannya memberi penekanan kepada memperoleh keuntungan. Jadi, pada masa yang sama juga kalau kita boleh buat perubahan ini, pasaran tidak akan didorong terlalu banyak oleh cakap-cakap rumours ini, kadang-kadang kita lihat kaunter saham satu-satu syarikat itu naik melonjak-lonjak dan pelabur mengikuti, orang kata heards instinct ini, masuk beramai-ramai, sebahagian besar daripada mereka tanpa mengetahui syarikat itu punya core business apa pun dia tidak tahu tetapi pasaran adalah sedemikian rupa, kalau ramai orang masuk, permintaan naik maka harga saham pun naik.

Jadi, benda yang naik cepat ini memang dia selalu turun pun cepat, jadi benda macam ini saya ingat boleh kita betulkan melalui dasar percukaian seperti yang saya katakan tadi. Mungkin Kementerian Kewangan dan Perbendaharaan boleh menentukan untuk setiap peratus penurunan cukai ke atas pendapatan dividen berapa banyak yang ia boleh hilang hasil, tetapi pada masa yang sama untuk setiap peratus pertambahan cukai ke atas capital gains tax berapa banyak ia boleh memperoleh hasil cukai.

Saya ingat, kalau kita buat secara yang elok, pada agregatnya hasil kepada kerajaan tak akan turun banyak ataupun mungkin lebih kalau kita perkenalkan sedikit capital gains tax tetapi kita kurangkan cukai ke atas pendapatan dividen dan kesan bersih kepada Perbendaharaan tidak akan berubah mungkin positif tetapi kesan kepada pasaran akan menjadi positif kerana kita tidak akan menghukum pemegang-pemegang saham yang jangka panjang dalam syarikat-syarikat yang memberi dividen yang tinggi. Kerana saya lihat masih juga sekarang ini ada syarikat yang mampu declare dividen sampai 20% dalam Papan Utama juga.

Jadi, ini menunjukkan syarikat-syarikat ini adalah syarikat-syarikat yang diurus dengan baik, tetapi pada masa yang sama kadang-kadang kita lihat syarikat yang ada dia punya PE rasionya tinggi bukan main sampai 50 atau 60 kali harganya berbanding daripada pendapatan atau perolehannya dan pada masa yang sama dividennya adalah

begitu rendah 3% atau 4% dan ini tidak baik dan kalau kita lakukan perubahan seperti yang saya cadangkan tadi, maka ini juga boleh membantu industri, Unit Trust industry ini, industri saham amanah kerana kita sekarang ini di dalam pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur, institutional investors yang terdiri daripada pengurus dana tempatan, Unit Trust industries ini tidak cukup besar lagi dan satu dari usaha kerajaan sejak beberapa tahun yang lepas ialah untuk menggalakkan pertumbuhan industri pengurusan dana saham-saham amanah ini dan saham-saham amanah ini adalah bukan speculative sifatnya dan saham-saham amanah sebenarnya mendapat pendapatan untuk membayar dividen kepada pemegang-pemegang saham amanah ini menerusi pendapatan dividen daripada syarikat-syarikat yang mana ia memegang saham.

Jadi, kalau keseluruhan pasaran saham di Kuala Lumpur ini berorientasikan performance dalam bentuk pendapatan dividen, sekaligus kita juga boleh menggalakkan pertumbuhan industri pengurusan dana ini kerana untuk menarik orang membeli saham-saham amanah di Unit Trust ini, satu daripada pertimbangannya semestinyalah dividen yang dapat dibayar dan juga bonus shares yang dapat diberi oleh pengurus-pengurus dana ini. Jadi, kalau pengurus-pengurus dana hanya boleh menjanjikan 5%, 6%, 7% dan 8% tetapi kalau pelabur tadi rasa dia boleh masuk dalam pasaran berorientasikan spekulasi, kalau nasib baik ia dapat capital gains yang begitu banyak, jadi buat apa dia hendak laburkan secara berterusan sebagai satu tabungan dalam unit-unit Amanah Saham, sebagaimana yang berlaku sekarang ini.

Pada suatu ketika di mana saham-saham amanah negeri-negeri Terengganu, Kedah, semua ada beri jaminan pulangan 10% macam begitu, orang beli saham itu dan bila orang beli saham itu maka pengurus-pengurus ini secara agregate ada penguasaan pasaran dari segi peratus penguasaan pasaran Bursa Saham adalah besar dan ini memberi kestabilan kepada pasaran keseluruhan kerana pengurus-pengurus dana (institutional investors) ini masuk secara fundamental. Jadi, ia tidak masuk-keluar, masuk-macam retail investors dan ini juga membekalkan pasaran dengan kestabilan yang kita perlu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kerajaan boleh mempertimbangkan soal perubahan dalam dasar percukaian ini antara dividen dan juga capital gains, sekaligus saya yakin kita boleh menyumbang ke arah penyelesaian masalah-masalah yang saya sebutkan tadi. Satu, membekalkan kestabilan kepada pasaran, mengurangkan volatility naik-turun harga, kita boleh menekankan bahawa pelaburan dalam pasaran saham walaupun kita terima kena ada unsur spekulasi, kena ada short-term liquidity dalam pasaran tetapi kalau kita buat macam ini, kita boleh lebih menekankan kepada performance syarikat dan bukan itu sahaja, kita boleh menjadikan pelaburan dalam pasaran saham di Malaysia ini lebih profesional berpandukan analisis-analisis yang fundamental daripada dengar berita-berita angin - remisier sini cakap, broker sini cakap. Perkara yang berikutnya kalau kita lakukan perkara ini semua, ia boleh menyumbang kepada pertumbuhan industri pengurusan dana dalam negara kita. Apabila industri pengurusan dana Amanah Saham ini makin banyak dan jadi makin menarik dari segi pulangnya, maka lebih ramai daripada rakyat akan sanggup menggunakan pelaburan dalam unit Amanah Saham ini sebagai satu skim pelaburan dan juga skim simpanan. Apabila peratusan market capitalization keseluruhan pasaran Kuala Lumpur yang dikuasai oleh Unit Saham Amanah ini makin besar, maka keseluruhan pasaran itu pun akan menjadi lebih stabil. Jadi, saya rasa masanya telah tiba mungkin kalau kementerian ataupun kerajaan cakap memang hendak kenakan capital gains tax sekarang ini, pasaran akan jatuhlah esoknya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sudah tidak lebih macam ini saya rasa kita sudah boleh naik ke RM700 lebih, jadi sudah selesai sedikit masalah kelam-kabut ini sedikit, kerajaan boleh memperkenalkan atau mempertimbangkan cadangan saya ini untuk mengurangkan cukai kepada pendapatan dividen dan mempertimbangkan untuk mengenakan capital gains tax kepada pulangan yang diperolehi daripada capital gains, daripada pelaburan di dalam pasaran saham di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya memohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada 10 lagi rang undang-undang, termasuk 9, kemudian yang lain itu perintah cukai, duti kastam dan ada satu lagi Usul ke bawah. Saya tidak dapat pesanan ataupun keputusan hendak sambung besok. Jadi yang demikian, kita hendak sambung malam ini kalau sekiranya kita tidak dapat arahan hendak menyambung besok. Jadi, yang demikian, saya terpaksa menjaga masa. Saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap 10 minit sahaja, ya. Yang Berhormat Bintulu.

11.26 pagi

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dari rang undang-undang ini saya mendapati beberapa perkara perlu dibangkitkan untuk pengetahuan dan tindakan Dewan bahawa apakah rasional tahun asas dan tahun taksiran berkuatkuasa 1 Januari 2000 berjalan serentak dengan tahun kalendar yang sama selain dari pelaksanaan Potongan Cukai Berjadual. Walaupun ianya baik kepada urusan Lembaga Hasil Dalam Negeri, tetapi bagi syarikat-syarikat yang bermasalah kewangan, mereka terpaksa mematuhi arahan statutory terlebih dahulu dari menggunakan wang mereka untuk memusing modal perniagaan. Apakah ini langkah maju bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri setelah ia diperbadankan umpamanya pada Fasal 17 bahawa tahun taksiran 2000 yang berasaskan tahun sebelumnya adalah disusuli oleh tahun taksiran 2000 yang berasaskan tahun semasa. Saya tidak fikir rakyat bersetuju dengan pemakaian kaedah dua tahun taksiran untuk tahun kalendar 2000 kerana mereka terpaksa membayar cukai dua kali dalam setahun.

Walaupun terdapat usaha membuka lebih banyak pejabat LHDN seluruh negara tetapi tahap ini belum boleh dibanggakan kerana masalah longgokan kerja dan ketidakselarasan urusan pencukaaian masih berlaku antara negeri. Jika seorang peniaga membuka perniagaan di beberapa negeri, beliau masih menerima borang-borang taksiran pendapatannya dihantar oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dari negeri-negeri di mana perniagaannya beroperasi. Ada baik jika LHDN dapat menyelaraskan dan menyatukan hal cukai menerusi sistem komputer di mana pembayar cukai tidak perlu pergi dari satu negeri ke negeri lain. Sementara itu, sistem jaringan

Internet pembayar cukai hendaklah diperkenalkan bagi memudahkan ramai pembayar menjelaskan hutang cukai mereka.

Di samping itu, saya perhatikan langkah LHDN dalam aspek penguatkuasaan masih terdapat banyak syarikat besar yang tidak mengemukakan penyata cukai syarikat dan pekerja menurut masa yang ditetapkan. Misalnya, setiap tahun syarikat-syarikat dikehendaki mengemukakan penyata taksiran cukai dalam tempoh sebulan dari tarikh setiap 28 haribulan Februari atau sebulan dari tarikh terima borang taksiran yang dikirim oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Peraturan ini patut dilonggarkan. LHDN hendaklah memperkenalkan kepada pembayar cukai bahawa mereka boleh mengemukakan penyata cukai dan membayar cukai pendapatan tanpa had waktu. Jika didapati dalam tempoh tertentu terdapat syarikat yang engkar peraturan, tindakan keras boleh diambil ke atas mereka.

Satu perkara lagi saya ingin sebutkan di sini, memandangkan kerap menerima aduan tentang pembayar cukai yang sering menerima borang taksiran cukai tahunan walhal beliau sudah meninggal dunia. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan toleransi dan hidup dalam berkasih sayang, apa salahnya jika kerajaan dapat mengecualikan mana-mana pembayar cukai yang masih tertunggak di bawah RM1000 dikecualikan cukai kerana sering terjadi simati atau mendiang tidak meninggalkan apa-apa harta kecuali hutang. Maka tanggungjawab membayar hutang simati berpindah kepada waris sedangkan siwaris pula berdepan dengan pelbagai masalah hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin bertanya berapa ramaikah rakyat asing yang melarikan diri tanpa membayar cukai baik di bidang hiburan, ikhtisas dan pekerja mahir dan golongan rakyat Malaysia yang dikecualikan dari membayar cukai pendapatan sedangkan mereka hidup mewah baik di sektor awam atau swasta? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

11.30 pagi

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya walaupun kita ada 9 rang undang-undang tetapi saya percaya kita boleh habis kerana tidak banyak boleh di.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kalau Yang Berhormat boleh tolong, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya boleh tolong, memang saya sentiasa tolong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, inilah rang undang-undang pertama yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang merupakan rang undang-undang yang sangat penting yang melibatkan jumlah wang kira-kira RM30 bilion. Ini memang satu pembentangan yang hebat walaupun ucapan tadi tidak begitu hebat daripada sesetengahnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan masa yang terhad saya hendak mencadangkan supaya Yang Berhormat dan Kementerian Kewangannya mengumumkan bila kita akan melaksanakan Sale and Service Tax (SST) atau Value-Added Tax (VAT) sebab di Malaysia ini kita hampir 46.3% percukaian kita datang daripada cukai langsung (direct taxes) dan juga yang bakinya daripada cukai tidak langsung 35.3% dan non-tax revenues 18.4%. Dengan sedemikian kita sudah mencapai satu keseimbangan buat masa ini dan kalau kita hendak maju lagi daripada segi percukaian maka kita mesti beralih daripada tahun-tahun 60-an lagi kita mula mengimbangkan di antara percukaian langsung dan tidak langsung. Setakat ini kita sudah mencapai satu tahap, kalau kita hendak maju lagi kita mesti adakan sistem percukaian yang baru. Dengan sedemikian saya tidak tahu sama ada pada tahun 2000 atau 2001, pihak kementerian akan melaksanakan SST di negara ini. Kalau itulah yang akan dibuat saya berharap Yang Berhormat dapat mengumumkan bagaimana kita dapat melaksanakan dengan rintangan dan halangan yang masih ada di masyarakat sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti mana yang disebutkan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah rang undang-undang ini untuk membolehkan pungutan cukai bagi tahun selepas peralihan sistem percukaian tahun semasa mulai tahun hadapan-‘Pay As You Earn’. Dengan ini memang menimbulkan masalah,

kekeliruan kerana ada sesetengahnya yang berasa mereka tidak perlu bayar cukai di Malaysia ini kecuali orang yang berpendapatan rendah semua mesti bayar cukai dan saya tidak nampak pihak Kementerian Kewangan dan LHDN begitu murah hati untuk membiarkan orang tidak bayar cukai, itu satu tafsiran yang salah. Memang kita hendak tahu macam mana mereka akan melaksanakan sistem baru ini, sistem percukaian tahun semasa. Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya usaha untuk pendidikan, ceramah, penerangan, dipertingkatkan lagi. Walaupun adanya usaha oleh pihak LHDN untuk menemui orang-orang yang berminat, organisasi dan syarikat-syarikat ada juga yang menemui mereka dan juga ceramah-ceramah, tetapi bagi saya ini belum mencukupi. Baik juga pihak LHDN mengadakan minggu percukaian dan sebagainya, kempen-kempen seumpama ini tetapi belum mencukupi. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan di sini pelepasan cukai untuk pekerja-pekerja asing? Saya diberitahu pekerja-pekerja asing akan dilepaskan daripada membayar cukai kecuali orang-orang yang kerja sementara sahaja dan setakat ini saya belum pasti macam mana pihak pekerja asing dapat dikecualikan membayar cukai sebagai satu insentif oleh mereka yang menceburkan di dalam beberapa bidang. Ada satu lagi kekeliruan mengenai status syarikat baru yang bermula operasi yang berakhir tahun kewangannya pada 31 Disember 1999. Ini memang satu kekeliruan macam mana syarikat-syarikat yang tahun kewangannya berakhir pada 31 Disember 1999 akan mendapat faedah daripada pelepasan cukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu memang sistem bayaran cukai semasa ini telah dimulakan pada 1 Januari 1995 dan pekerja-pekerja yang mula bekerja selepas tarikh ini dan dari Sabah dan Sarawak mereka memulakan sistem ini lebih awal dan dari segi ini mereka lebih maju dari segi bayaran ini. Mereka yang sudah membayar cukai pendapatan satu tahun lebih awal daripada tahun penaksiran memang mereka dapat dikecualikan. Saya diberitahu bahawa semua majikan telah diarah memberhentikan Potongan Cukai Berjadual (PCB) atau Scheduled Tax Deduction Scheme dan pihak majikan sudah diarah memberhentikan PCB ini bagi 320,000 pekerja dan memang kita tidak tahu macam mana pihak LHDN memberitahu majikan ini dan sebagainya

kerana yang terlibat 320,000 pekerja, memang satu kumpulan yang besar dan pihak kementerian perlu menjelaskan macam mana dengan perkara 320,000 pekerja yang diberhentikan PCB ini. Seterusnya ada sebanyak 800,000 pembayar cukai yang mula bekerja sebelum PCB dilaksanakan masih perlu membayar cukai pendapatan pada tahun ini dan juga tahun hadapan, memang semua orang perlu membayar cukai, itu tidak boleh dielakkan. Walau bagaimanapun apakah keadaan dengan sebanyak 800,000 pembayar cukai ini dan apakah keadaan mereka sekarang?

Tuan Yang di-Pertua, walaupun di pihak LHDN tahun ini kalau tidak silap saya, mengutip cukai berjumlah hampir RM30 bilion iaitu pada tahap RM29.97 bilion pada tahun lepas berbanding RM30.47 bilion bagi tahun 1997 tetapi kita faham kerana keadaan krisis kegawatan ekonomi sekarang memang kutipan cukai telah menurun tetapi tidak banyak saya nampak.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, di sini, saya hendak menanya Yang Berhormat mengenai duti setem. Duti setem merupakan satu bahagian di mana tiap-tiap tahun kita mengutip hingga RM3 bilion. Tetapi dengan keadaan ekonomi sekarang mungkin ini akan turun dengan hebat. Apakah keadaan sekarang mengenai kutipan duti setem? Ini merupakan 10% daripada cukai yang dikutip setiap tahun iaitu duti setem. Dengan syarikat-syarikat mengalami kesusahan dan syarikat-syarikat yang baru dan sebagainya tidak dapat ditubuhkan dan ini menyebabkan duti setem ini menurun dengan hebatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini satu masalah RM30 bilion, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak relevan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak relevan.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana tidak relevan? Saya belum lagi tanya dia self-assessment system of taxation.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, diti setem tidak relevan sebab kita bincang tentang pendapatan individu, bukan pendapatan kerajaan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tahu. Saya sebutkan 10% daripada pendapatan kita.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: No, ini cukai pendapatan individu, bukan pendapatan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, minta gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak ikut prosedur. Tidak ikut peraturan, macam mana boleh berucap macam itu. Satu kelemahanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta gulunglah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak gulunglah. Tuan Yang di-Pertua, ada disebutkan mengenai self-assessment system of taxation – ha, ini memang relevan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, tidak relevan. Kita bincang cukai pendapatan, ini pendapatan individu, bukan pendapatan kerajaan. Jadi, macam SST ini semua pendapatan kerajaan, jadi hendak bercakap ini, itu bill lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Bill lain?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini cukai pendapatan individu, cukai pendapatan kita semua, bukan pendapatan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Jadi, self-assessment system of taxation pun bukan

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: SST you sebut tadi – Sale and Service Tax.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, Sale and Service Tax, tidak relevan langsung?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dalam bill ini tidak relevan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, gulungkanlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak gulunglah, hendak gulunglah....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak usah bertengkarlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia tidak ikut peraturan, Tuan Yang di-Pertua. Itu masalah kita sekarang ini...

Tuan Yang di-Pertua: Ya...[Ketawa] gulungkanlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya hendak gulung. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyeru pihak kementerian supaya mempertingkatkan usaha komunikasi di antara LHDN dengan pembayar-pembayar cukai sebab bagi saya komunikasi yang ada sekarang tidak cukup sehingga menimbulkan banyak kekeliruan, baik kita memperbaiki keadaan dengan mempertingkatkan cara-cara komunikasi di antara LHDN dan pembayar-pembayar cukai. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bagan.

11.43 pagi.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lepas semasa membentangkan Budget untuk tahun ini, Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa orang perseorangan atau pekerja-pekerja tidak perlu membayar cukai pendapatan untuk tahun ini iaitu 1999. Sehingga sekarang masih ramai orang terkeliru bagaimana ia ditaksirkan sebagai tidak perlu membayar. Pada anggapan saya, pada tahun 1998 kami mengemukakan taksiran cukai untuk tahun 1997 dan kita diperlukan untuk membayar cukai yang kena dibayar pada tahun 1997 juga. Pada tahun 1999, kami mengemukakan assessment tahun 1998 dan mungkin pada akhir tahun 1999 kita diberitahu sejumlah wang yang kena dibayar dan kami juga kena bayar pada tahun ini iaitu tahun 1999 untuk tahun lepas iaitu kita membayar apa yang kita hutang (arrears) apa yang kita bayar adalah arrears atau hutang.

Pada tahun ini kalau bagi saya, tahun yang lepas kerajaan kata tidak payah bayar tetapi tahun ini saya kena bayar, bukan bayar untuk tahun ini tetapi bayar untuk tahun 1998. Tahun yang akan datang iaitu tahun 2000 kita akan mengemukakan assessment untuk tahun ini iaitu tahun 1999 dan kita dikatakan tidak payah bayar tahun 1999 tetapi dalam tahun 2000 ada dua kali taksiran kena dikemukakan iaitu tahun 2000 permulaannya mungkin untuk mengemukakan tahun taksiran 1999 dan sekali lagi tahun 2000 untuk mengemukakan taksiran tahun 2000 dan kita dikenakan cukai pada

tahun 2000 tetapi elakkan tahun 1999 tidak payah bayar dan kita bayar juga tahun 2000 kena bayar tahun 2000, tahun 2001 kena bayar tahun 2001. Jadi, tidak ada timbulnya kata kita boleh escape satu tahun, boleh lepas satu tahun tidak bayar. Kena bayar juga, cuma kita bayar yang terhutang atau arrears atau kita bayar current, yang itu, tahun ini bayar tahun ini, okay. Kita memerlukan satu penjelasan yang lebih lanjut oleh kerajaan supaya semua pekerja dan orang awam boleh faham tentang apa yang dikatakan tidak payah bayar cukai pendapatan pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2000 iaitu tahun hadapan kami kena membuat dua taksiran iaitu untuk tahun 1999 ini dan tahun 2000 sendiri dan di sini ada diperlukan bahawa jikalau seseorang itu kena cukai, maka dia perlu mengemukakan taksirannya pada 15 April, jadi tahun 2000 iaitu tahun hadapan saya mesti mengemukakan assessment saya pada 15 April untuk tahun 2000 iaitu saya akan meramalkan berapa jumlah saya boleh dapat untuk tahun 2000 dan kerajaan akan mengenakan cukai atas ramalan saya. Baik, saya mengemukakan ramalan pada bulan April untuk satu tahun. Apa yang akan terjadi jikalau saya dipecat atau diberhentikan kerja pada bulan Jun atau Julai? Saya mengemukakan taksiran pada bulan April tetapi selepas saya mengemukakannya, saya dipecat atau diberhentikan kerja, bermakna saya tidak ada income, saya tidak ada keuntungan, jadi macam mana hendak membetulkan keadaan ini?

Itulah satu masalah dan juga ada ramai pekerja mereka sedang dipotong gaji berjadual oleh majikan mereka dan mereka tanya kepada majikan, sudah kata tahun 1999 tidak payah bayar, mengapa potong gaji lagi. Itu satu perselisihan faham untuk perkara ini, jadi saya minta kerajaan beri satu penjelasan yang teliti dan lanjut untuk membereskan semua perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berturut-turut tiga tahun, kali ini adalah kali yang ketiga saya menyebutkan, saya meminta supaya LHDN memberi satu statement of account untuk setiap pencarum, untuk setiap orang yang kena cukai tetapi selalunya saya dapat jawapan daripada menteri, timbalan menteri atau setiausaha Parlimen – “perkara itu atau cadangan itu adalah baik dan kita akan ambil tindakan”. Untuk mengambil

tindakan memberi satu penyata akaun untuk setiap orang tetapi sehingga sekarang apa pun tidak ada. Kami didesak dan dituntut supaya membayar cukai pendapatan, kami bayar sahaja, orang gaji dikenakan potongan gaji berjadual, tiap-tiap bulan dia kena potong, potong, potong tetapi berapa dia sudah kena potong tidak diberitahu, berapa dia hutang kepada LHDN, tidak tahu. Masih ada berapa wang dalam LHDN, sama ada dia masih ada tinggal wang di sana atau dia terhutang kepada kerajaan, tidak tahu. Mengapa KWSP boleh memberi satu statement of account kepada setiap pencarum? Mengapa bank boleh memberi setiap pelanggannya satu statement of account tiap-tiap bulan? Ini boleh dibuat tetapi LHDN sengaja mahu kutip tetapi tidak mahu memberitahu keadaan atau status orang yang kena cukai.

Jadi, saya mendesak kerajaan supaya memberi satu statement of account atau penyata akaun kepada setiap orang yang kena cukai setiap tahun supaya beliau boleh tahu sama ada beliau ada wang tersimpan dengan LHDN atau beliau masih terhutang kepada LHDN. Sekian, sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Timbalan Menteri jawab.

11.51 pagi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat dari Balik Pulau, Bintulu, Kepong dan Bagan yang telah mengambil bahagian di dalam pembentangan rang undang-undang ini.

Yang Berhormat dari Balik Pulau telah bercakap tentang beliau mencadangkan supaya diwujudkan satu cukai terhadap capital gains bagi mengelakkan unsur-unsur spekulasi di dalam KLSE kita. Jadi, saya ingin menegaskan di sini bahawa kita tidak bercadang untuk berbuat demikian. Ini adalah penting kerana kita bincang perkara ini juga, ianya terlalu sensitif dan mungkin boleh menjejaskan pasaran saham kita pada esok hari. Saya ingin menegaskan iaitu kita tidak akan mengenakan cukai terhadap capital gain untuk mengelak spekulasi. Kita tahu bahawa spekulasi ini wujud disabitkan oleh kerana 'wang panas' dan perkara ini telah pun kita, dengan izin, addressed, dengan memperkenalkan capital control. Maka oleh kerana itu, kita

merasakan bahawa dengan capital control ini dapat kita mengatasi masalah unsur-unsur spekulasi dalam pasaran saham kita. Pada masa ini Malaysia hanya mempunyai capital gain tax atas keuntungan harta tanah iaitu Real Property Gains Tax. RPGT tidak terpakai bagi keuntungan spekulasi saham. Jika sekiranya keuntungan sedemikian dikenakan cukai, kerugian juga perlu dibenarkan sebagai potongan dalam pengiraan cukai.

Cadangan ini kita tidak akan kaji kerana pasaran saham sudah tentulah merupakan satu indicator untuk menunjukkan sama ada ekonomi negara kita sudah pulih ataupun tidak, maka kita harus membuat perkara-perkara yang boleh merangsangkan pasaran saham kita sebab kita akan bersaing dengan banyak pasaran saham daripada negara-negara lain. Maka oleh kerana itu, apa juga bentuk cukai yang dikenakan seharusnya tidak menjadi sesuatu yang boleh menghalang orang daripada datang untuk melabur di sini. Walau bagaimanapun, seperti mana yang telah saya sebut sebentar tadi, iaitu kalaulah tujuannya ialah untuk menghalang unsur-unsur spekulasi dalam pasaran kita, maka perkara ini telah pun kita atasi dengan wujudnya capital control yang telah diperkenalkan pada bulan September tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bintulu bertanya iaitu apakah rasionalnya di mana tahun assessment atau tahun taksiran sekarang ini semuanya telah disamakan dengan tahun asas dan juga tahun kalendar, tidak seperti dahulu. Kalau dahulu year assessment, dengan izin, tahun 1999 maka basis yearnya ialah 1998 dan calendar yearnya ialah 1998. Sekarang ini kita buat di mana year assessment tahun 2000 dan juga basisnya tahun 2000 dan kalendarnya tahun 2000. Jadi, Yang Berhormat hendak tahu apakah sebenarnya rasional di sebalik kita menukarkan perkara ini. Kita melakukan perkara ini kerana ia dapat membolehkan kita membuat perancangan dengan lebih tepat daripada kita mengutip hasil sebelum ini. Maksud saya, Malaysia mempunyai rancangan, katalah Rancangan Malaysia Keenam atau Ketujuh, jadi kita selalunya membuat perancangan kita berdasarkan kepada kutipan hasil kita.

Apa yang berlaku kepada kita baru-baru ini, kita lihat iaitu kita tidak menjangka tahun 1998 merupakan satu tahun yang begitu teruk kepada kita sehinggakan ramalan kutipan hasil kita jauh jatuhnya jika dibandingkan ramalan yang telah kita buat semasa kita hendak membuat Rancangan Malaysia dahulu. Maka oleh kerana itu, kita merasakan bahawa kita tidak boleh lagi berbuat demikian, kita perlu supaya membuat rancangan tentang apa yang hendak dilakukan dengan kutipan hasil ini, hasil daripada tahun berkenaan, kutipan tahun berkenaan. Maka, kita akan tahu berapa jumlah yang telah kita kutip. Kalau tidak, bermakna bahawa anggaran kita akan lari sebab kita assess yang tahun lepas, kita assess tahun lepas tiba-tiba duit kurang dan kita hendak belanja yang ke hadapan ini kita terpaksa tukar balik rancangan perbelanjaan kita. Maka sebab itulah, rasionalnya mengapa kita membuat keputusan untuk assess tahun ini guna tahun asas tahun ini dan calendar year tahun ini, maka kita boleh dapat wang itu dengan serta-merta dan kita tahu berapakah yang boleh kita belanjakan pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, macam mana pun banyak negara telah pun menukar sistemnya kepada “Pay As You Earn” – tahun semasa, jadi saya kira ini merupakan satu perkembangan baru kepada kita yang akan membantu kita untuk membuat perbelanjaan mengikut pendapatan yang real, yang betul kita dapat. Itulah alasannya mengapa kita tukar perkara ini.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini saya cakap tentang Yang Berhormat dari Bintulu, belum lagi Yang Berhormat dari Kepong. Yang Berhormat dari Bintulu juga mengatakan iaitu bahawa Fasal 17 ada dua kali tahun taksiran iaitu satu tahun taksiran seperti yang dahulu, satu lagi tahun taksiran tahun ini. Sebenarnya, kalau macam di Sabah dan Sarawak, kalau mereka telah diperkenalkan dengan PCB – saya hendak ucap terima kasihlah, Yang Berhormat dari Kepong pun tahu PCB ini sebab PCB ini ‘Pantai Cinta Berahi’, jadi PCB ini ‘Potongan Cukai Berjadual’. Saya pun hairan juga Yang Berhormat tahu perkara ini, jadi sudah tentulah ada orang beritahu. Bukannya pandai sangat ini, ada orang beritahu kepada dia. *[Ketawa]*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang duduk di bawah skim PCB, maka untuk tahun assessment 2000 pendapatan tahun 1999nya waived, tidak perlu untuk membayar cukai pada tahun 1999- waived kerana tahun 2000 dia akan bayar semasa. Jadi, sebab itu kalau Yang Berhormat tanya apakah betul ada orang yang tidak perlu membayar cukai, memang betul. Ada setengah-setengahnya tidak perlu bayar, ada setengah-setengah perlu bayar tetapi bagi mereka yang di bawah skim PCB, saya beri contohlah ya. Dahulu maknanya tahun 1998, dia bayar untuk tahun 1997, tahun 1999 ini dia bayar untuk tahun 1998, maka apabila tahun hadapan dia tidak perlu bayar untuk pendapatan tahun 1999 – waived ya. Jadi, memang betul ada setengah-setengah golongan yang tidak perlu bayar cukai pendapatan bagi tahun 1999.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kepong bangun pula.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah. Nanti saya habis, benda ini teknikal Yang Berhormat. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sebagai menjawab Yang Berhormat dari Bintulu. Yang Berhormat dari Kepong yang dia kata saya berucap tidak begitu bersemangat, sebenarnya rang undang-undang ini, ia begitu teknikal sekali, sebab itu saya ikut teks betul-betul. Dalam ikut teks pun dia tidak faham, dia cakap tentang cukai pendapatan, cukai pendapatan ini dia ingat pendapatan kerajaan, cakap tentang SST, stamp duty, dia pun tidak faham, sebab itu saya cakap perlahan-lahan, ikut teks. Kita bincang cukai pendapatan individu, jadi, tidak usah cakaplah stamp duty, stamp duty ini semua pendapatan kerajaan. Itulah Yang Berhormat, jangan kata saya bercakap tidak bersemangatkah atau apakah sebab ini very technical. Kita kena ikut teks, apa yang diberi kepada saya, saya kena cakap betul-betul kerana ia merupakan rang undang-undang yang teknikal. Jadi, sebab itu macam Sales and Services Tax, ia bidang lain, ia bill lain, stamp duty pun bill lain. Kita bincang Akta Cukai Pendapatan iaitu pendapatan individu ataupun syarikat-syarikat tertentu.

Yang Berhormat ada bertanya kepada saya, juga Yang Berhormat dari Bagan ada tanya macam mana kita harus memberi penerangan tentang pertukaran sistem ini, daripada sistem tahun lepas kepada sistem semasa.....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ada menyatakan iaitu bahawa kita ada buat perjumpaan sepertimana yang telah disebut dan kita juga ada buat buku, jadi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah, saya tidak habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila duduk.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada masalah. Tunggulah dahulu, sabar. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ada mengeluarkan buku *Currently Assessment* dalam bahasa Inggeris dan juga *Taksiran Berasaskan Tahun Semasa* dalam Bahasa Kebangsaan, jadi oleh kerana perkara ini teknikal dan tidak mungkin juga saya boleh memberikan penerangan yang begitu jelas dalam masa yang singkat dalam Dewan ini, maka saya anjurkan supaya Yang Berhormat ambil buku ini, saya beri dan tengok dan kita boleh perjelaskan. Yang ini pun, saya cadang nanti kalau boleh kita beri kepada semua Ahli Parlimen untuk mereka memahami apakah yang dimaksudkan dengan tahun taksiran berasaskan tahun semasa ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sudah habis atau beri jalan?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Beri jalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ada membangkitkan perkara yang ada relevan dengan rang undang-undang ini tetapi tidak nampak dijawab lagi, cuma beliau ada menyebutkan mengenai potongan cukai berjadual tadi dan ada juga disebutkan bahawa

segolongan yang tidak payah membayar cukai untuk tahun. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu bilangan yang tidak payah membayar cukai pada tahun ini sebab saya pun tidak pernah tengok di negara mana pun orang tidak payah bayar cukai. Ini memang aneh sekalilah, 'aneh binti hairan'.

Bolehkah Yang Berhormat sebutkan di mana kita dapat dan bilangan yang tidak payah bayar cukai dengan PCB ini?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memanglah betul itu, bahawa dalam dunia ini tidak ada negara yang berani untuk memberikan pelepasan cukai tetapi Malaysia buat. Ya, bagi mereka yang di bawah PCB tahun 1999 ini kita waive sebab itu saya bincang perkara ini Yang Berhormat dengan kita punya jabatan. Yang Berhormat memang betul, tidak ada negara tetapi kita beri kerana zaman peralihan ini kita tidak boleh suruh orang yang bekerja untuk bayar dua kali, tidak adil. Jadi, kita mengambil sikap berlaku adil kepada mereka yang telah bayar cukai kepada negara. Jadi kita tidak akan benarkan untuk orang bayar dua kali.

Jadi, yang di bawah PCB ini, kalau cukai dia untuk tahun assessment tahun 1999 dia bayar 1998 punya dan tahun 2000 dia bayar untuk 2000. Jadi, kita kata untuk tahun 1999 dia tidak payah bayar 1999 punya cukai. Jadi, betul itu, Yang Berhormat, bukan main-main. Duduklah, sudah jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada 100,000 atau 1 juta orang.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat hendak saya tipu atau cakap betul? Kalau hendak saya cakap betul tunggulah, berilah notis. Yang Berhormat hendak benda yang detail, saya menjawab tentang Rang Undang-undang, jadi kalau hendak detail beri saya notis saya boleh minta detail, jumlah berapa orang yang diberikan pelepasan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk Yang Berhormat dari Kepong, dia tidak mahu beri jalan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz Mereka ini adalah merupakan di bawah skim PCB di Sabah dan Sarawak semua ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu butiran yang begitu terperinci. Memang pihak kementerian sudah tahu, sekian ramai orang yang tidak payah bayar cukai kalau yang sebenarnya kerana mereka sudah bayar.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada masalah. Saya hendak tanya Yang Berhormat, berapa orang yang sakit kulit dalam Malaysia ini, Yang Berhormat pun tak tahu. Tahu berapa orang sakit kulit dalam Malaysia ini? Doktor sakit kulit bukan, berapa orang sakit kulit dalam Malaysia? Tidak tahu, jangan bohonglah.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang tahu, sekurang-kurangnya 5% daripada pesakit-pesakit di negara ini.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berapa jumlah pesakit dalam negara ini. Jumlah pesakit berapa orang? Tidak usahlah Yang Berhormat, malulah dengan pegawai ini. Menampakkan kurang kefahaman Yang Berhormat dalam perkara ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bagan juga seperti Yang Berhormat dari Kepong, minta penerangan tentang pelaksanaan skim ini. Jadi, sepertimana yang saya telah nyatakan iaitu bahawa Yang Berhormat, saya boleh beri buku ini dan baca kerana bagi mereka yang profesional pun, untuk memberi penjelasan dalam hal ini pun agak sukar. Mereka faham tetapi cara mereka menjelaskan itu mungkin orang yang mendengar tidak faham. Jadi, sebab itu dalam hal ini saya faham tapi takut penjelasan saya ini Yang Berhormat dari Kepong tidak faham. Jadi, sebab itu saya kata, baca buku ini maka daripada buku ini kita boleh faham bagaimana skim ini dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Yang Berhormat juga bertanya, bagi orang yang tahun semasa, dia bekerja kemudian berhenti. Kalau berhenti dia tidak ada pendapatan, kita tidak cukai dia. Jadi, tanggungjawab kita untuk memaklumkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri iaitu bahawa saya diberhentikan kerja kerana cukai ini cukai pendapatan. Kalau tidak ada pendapatan, kita tidak cukai. Jadi, mesti jadi tanggungjawab kita untuk memaklumkan kepada jabatan yang berkenaan sebab kalau

kita tidak maklumkan jabatan akan terus menghantar permintaan untuk kita membayar cukai pendapatan. Jadi, sebab itu tanggungjawab kita untuk memaklumkan kepada jabatan bahawa kita telah diberhentikan kerja.

Oleh kerana itu sepertimana yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat kita tidak cukai pendapatan ramalan. Tahun semasa kita cukai pendapatan yang kita dapat sebab ada keluar penyata gaji, jadi kita tahu berapa real pendapatan yang kita dapat, yang itu kita cukai.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan. Tadi, semasa Yang Berhormat menjawab soalan dari Bintulu berkata pada tahun 2000 sepatutnya perlu bayar tahun 1999 tetapi sekarang tidak payah bayar. Tetapi tahun 2000 perlu juga bayar untuk tahun 2000. Jadi, tidak timbul masalah kata, untuk tahun 2000 saya tidak payah bayar, bayar juga. Okay, itu nombor satu.....

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti, nanti, satu, satulah. Year assessment 1998 right, bayar income 1997. Year assessment 1999 ya, bayar pendapatan 1998, okay kita sampai tahun 1999 ini. Pada tahun 1999 sepatutnya assessment tahun 2000 tetapi tahun 2000 kita tax income 2000, maknanya tahun 1999 tidak perlu bayar, faham, okay.

Tuan Lim Hock Seng: Bayar, bayar jugalah tetapi bayar yang hutang pada tahun itu bukan stop, tahun itu tidak payah bayar langsung. Itu structure lain.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tunggakan hutang kenalah bayar. Kalau kita ada tunggakan income tax, kita tidak bayar income 1998, 1997 itu kena bayar. Kalau Yang Berhormat duduk fikir betul-betul, tengok yang tahun 1999 itu tidak perlu bayar 'waive', jadi kita bukan bohong, kita cakap betul.

Jadi, saya sebut tadi bahawa 1999 tidak perlu sebab kita tax untuk tahun 2000. Tahun 2000 bayar untuk tahun 2000. Masa bila kita cukai tahun 1999? Sebab hak income, assessment tahun 2000 sekarang ini bukan income tahun 1999. Assessment 2000, bayar tahun 2000, jadi tahun 1999 itu habis.

Tuan Lim Hock Seng: Fahamlah, tahun 2000 tidak payah bayar untuk tahun 1999, faham tetapi turut kena bayar juga, tahun 2000 bayar untuk tahun 2000. Itu

kepada orang awam bermakna tiap-tiap tahun dia perlu keluar duit untuk bayar cukai, itu tidak payah jawablah. Okay, kita faham, saya boleh ambil penjelasan Yang Berhormat. Okay, datang ke tahun 2000 kita kena bayar tahun 2000 punya income, okay, tetapi di sini kami diperlukan supaya membentangkan atau memberi assessment pada bulan 15 April pada tahun 2000. 15 April kena beritahu pada LHDN berapa yang kami untung.

Jadi, maknanya kalau saya pada bulan April saya beritahu kepada LHDN, saya buat satu ramalan sepanjang tahun tetapi selepas saya buat ramalan itu, saya diberhentikan kerja atau maksud Yang Berhormat pada tahun 2000 assessment hanya dikemukakan pada akhir tahun 2000. Itu kalau akhir tahun 2000 boleh terima, kalau dipanggil untuk memberi bulan April itu sudah menjadi masalah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini individu atau syarikat Yang Berhormat sebutkan ini?

Tuan Lim Hock Seng: Individu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Individu. Dia macam ini, tahun taksiran di bawah Fasal 17 iaitu satu tahun taksiran pada tahun 2000, satu kita kena keluarkan taksiran untuk tahun 2000, satu lagi untuk tahun 1999, okay. Bagi tahun 2000 kita akan tax di atas income tahun 2000, jadi Yang Berhormat ada sebut iaitu ada menerima daripada LHDN menyatakan iaitu bahawa apakah anggaran pendapatan Yang Berhormat sehingga 15 April tahun 2000. Jadi, sekarang ini ada pertindihan, saya sudah sebut tadi bahawa LHDN akan ambil kira apa juga kelebihan Yang Berhormat telah bayar, akan diambil kira actual payment, dengan izin, income tax pada tahun 2000, dia akan diratakan dan diambil kira. Kalau sekiranya kita sudah masuk empat bulan tahun 2000, pendapatan kita itu telah diambil kira sebagai bayar untuk tahun assessment 1999, yang empat tahun itu kita akan ambil kira sebagai sudah dibayar.

Saya sudah sebut tadi pertindihan iaitu tidak akan berlaku dua kali cukai. Jadi, tanggungjawab Yang Berhormat untuk memaklumkan iaitu bahawa Yang Berhormat punya pendapatan sehingga 15 April adalah demikian. Jadi, empat bulan itu kita akan

ambil kira, dengan izin, you will not be tax twice, itu kita punya prinsip. Yang Berhormat ini teknikal.

Tuan Lim Hock Seng: Untuk menjelaskan query ini. Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat memberitahu, misalnya tahun 2000. Bilakah pihak Yang Berhormat akan memberitahu orang yang kena cukai, sejumlah cukai yang dia kena bayar untuk tahun 2000? Akan diberitahu pada bulan Jun, Disember atau November 2000?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz Tuan Yang di-Pertua, borang cukai pendapatan untuk tahun taksiran 2000 berasaskan pendapatan tahun 2000 akan dikeluarkan pada permulaan tahun 2001, okay, faham. Saya sudah cakap, technical. Okay, saya ulang sekali lagi. Borang cukai pendapatan untuk tahun taksiran 2000, year assessment 2000 yang berasaskan pendapatan tahun 2000 akan dikeluarkan pada awal tahun 2001. No, it is not the same, it's tax immediately, you akan tahulah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya technical. Saya sudah cakap, kalau kita bercakap macam ini, saya diberikan taklimat oleh pegawai saya, jadi saya sudah faham. Saya bukan profesional dalam hal ini, untuk saya hendak menjelaskan kepada Yang Berhormat kerana saya ini bukan guru, mungkin tidak sama, saya faham apa yang saya hendak cakap, penerimaan Yang Berhormat tidak faham. Jadi, macam Yang Berhormat dari Kepong ini, dia geleng kepala, saya tidak tahu dia kata ia ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ada tanya berkenaan dengan penyata tahunan mencadangkan supaya mengeluarkan LHDN selama tiga tahun Yang Berhormat jadi wakil rakyat tiap-tiap kali bangkit supaya LHDN mengeluarkan statement of account kepada pembayar cukai. Lembaga Hasil Dalam Negeri bercadang mengeluarkan statement of account mulai tahun 2000. Yang Berhormat dari Bagan dengar saya cakap, ini jawab soalan dari Yang Berhormat ini, pasal bercakap dengan Bintulu.

Seorang Ahli: Dia tak faham dan keliru!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz You cakap apa, you ‘STAR’ – ‘Saya Tidak Ada Rambut’. Ini parti tidak ada rambut punya parti. [Ketawa]

Seorang Ahli: Dia sudah faham Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okay, bantu saya, terima kasih. Jadi, Lembaga Hasil Dalam Negeri bercadang mengeluarkan statement of account mulai tahun 2000. Pada masa ini Lembaga Hasil Dalam Negeri sedang mempertingkatkan keupayaan sistem komputernya supaya statement of account ini dapat dikeluarkan lebih cepat, massive overhaul, jadi makan masa sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang telah ditanya dan telah saya catat, hanya perkara-perkara yang ada kaitan dengan Rang Undang-undang ini sahaja. Sekali lagi saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 -

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa subfasal 1(2), 1(3) dan 1(4) ini dipinda seperti berikut:-

Subfasal 1(2), ganti perkataan “1999” dengan perkataan “2000 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya”.

Subfasal 1(3), potong perkataan “mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2000 dan pindaan dalam seksyen itu”.

Subfasal 1(4), ganti perkataan “2000 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya” dengan perkataan “1999”.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Pindaan sekarang terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pindaan dikehendaki disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

<u>Fasal</u>	<u>Pindaan</u>
--------------	----------------

Subfasal 1(2) Ganti perkataan “1999” dengan perkataan “2000 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya”.

Subfasal 1(3) Potong perkataan “mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2000 dan pindaan dalam seksyen itu”.

Subfasal 1(4) Ganti perkataan “2000 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya” dengan perkataan “1999”.

The English translation is as follows:

<u>Clause</u>	<u>Amendment</u>
---------------	------------------

Subclause 1(2) Substitute for the word “1999” the words “2000 and subsequent years of assessment”.

Subclause 1(3) Delete the words “comes into force on 1 January 2000 and the amendments in that section”.

Subclause 1(4) Substitute for the words “2000 and subsequent years of assessment” the word “1999”.

Fasal 1 seperti mana yang dipinda jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2 hingga 16 –

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, walaupun Yang Berhormat cakap dia faham, dia faham semuanya tetapi dengan begitu teknikalnya susah hendak kita faham. Saya berharap dia akan mengedarkan buku pamphlets.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jawatankuasa, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, jawatankuasa, Fasal 2 ya, basis period, Tuan Pengerusi, “except as provided in this section, the basis year for a year of assessment shall constitute, in relation to a source of a person, the basis period for that year of assessment”. Saya susah hendak faham dalam konsep ini, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi juga saya berasa mengeliru juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya faham.

Dr. Tan Seng Giaw: What does it means by this?

Tuan Pengerusi, seterusnya, misalnya “subject to subsections (5) and (6), where a person has made up the account of his business for a period of twelve months ending on a day other than 31st December in the basis year, then, that period shall constitute the basis period for that year of assessment for the source consisting of that business”. Saya faham lah itu Yang Berhormat bukan satu pakar percukaian kerana susah hendak menerangkan. Cuma saya pun keliru juga dan banyak lagi yang saya kurang faham mengenai Rang Undang-undang ini cuma dua perkara yang saya bangkitkan Fasal 2 ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, itu saya kata benda ini teknikal tapi Yang Berhormat sebut Fasal 2 – ‘basis year’ ini saya faham, Yang Berhormat tak faham, okay? Basis year itulah tahun pendapatan kita yang kita dapat - that is the basis year. Assessment year kita taksir, katalah sebagai contoh tahun taksiran we assess in 1999 - year assessment 1999, so the basis year is 1998 - basis for your income is 1998, calendar year 1998. Jadi kalau Yang Berhormat tanya apa itu basis year, basis year itu adalah tahun yang mana pendapatan kita itu diperolehi - real kita perolehi, okay, tapi taksiran 1999. Incomenya, basisnya 1998. Jadi basis year is a year of the income yang kita dapat. The calendar year is 1998, jadi nampak?

Saya faham Yang Berhormat nampak keliru lagi, itu bagi individu. Sebab individu ini dia tiada close account tapi bagi syarikat dalam negara kita ini dia ada yang close account pada 31 Mac, ada yang April, jadi bagi mereka basis yearnya ialah tahun 1998 kalaulah year assessment 1999, jadi basis year dia ialah dia punya income satu tahun termasuk katalah dia tutup akaun pada 31 Mac 1999, jadi tiga bulan dalam tahun 1999 itu adalah termasuk dalam basis year kalau dia merupakan sebuah syarikat

yang tutup akaun pada 31 Mac 1999. Yang Berhormat faham tak? Jadi bermakna kalau hendak kira dia sudah makan tiga bulan. Income untuk 1998nya itu ia makan tiga bulan dalam tahun 1999, jadi basis year dia bukan calendar year. Basis yearnya ialah year 1998 plus the three months yang 1999 dia close account, itu basis year dia, okay? Faham itu kira okaylah, bukan senang. Kalau Yang Berhormat faham saya tak rasa apa-apa tapi kalau yang ini faham saya rasa megah sedikit sebab dia susah hendak faham. Terima kasih.

Fasal 2 hingga 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 17 –

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Subfasal 17(1) ini dipinda dengan memotong perkataan “taksiran” yang terdapat sebelum perkataan “2000”.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Pindaan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pindaan hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

<u>Fasal</u>	<u>Pindaan</u>
Subfasal 17(1)	Potong perkataan “taksiran” yang terdapat sebelum perkataan “2000”.

The English translation is as follows:

<u>Clause</u>	<u>Amendment</u>
Subclause 17(1)	Delete the words “of assessment” appearing before the word “2000”.

Fasal 17 seperti mana yang dipinda jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PENILAI, PENTAKSIR DAN
EJEN HARTA-TANAH (PINDAAN) 1999**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.26 tgh.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981 dibacakan kali kedua sekarang.

Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981 iaitu Akta 242 ini telah digubal bagi membuat peruntukan mengenai pertama, untuk perlantikan seorang Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, selepas ini dipanggil Ketua Pengarah Penilaian dan kuasa-kuasanya dan yang keduanya, untuk tujuan pendaftaran penilai-penilai, pentaksir-pentaksir dan ejen-ejen harta-tanah dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Pindaan kepada Akta ini adalah bertujuan untuk meminda kuasa dan fungsi Ketua Pengarah Penilaian bagi maksud penubuhan sebuah Unit Maklumat Harta Tanah Negara, selepas ini dipanggil "PIU" di bawah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta selaras dengan kehendak dan permintaan pihak awam dan Majlis Tindakan Negeri untuk mengumpul, menganalisis dan menyebarkan maklumat penting mengenai industri harta-tanah di negara ini.

PIU akan menyebarkan data dan maklumat penting yang terkini mengenai harta-tanah kepada pihak-pihak seperti pemaju, tuan tanah dan para profesional yang terlibat dalam industri harta-tanah untuk membolehkan mereka membuat keputusan yang tepat dan betul sebelum melaksanakan sesuatu projek pembinaan dan pembangunan harta-tanah. Dengan yang demikian masalah-masalah ketidakseimbangan yang ketara di dalam permintaan dan penawaran dalam bekalan rumah-rumah kediaman yang berharga tinggi, ruang-ruang pejabat dan perniagaan dan bilik-bilik hotel seperti mana yang berlaku sekarang akan dapat dikawal dan tidak

berulang pada masa akan datang, dengan itu juga sebarang pembaziran kewangan, tenaga dan sumber-sumber yang lain dapat dijaga.

Tuan Yang di-Pertua, industri pembinaan dan harta-tanah adalah suatu industri yang penting dalam ekonomi negara. Jumlah transaksi pada tahun 1997 melebihi 275,000 pindah milik bernilai RM53 bilion atau lebih kurang 38% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Jumlah transaksi pada tahun 1998 melebihi 186,000 pindah milik yang bernilai hampir RM28 bilion iaitu lebih kurang 21% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar. Modal yang dilabur di dalam industri ini dalam bentuk pembangunan seperti kilang, bangunan pejabat, kompleks perniagaan, rumah kediaman, hotel, padang golf dan pusat rekreasi serta infrastruktur yang lain adalah terlalu banyak. Pinjaman oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan kepada sektor harta-tanah pada tempoh masa Januari hingga September 1997 berjumlah RM123.4 bilion dalam tempoh masa sembilan bulan yang sama pada tahun 1998, ianya adalah RM139.2 bilion. Memandangkan jumlah wang yang dikeluarkan dalam sektor ini adalah sangat tinggi, sumber-sumber kewangan dan tenaga di dalam industri ini hendaklah dipergunakan secara efisien dan berkesan untuk mengelakkan pembaziran.

Pada masa kini kebanyakan keputusan yang dibuat sama ada untuk membina, menjual, membeli, melabur atau menggunakan sendiri harta-tanah adalah dengan berpandukan kepada maklumat yang tidak mencukupi, kurang tepat ataupun dalam keadaan tiada maklumat yang relevan. Ini adalah disebabkan tiada pihak tertentu yang dipertanggungjawabkan untuk menganalisis dan menyebarkan maklumat tersebut kepada pihak-pihak yang terlibat dalam industri pembinaan dan harta-tanah. Berdasarkan kepada satu kajian prestasi penjualan 44,085 unit pelbagai jenis harta kediaman yang terletak di 189 skim perumahan baru yang dilancarkan pada tahun 1998 adalah didapati bahawa purata prestasi penjualan hanya mencapai 54% sahaja.

Ini jelas menunjukkan bahawa ketidakseimbangan berlaku di mana penawaran harta adalah melebihi permintaannya.

Di sektor komersial pula stok ruang pejabat binaan khas bagi keseluruhan negara telah bertambah dari 7,605,853 meter persegi pada tahun 1997 kepada 8,932,017 meter persegi pada tahun 1998 menunjukkan peningkatan ruang pejabat sebanyak 17.4%. Ini tidak termasuk ruang pejabat yang masih dalam pembinaan pada tahun 1998 sebanyak 4,204,661 meter persegi dan ruang pejabat dalam perancangan sebanyak 3,637,968 meter persegi. Kadar penghunian pada tahun 1997 adalah 92.7% manakala pada tahun 1998 ianya berada pada tahap 79.9% sahaja. Dengan yang demikian jumlah ruang pejabat termasuk yang sedia ada dan yang baru mengakibatkan kadar penawaran yang berlebihan.

Dari kajian yang dijalankan, stok ruang kompleks peniagaan bagi keseluruhan negara juga telah bertambah daripada 4,267,113 meter persegi pada tahun 1997 kepada 4,786,220 meter persegi pada tahun 1998. Ruang kompleks perniagaan dalam pembinaan pada tahun 1997 berjumlah 3,154,569 meter persegi, manakala pada tahun 1998 angkanya adalah 2,444,531 meter persegi. Kadar penghunian pada tahun 1997 adalah 77.7%, manakala pada tahun 1998 ianya menurun kepada tahap 69.1% sahaja. Sungguhpun kadar pembinaannya telah berkurangan jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya terdapat lebih kurang 51% lagi ruang kompleks perniagaan baru yang akan masuk ke pasaran tidak lama lagi kecuali jika sekiranya pembinaannya telah terbengkalai. Perkara ini juga akan mengakibatkan penawaran ruang yang berlebihan dalam pasaran harta-tanah perniagaan.

Di sektor perhotelan, jumlah bilik hotel pada tahun 1997 sebanyak 73,318 bilik telah meningkat sebanyak 14.5% kepada 83,946 bilik pada tahun 1998. Bilik hotel dalam pembinaan pada tahun 1997 berjumlah 8,128 bilik manakala pada tahun 1998 jumlah bilik dalam pembinaan meningkat kepada 10,835 bilik. Kadar purata

penghunan pada tahun 1998 ialah 40% sahaja sungguhpun tahun 1998 merupakan Tahun Sukan Komanwel.

Data di atas menunjukkan bahawa pemaju-pemaju harta-tanah dan tuan-tuan tanah melaksanakan projek-projek pembangunan harta-tanah mereka tanpa meneliti atau memahami keadaan penawaran dan permintaan untuk pembangunan tertentu. Oleh yang demikian tidak dapat dinafikan bahawa penubuhan PIU adalah amat penting pada masa kini kerana ianya sangat diperlukan oleh semua pihak yang terlibat di dalam industri pembinaan harta-tanah. Maklumat yang tepat dan betul adalah juga sangat diperlukan untuk sebarang polisi kerajaan mengenai perancangan penggunaan tanah dan pembangunan harta-tanah. Maklumat yang dikumpul melalui PIU akan dapat membantu agensi-agensi kerajaan di dalam perancangan program serta mengawal dan menyelia sektor pembangunan dengan lebih rapi dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang diterangkan di atas, keputusan-keputusan yang dibuat untuk membina sesuatu bangunan jarang sekali merujuk kepada maklumat yang terkini mengenai harta-tanah yang sedia ada, dengan itu bangunan-bangunan baru yang berlebihan yang bercorak spekulatif telah dibangunkan. Tindakan-tindakan seperti ini mewujudkan keadaan pembaziran sumber kewangan dan tenaga. Institusi-institusi kewangan juga telah mengeluarkan banyak pinjaman kepada sektor harta-tanah. Sekiranya terdapat maklumat yang terkini institusi-institusi kewangan akan dapat meneliti risiko-risiko pinjaman kepada industri pembinaan dan harta-tanah dan mereka akan dapat mengurangkan pinjaman kepada sektor ini pada tahap yang lebih realistik. Oleh kerana tiadanya sumber maklumat berkenaan maka institusi tersebut tidak dapat membuat keputusan-keputusan yang baik mengenai risiko pinjaman mereka dan seterusnya terdedah kepada satu keadaan yang kurang sihat.

Agensi-agensi kerajaan yang mempunyai kuasa untuk mengawal selia industri pembinaan dan harta-tanah seperti jabatan-jabatan di bawah kerajaan negeri, pihak

berkuasa tempatan, Jabatan Perumahan Negara dan sebagainya dari masa ke semasa membuat polisi-polisi dan keputusan-keputusan mengenai sektor harta-tanah, maklumat yang menyeluruh dapat membantu agensi-agensi berkenaan mengemaskinikan serta menghalusi keputusan-keputusan mereka. Pada masa ini maklumat dalam sektor harta-tanah tidak dapat diperolehi daripada satu pihak yang tertentu. Ianya terdapat pada pihak-pihak yang berlainan seperti pemaju harta-tanah, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Tanah dan Galian, pihak berkuasa tempatan, Unit Perancang Ekonomi, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan sebagainya. Pihak-pihak yang berkenaan hendaklah mengumpul dan menyimpan maklumat-maklumat berkaitan industri harta-tanah dengan sistematik dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, demi mendapatkan maklumat yang berguna dan boleh dipercayai daripada pihak-pihak yang berkenaan maka peruntukan undang-undang amatlah diperlukan. Pihak berkenaan adalah diwajibkan supaya mengemukakan maklumat kepada PIU. Kejayaan PIU sebagai pengumpul dan pembekal maklumat akan bergantung kepada kesediaan agensi-agensi dan pihak-pihak yang berkenaan yang mempunyai maklumat menyalurkan kepada PIU. Oleh yang demikian Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981 perlu dibuat pindaan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Penilaian mendapatkan maklumat daripada pihak-pihak yang mempunyai maklumat berhubung dengan industri pembinaan dan harta-tanah. Dengan demikian saya menyeru kepada semua pihak yang terlibat seperti tuan-tuan tanah, para profesional, para pemaju perumahan, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan pertubuhan perbadanan untuk memberi kerjasama dan menghantar kepada PIU maklumat yang terkini seperti mana yang dikehendaki. Peruntukan kaedah-kaedah akan diperbuat kemudian untuk menjelaskan jenis maklumat yang akan dikumpul oleh PIU. Kerajaan akan menggunakan kuasa-kuasa yang ada dalam akta ini untuk memastikan semua pihak yang terlibat untuk menyediakan dan menghantarkan maklumat yang berkaitan kepada PIU.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan adalah perlu bagi memperluaskan kuasa Ketua-ketua Pengarah Penilaian bagi pelaksana PIU secara berkesan. Pindaan utama yang dicadangkan pada amnya meliputi perkara-perkara berikut:

Fasal 2 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 242 untuk menjelaskan dan meluaskan fungsi Ketua Pengarah Penilaian untuk membolehkan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta menubuhkan dan menyelenggarakan PIU untuk mengumpul maklumat yang berkaitan dengan sektor harta-tanah yang kemudiannya boleh disebarkan kepada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun, pertubuhan perbadanan dan orang awam. Sebelum pindaan ini, Ketua Pengarah Penilaian hanya diberi kuasa untuk mengumpul maklumat bagi tujuan membuat penilaian sahaja. Dengan pindaan baru Ketua Pengarah Penilaian akan dapat meluaskan fungsinya untuk mengumpul maklumat bagi tujuan lain yang berkaitan dengan industri harta-tanah.

Pindaan kepada Fasal ini juga bertujuan untuk membolehkan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta mengadakan perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan latihan, perkhidmatan penyelidikan dan perkhidmatan lain yang berhubung dengan fungsi Ketua Pengarah Penilaian di bawah akta ini kepada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun, pertubuhan perbadanan dan orang awam. Sebelum pindaan ini, Ketua Pengarah Penilaian menjalankan aktiviti-aktiviti seperti ini secara dalaman sahaja. Dengan adanya pindaan ini, Ketua Pengarah Penilaian dapat menjalankan aktiviti-aktiviti dalam bidang latihan, pendidikan dan penyelidikan dengan secara meluas.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 242 untuk meluaskan kuasa Ketua Pengarah Penilaian untuk mendapatkan maklumat seperti mana yang dikehendaki. Sebelum pindaan ini kuasa Ketua Pengarah Penilaian hanyalah terhad kepada mendapatkan maklumat bagi tujuan pelaksanaan kerjanya iaitu yang berkaitan dengan penilaian harta. Pindaan baru ini akan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Penilaian mendapatkan maklumat berkaitan industri harta-tanah

daripada pihak-pihak yang berkenaan. Maklumat yang didapatkan itu tidak semestinya khas untuk tujuan penilaian.

Fasal 4 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 242 untuk meluaskan kuasa Ketua Pengarah Penilaian untuk menghendaki pengemukaan maklumat yang dikehendaki. Adalah menjadi suatu kesalahan jika sesuatu pihak enggan mengemukakan maklumat yang dikehendaki atau dengan sengaja mengemukakan maklumat palsu dan hukuman atas sabitan kesalahan ini adalah denda tidak melebihi RM10,000 atau tempoh pemenjaraan tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya. Sebelum pindaan ini tidak ada peruntukan untuk menghendaki pihak-pihak berkenaan mengemukakan maklumat yang diperlukan. Dengan pindaan baru maka adalah menjadi satu kesalahan sekiranya suatu pihak yang telah diminta untuk mengemukakan maklumat tidak berbuat demikian dan pihak tersebut apabila disabitkan kesalahan ini boleh didenda atau dihukum penjara atau kedua-duanya sekali. Pindaan lain yang dicadangkan kepada akta yang tidak disebut secara nyata ialah pindaan yang berbangkit atau kecil sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan-pindaan kepada akta ini dijangka akan meluaskan fungsi-fungsi Ketua Pengarah Penilaian untuk penubuhan Unit Maklumat Harta-Tanah dan pelaksanaannya secara berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kuala Pilah.

12.42 tgh.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]: Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981 atau dipanggil Akta 242 Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah (Pindaan) 1999.

Terlebih dahulu saya ingin menyokong dan mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah begitu panjang lebar menjelaskan tujuan akta ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada hari ini. Ini jelas menunjukkan bahawa akta ini satu akta yang cukup penting dan perlu membuat satu pengemaskinian dan pindaan sebagaimana yang dikehendaki mengikut keadaan semasa waktu ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa negara kita membangun begitu cepat dan akta ini menampakkan beberapa kelemahan yang perlu diwujudkan. Ini jelas sekali wujud dan ternyata apabila kita mencadangkan satu pengemaskinian kewujudan seorang Ketua Pengarah Taksiran ataupun Penilaian yang khusus bertanggungjawab kepada mewujudkan satu jabatan atau sebuah unit maklumat harta tanah negara. Di bawah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta selaras dengan kehendak dan permintaan pihak awam dan juga keadaan sekarang ini wujud Majlis Tindakan Ekonomi Negara, bahawa apabila kita mengalami keadaan ini menampakkan satu kelemahan dan di sini jelas menunjukkan kita begitu prihatin untuk mewujudkan sesuatu yang mengikut keadaan semasa. Ini jelas kita lakukan di Dewan yang mulia ini pada hari ini. Syabas saya ucapkan kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali bahawa untuk mengumpul, menganalisis dan menyebarkan maklumat penting mengenai industri harta tanah di negara ini yang begitu berkembang pesat, begitu hebat pembangunannya, maka kita nampak bahawa ini menyebabkan data-data maklumat penting yang terkini mengenai harta tanah kepada pihak-pihak seperti pemaju, tuan tanah dan para profesional yang terlibat dalam industri harta tanah untuk membolehkan mereka membuat keputusan yang tepat dan betul sebelum melaksanakan sesuatu projek pembinaan dan pembangunan harta tanah.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum sekarang ini apabila pembangunan ekonomi negara kita begitu rancak, pemaju-pemaju kadangkala begitu ghairah, begitu terburu-buru untuk merebut keadaan untuk membuat keuntungan sebegitu besar. Tetapi mereka kadangkala lupa kerana kalau kita tidak memantau, kita kawal dengan begitu baik, ini akan berlaku seperti mana sekarang ini pembinaan hotel, contohnya. Kalau sekiranya keupayaan negara memandangkan pelancong-pelancong kita hanya

memerlukan katalah lebih kurang 80,000 buah katil dalam jangka masa yang tertentu tetapi apabila kita tidak kawal dengan begitu terperinci pembinaan begitu berleluasa hingga menyebabkan 120,000 lebih buah katil. Ini akan mendatangkan satu keadaan glade, dengan izin, yang ini kalau tidak diawasi akan membazir.

Tuan Yang di-Pertua, maka di sini akta ini sudah sampai waktu dan ketikanya sesuai itu amat kita alu-alukan. Begitu juga pembinaan rumah yang perlu sekarang ini apabila perumahan dibuat mengikut keadaan semasa. Rumah-rumah yang perlu kerajaan buat sekarang ini ialah rumah murah, keperluan masyarakat sejagat tetapi kalau pihak pemaju hanya begitu minat hendak membuat rumah yang besar sahaja, kondominium mewah sahaja dan rakyat tidak mempunyai keupayaan hendak membeli, saya fikir ini tidak melambangkan keprihatinan kita kepada keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, di sini kita jangan pandang dari segi ekonomi sahaja, perlu juga social obligation kita bahawa rumah murah contohnya, dan di sini melambangkan fenomena masyarakat kita di masa-masa akan datang. Saya mengalu-alukan bahawa kerajaan hari ini telah memperuntukkan wang yang begitu besar untuk membina rumah-rumah kos rendah dan kita harap juga pemaju jangan hanya mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan sahaja. Tuan Yang di-Pertua, ini selalu berlaku. Saya harap dengan adanya akta ini akan mengemaskinikan lagi untuk kita memantau dan menentukan supaya pembinaan rumah, pembinaan hotel dan sebagainya perlu dikemaskinikan dan dibuat secara profesional.

Tuan Yang di-Pertua, pengawalan ketidakseimbangan dan permintaan penawaran dalam bekalan yang saya sebutkan sebentar tadi perlu diawasi dengan penuh terperinci. Seterusnya, saya ingin juga menyentuh serba sedikit dari segi – hari ini kita tahu khususnya di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur contohnya, sekarang ini setiap harta tanah ataupun harta-harta di Kuala Lumpur setiap kaki perseginya berharga begitu tinggi. Dalam keghairahan kita membangunkan bangunan pencakar langit dan sebagainya saya ingin menyarankan di dalam Dewan yang mulia ini kerana mungkin juga kita lupa, kita hidup tidak lama tetapi soal kepentingan tanah-tanah perkuburan di Wilayah Persekutuan ini - saya rasa kerana baru-baru ini salah

seorang daripada saudara saya meninggal, tinggal di Kelana Jaya yang sekarang ini hanya tanah perkuburan di Bukit Kiara dan saya mendapat maklum bahawa tanah ini hanya akan dapat menampung dalam tempoh dua, tiga bulan sahaja. Selepas itu hendak ke mana? Justeru itu saya menyarankan dalam proses kita hari ini mengejar kekayaan, pembangunan, jangan lupa kita akan mati.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu perkara ini juga perlu difikirkan. Sekarang kita tahu, contohnya negara kita Malaysia masyarakat majmuk, berbilang kaum, berbilang bangsa, kita hormati Perlembagaan kita, kita hormati semua bangsa, kaum dan sebagainya. Tetapi apa akan terjadi kalau sekiranya tanah-tanah yang berharga begitu tinggi ini dan bagaimana dengan kedudukan kita pada masa akan datang. Saya dapat maklum, mungkin juga kita akan terpaksa pergi jauh sampai ke Sungai Buloh, berpuluh-puluh batu dan inilah caranya kita untuk menentukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya ingin menyarankan supaya difikirkan juga dalam proses harta tanah ini supaya kubur-kubur yang hendak dibuat hendaklah mempunyai satu garis panduan, jangan terlalu besar, tidak boleh kita kira kalau dia itu kaya, dia boleh dapat tanah yang besar. Saya fikir perkara ini perlu kita fikirkan seelok-eloknya kerana kita bergantung bukan soal tanah. Tanah kalau tidak ada lagi bagaimana – yang pentingnya garis panduan secara terperinci perlu dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bangkitkan di sini iaitu berkenaan penilaian ini. Dengan wujudnya Ketua Pengarah Penilaian ini saya rasa Timbalan Menteri yang begitu peka dan prihatin memang baik. Mereka akan membuat pengkhususan contohnya, penilaian tanah-tanah adat bagaimana? Kita tahu sebagai tanah-tanah adat yang diambil di Negeri Sembilan, contohnya Adat Perpatih. Mungkin ramai orang tidak faham, oleh kerana saya datang dari Negeri Sembilan, saya tahulah serba sedikit. Latar belakang tanah adat ini adalah hak milik kaum itu bukan kepada individu, jangan dilupa. Apabila hendak diubahsuaikan untuk pembangunan kita perlu fikirkan bagaimana dan tanah-tanah bumiputera contohnya, kadangkala berbeza pendapat penilaian. Kalau bumiputera harganya rendah, kalau bukan bumiputera yang 'free hold', dengan izin, tinggi tetapi lokasinya tetap hebat.

Saya fikir perkara ini juga perlu dipertimbangkan dan adanya satu garis panduan yang menyeluruh dan penyelarasan yang begitu terbuka. Ini membuatkan satu pengkhususan yang baik dan saya harap akan dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin sentuh juga dalam transaksi ataupun berlakunya harta pindah milik apabila pihak-pihak peguam dalam satu-satu pindah milik harta tanah, penilaian yang dibuat untuk pembayaran setem contohnya. Di sini kadangkala perbezaan penilaian, jadi, saya rasa dengan wujudnya akta ini akan menyelesaikan masalah ini dan ini adalah satu petanda ke arah satu matlamat yang begitu baik dan kita harap pelaksanaan juga akan dijalankan dengan begitu adil dan saksama, kerana apabila kuasa diberi kepada pihak yang tertentu, kepada eksekutif, pihak yang menjalankan tanggungjawab ini akan melaksanakan sebaik-baik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin hendak menyentuh bahawa penilaian tanah for purpose of real property gains tax, dengan izin. Dalam proses kita begitu cepat membangun, rancak dan pindah milik berlaku, atur cara penilaian, pembayaran stamp duty dan sebagainya akan dilakukan. Saya ingin menyentuh supaya pihak-pihak yang berkuasa khususnya dalam proses pengendalian kerjanya hendaklah begitu efisien. Kadangkala berlaku di peringkat-peringkat penilaian, di pejabat tanah dan sebagainya. Dengan kurangnya efisien pegawai-pegawai ini menyebabkan kelewatan berlaku. Apabila kelewatan berlaku, ini juga akan menyusahkan pihak yang berkenaan, contohnya kalau berlaku itu dia kena penalti empat kali dan sebagainya. Pada hal kadangkala bukan silap orang itu tetapi kesilapan pihak-pihak yang bertanggungjawab tetapi ini semua perlu difikirkan.

Saya harap perkara ini dapat kita sama-sama fikirkan dengan adanya satu pindaan yang begitu baik, garis panduan yang dibuat di Dewan yang mulia ini melambangkan bahawa kita di dalam Dewan yang mulia ini mempunyai satu tanggungjawab dan nampaknya hari terakhir ini menteri seorang pun tidak ada, timbalan menteri dua orang sahaja dan hendak menjaga kuorum, inilah rupa, orang itu juga. Saya harap perkara ini supaya jangan kita ambil ringan kerana apabila sudah buat

undang-undang itu maka kita terlepas begitu sahaja. Esok apabila kita tidak patuh kepada undang-undang tindakan akan diambil.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, masa cukup ya.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya harap itu sahaja dan saya akhiri ucapan saya dengan ucapan terima kasih dan saya menyokong sesungguhnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Balik Pulau.

12.52 tgh.

Dr. Nungari bin Ahmad [Balik Pulau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mahu turut mengambil bahagian dalam pindaan kepada Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981 ini dan mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi membaca latar belakang tentang pindaan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kerana inilah merupakan satu usaha yang kita buat di Dewan yang mulia ini untuk benar-benar khusus mengatasi satu masalah yang asas, yang merupakan kelemahan dalam ekonomi negara.

Tujuan rang undang-undang ini ialah untuk mewujudkan apa yang dipanggil Unit Maklumat Harta Tanah Negara. Saya cuma ingin melahirkan rasa kesal saya kepada mereka yang terlibat dalam industri ini sama ada bank, ejen harta tanah, sama ada pentaksir, institusi-institusi lain - pemaju dan sebagainya yang tidak begitu perform sehinggakan memerlukan kerajaan untuk campur tangan dalam pasaran ini. Kalaulah semua pihak yang terlibat di dalam industri ini sama ada bank yang membekalkan pembiayaan, pemaju yang melakukan usaha pembangunan dan juga pihak-pihak badan profesional seperti penilai, pentaksir dan ejen harta tanah ini benar-benar profesional di dalam mereka menjalankan tanggungjawab masing-masing, maka tidaklah perlu kerajaan secara legislation masuk campur dalam urusan pasaran ini. Bahawasanya kerajaan terpaksa masuk campur dalam hal ini menunjukkan semua pihak yang terlibat ini adalah tidak profesional.

Jadi, apabila sampai ke tahap di mana Dewan yang mulia ini terpaksa menggunakan kuasa perundangan yang ada di dalam Dewan yang mulia ini untuk masuk campur, ianya adalah satu perkara yang sedih kerana sepatutnya Dewan yang mulia ini tidak perlu masuk campur dalam hal ini. Tetapi oleh sebab orang kata, sudah teruk sangat jadi Dewan yang mulia ini terpaksa masuk campur dan pindaan yang dikemukakan ini adalah pindaan yang bertujuan baik dan mengatasi masalah asas yang saya katakan tadi, yang merupakan satu daripada asas ekonomi negara mengalami penguncupan yang agak mendadak iaitu masalah yang kita telah timbulkan dalam Dewan yang mulia ini dalam tempoh empat tahun yang lepas, dari tahun 1995.

Pada mula-mula saya menjadi ahli Dewan yang mulia ini, saya telah menimbulkan masalah inflasi aset yang keterlaluan dan satu daripada aset yang mengalami inflasi yang tinggi ialah aset harta tanah ini dan kita sudah banyak kali juga mengatakan bahawa mereka yang terlibat ini pemaju dan juga bank sebagai sebahagian daripada institusi kewangan telah gagal untuk melakukan tanggungjawab masing-masing sehinggakan terdapat kegagalan mereka memainkan peranan mereka sebagai 'financial intermediary untuk mengambil tabungan dan menyalurkannya kepada sektor-sektor yang berkenaan. Begitu jelas sekali bahawa terlalu banyak wang telah dikumpul melalui tabungan oleh institusi kewangan dan dihalakan kepada sektor pembangunan harta tanah ini sehinggakan mewujudkan inflasi aset yang begitu tinggi dan inflasi aset yang tinggi ini juga telah menyumbang kepada peningkatan aset satu lagi iaitu saham dan aset itu juga naik dan akhirnya apabila kita masuk ke satu kitaran yang telah memberi satu ketidakstabilan kepada keseluruhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil dua tiga perkara sahaja daripada pindaan ini. Saya setuju bahawa dengan adanya unit ini, unit yang dimaksudkan dengan pindaan ini, maka semua pihak akan mendapat maklumat yang lebih baik. Tetapi saya minta supaya walaupun kita ada unit ini, bank-bank dalam negara kita yang kita telah pun wujud sebagai sebuah negara empat puluh tahun lebih, dalam 'corporate planning'nya dan 'credit department'nya sepatutnya mereka mempunyai maklumat-maklumat ini semua.

Jadi, walaupun ada unit ini saya harap bank-bank dan institusi kewangan juga tidak ketepikan tanggungjawab mereka dengan kata, tidak payah mereka ada maklumat-maklumat bank dan data yang cukup untuk mengawasi keputusan pemberian pinjaman dalaman sendiri dengan hanya hendak bergantung kepada unit ini, Bank sepatutnya dalam usaha penstrukturan semula sektor kewangan ini hendaklah ada sebagai satu sistem dalaman mereka semua maklumat ini. Malah bank sebagai pihak yang memberi pinjaman kepada pemaju 'bridging finance' dan juga kepada pembeli untuk membuat 'end financing' sepatutnya mereka mempunyai data bank tentang sektor perumahan ini yang lebih lengkap daripada yang boleh dibuat oleh unit ini sendiri.

Jadi, bank saya harap mengambil kesempatan daripada kelemahan yang begitu ketara yang dipamerkan oleh mereka untuk memperbetulkan keadaan ini sehinggakan kita lihat bahawa pada angka 1997 hampir suku, 25% daripada pinjaman telah dihalakan kepada sektor perumahan dan pembangunan harta tanah ini. Pihak yang kedua, yang telah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, masa untuk pagi ini sudah cukup ya.

Dr. Nungsari bin Ahmad: Boleh saya sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Boleh sambung sebelah petang.

Dr. Nungsari bin Ahmad: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambungkan semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Balik Pulau.

2.30 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya sambung balik sekejap tadi. Perkara yang kedua yang saya hendak bangkitkan ekoran dari teguran saya bahawa pihak-pihak yang terlibat di dalam industri hartanah ini tidak bertindak dengan secara profesional selain daripada bank yang telah saya sentuh tadi, pihak kedua yang saya rasa telah gagal menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik sehingga menyebabkan kerajaan sendiri terpaksa masuk campur dalam industri ini ialah pihak penilai, pentaksir dan juga ejen-ejen hartanah ini.

Kita tahu bahawa sebagai seorang profesional dalam bidang hartanah ini sama ada sebagai penilai, pentaksir ataupun ejen-ejen hartanah ini sepatutnya mereka mempunyai maklumat yang lengkap tentang industri perumahan sama ada perumahan ruang perniagaan, hotel, padang golf ataupun ruang pejabat. Tetapi jelas sekali bahawa pihak profesional dalam bidang ini telah tidak melakukan tanggungjawab mereka dengan baik kerana merekalah menjadi pihak yang dirujuk oleh bank untuk buat penilaian dan juga pentaksiran.

Sepatutnyalah kalau mereka ini bertindak secara profesional maka melalui penilaian dan taksiran yang mereka buat, mereka boleh menyampaikan signal kepada bank ataupun menyampaikan signal kepada pembeli tentang kedudukan pasaran yang sebenar dengan mereka memberi penilaian yang sebaik mungkin. Kalaulah sekarang ini kita lihat bahawa kadar penginapan (occupancy rate) ruang-ruang pejabat adalah rendah.

Kita lihat bahawa occupancy rate tahap penjualan hartanah berbentuk kediaman adalah rendah dan kita tahu bahawa inventory aset-aset hartanah ini adalah tinggi sama ada yang sedang dalam perancangan ataupun yang sedang dalam construction. Jadi, sepatutnya mereka ini yang merupakan profesional yang diiktiraf oleh undang-undang yang kita luluskan sendiri dalam Dewan ini, yang kita beri autoriti melalui pelesenan selain daripada mereka kena lulus peperiksaan-peperiksaan tertentu secara akademik sepatutnya mereka dapat membuat unjuran dan memberi nasihat kepada pihak-pihak yang terlibat sama ada pembeli, pemaju ataupun pihak bank sendiri tentang kedudukan yang sebenar. Jadi adalah mendukacitakan yang kerajaan sendiri kena tubuhkan unit

ini pada ketika sepatutnya semua ejen-ejen hartanah, ada setengah itu yang besar yang nama mereka dikenali ramai di dalam negara ini tidak mempunyai kepakaran dan juga maklumat-maklumat yang sepatutnya yang hendak dikumpulkan oleh unit yang kita tubuhkan pada hari ini melalui pindaan rang undang-undang ini.

Mereka ini juga, saya rasa menyumbang kepada melalui tindakan mereka yang tidak profesional ini mereka menyumbang kepada berlakunya fenomena inflasi aset yang saya maksudkan tadi kerana mereka telah membuat penilaian yang tinggi yang tidak mencerminkan nilai intrinsic aset hartanah tadi kerana mereka sama ada untuk membantu dalam proses pihak-pihak yang terlibat untuk mendapatkan pembiayaan maka mereka meletakkan tahap penilaian yang tinggi dan dengan mereka meletakkan tahap penilaian yang tinggi daripada yang sepatutnya mereka telah menyumbang ke arah peningkatan harga dan ini menyumbang pula kepada proses spekulasi yang berlaku dalam pasaran hartanah. Jadi, ini teguran saya kepada penilai, pentaksir dan ejen-ejen hartanah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak yang ketiga yang terlibat dalam proses ini ialah pihak kerajaan-kerajaan tempatan, majlis-majlis perbandaran ataupun majlis daerah. Kita tahu bahawa sistem dalam negara kita ini walaupun Parlimen, Dewan Rakyat ini meluluskan rang undang-undang seperti ini pihak yang sebenarnya yang menentukan corak pembangunan hartanah, corak pembangunan fizikal di kawasan di seluruh negara adalah kerajaan-kerajaan tempatan kerana kita tahu bahawa pemaju terpaksa memohon kepada peringkat perancangan dan juga pembangunan kepada majlis daerah ataupun majlis perbandaran mengenai planning dan juga pelan pembangunannya dan pihak-pihak berkuasa tempatan ini telah diperuntukkan kuasa oleh undang-undang yang telah kita luluskan dalam Dewan ini untuk membuat pelan struktur dan apabila pelan struktur ini dibuat di semua kawasan, ianya digazetkan dan ada proses-prosesnya dan pihak berkuasa tempatan juga yang membuat pelan-pelan tempatan (local plan) berdasarkan kepada pelan struktur yang diluluskan oleh majlis-majlis perbandaran ataupun kerajaan-kerajaan tempatan tadi.

Dalam pelan-pelan tempatan dan juga pelancongan-pelancongan struktur ini telah dikenal pasti apakah kegunaan tanah. Katakanlah kegunaan tanah ini adalah kegunaan tanah untuk kedimanan, tanah ini perniagaan, tanah ini industri ataupun tanah ini campuran industri dan perniagaan pada nisbah 70:30 misalnya. Jadi, kerajaan-kerajaan tempatanlah yang sebenarnya mempengaruhi hala tuju pembangunan fizikal di seluruh negara ini. Saya cuma hendak bertanya, sekarang ini kita telah mengakui bahawa semua pihak yang terlibat dalam industri ini telah melakukan keputusan pelaburan dan penguatkuasaan mereka secara yang tidak profesional sehingga kita perlu pindaan ini. Dengan pindaan ini Tuan Yang di-Pertua, tetapi majlis-majlis perbandaran dan juga majlis-majlis daerah ini adalah setengahnya sudah pun mempamer dan juga mengazetkan pelan-pelan struktur dan pelan-pelan tempatan (local plan).

Jadi, pelan-pelan struktur dan pelan-pelan tempatan ini adalah dari segi undang-undang 'binding', maknanya kalau saya ada sekeping tanah dan tanah saya telah digazetkan oleh pelan tempatan sebagai termasuk kepada kawasan yang boleh dibangunkan sebagai perumahan ataupun saya menjadi tuan punya sekeping tanah yang mana tanah saya telah masuk dalam gazet local plan sebagai tanah komersial ataupun tanah campuran. Jadi, walaupun kita ada keadaan pasaran yang mana penawaran adalah melebihi permintaan dalam banyak jenis hartanah, jadi macam mana hendak kita kawal ataupun mencapai matlamat supaya keadaan di mana penawaran adalah melebihi permintaan ini tidak berlaku kerana kita boleh buat rang undang-undang ini tetapi pihak yang meluluskan permohonan pembangunan ialah kerajaan-kerajaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Okay Tuan Yang di-Pertua, pihak yang terakhir yang saya cuba hendak kaitkan ialah pihak kerajaan-kerajaan negeri. Kerajaan negeri adalah pihak yang bertanggungjawab untuk mengubah syarat kegunaan tanah. Kalau kita di Kerajaan Pusat melakukan benda ini semua tetapi kerajaan negeri

teruskan juga dengan pengubahan syarat tanah bersyarat pertanian kepada perumahan dan sebagainya maka fenomena yang cuba kita hendak atasi ini akan juga berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah empat pihak yang saya rasa patut memberi perhatian kepada soal ini dan saya harap nanti apabila unit ini ditubuhkan, ia dapat menyebarkan maklumat ini kepada pertubuhan-pertubuhan pengguna supaya akhirnya pengguna sendiri mendapat maklumat yang lengkap dan apabila pengguna mendapat maklumat yang lengkap maka pengguna boleh buat keputusan yang baik dan secara tidak langsung sebenarnya penggunalah yang akan menghukum atau tidak menghukum keputusan pemaju yang membuat keputusan salah ataupun tidak salah. Kerana kalau kita membuka ruang untuk pengguna dapat maklumat yang lebih lengkap maka kita telah melakukan satu servis kepada rakyat. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

2.40 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Saya kurang jelas Tuan Yang di-Pertua, berapa lamakah kita boleh bercakap? Adakah 10 minit?

Tuan Yang di-Pertua: 10 minit.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya mengalu-alu penggubalan undang-undang ini oleh kerana hendak menubuhkan Unit Maklumat Hartanah Negara. Dengan adanya maklumat-maklumat yang boleh kita dapati daripada unit ini nanti dapatlah pihak-pihak yang terlibat dalam industri ini mendapat maklumat yang diperlukan daripada unit ini. Jadi, persoalan Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita bercakap hanya sepuluh minit, saya hendak tanya kepada pihak kementerian adakah unit ini juga akan beroperasi di Sabah dan Sarawak. Bagaimanakah penggunaannya di Sabah dan Sarawak? Adakah ini juga disambung secara on-line ke jabatan-jabatan kerajaan yang tertentu ataupun pejabat-pejabat yang tertentu di Sabah dan Sarawak ataupun dua komponen Malaysia yang jauh di seberang laut dan bagaimanakah pihak yang terlibat dalam industri ini iaitu pihak syarikat penilai, pentaksir dan ejen

hartanah di Sabah dan Sarawak adakah juga mereka disarankan supaya membuat on-line service untuk maklumat ini boleh digunakan di seberang laut sana.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan implikasi penilaian tanah adalah amat tinggi kepada negara dan rakyat yang terlibat. Umpamanya kepada negara kalau penilaian hartanah ini kurang cekap, kurang betul dengan sendirinya setem yang bakal dipungut daripada penukaran hak milik dan sebagainya juga akan berkurangan, berlainan dan tidak diselaraskan. Jadi, dengan adanya unit ini nanti perkara ini bolehlah diselaraskan. Jadi, begitu juga kepada pihak penjual dan tuan tanah yang mana tanah mereka diambil secara paksa ataupun compulsory accusation oleh pihak kerajaan. Jadi, dengan adanya on-line service ataupun unit ini nanti, maklumat yang boleh didapati daripada unit ini dapatlah pihak tuan tanah dan pihak yang terlibat, bank, pentaksir, peguam dan sebagainya boleh dapat penilaian yang lebih awal daripada kerajaan dan tidak sangat bergantung kepada maklumat-maklumat yang diberi oleh local officer umpamanya pegawai-pegawai penilai daripada Jabatan Tanah dan Survey kalau di Sarawak umpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bimbang sedikit penilaian ini kerana saya banyak berbincang dengan orang yang terlibat dengan penilaian harta tanah ini kerana pihak-pihak yang terlibat dalam industri ini tidak mempunyai satu asas yang tertentu bagaimana untuk menilaikan harga tanah di satu-satu kawasan. Umpamanya kalau kawasan itu yang mana transaksinya itu aktif dan sebagainya, asas digunakan ialah penilaian harga tanah penjualan yang akhir iaitu market price pada ketika itu sebagai asas penilaian, Tetapi kalau ada satu tempat yang mana kawasannya tidak mempunyai satu penjualan atau penjualan satu, dua sahaja jadi asas penilaian untuk kawasan yang tidak aktif sedemikian tidak diwujudkan. Jadi, saya berharap unit ini nanti dan pegawai atasan unit ini nanti iaitu director general mewujudkan satu data atau asas yang mana sebagai minimum untuk melandaskan penilaian harta di satu-satu tempat.

Oleh kerana kalau tidak ada transaksi berlaku di satu-satu kawasan maknanya penilaian harga harta di satu-satu tempat itu adalah dengan secara rambang dan tidak teratur boleh dikatakan arbitrary decided oleh penilai yang tertentu.

Jadi, keadaan yang demikian orang yang empunya tanah sama ada penjual dan pembeli mahu juga pihak bank dan sebagainya tidak mendapat matlumat yang sepatutnya didapati di mana transaksi itu aktif dan banyak yang dibuatkan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua ialah perbezaan. Ini berlandaskan apa yang berlaku di Sarawak – perbezaan harga dan nilai. Sebenarnya harga dan nilai ini adalah satu persepsi dibuat oleh pihak penilai ini sendiri. Kalau tanah itu terletak di kawasan tanah orang bumiputera iaitu tanah native dengan sendiri harga itu diturunkan, dalam keadaan yang sama, tempat yang sama kalau ada satu tanah yang bukan dipunyai bumiputera, tanah yang dikatakan di Sarawak di zone land dengan sendiri tanah, walaupun di kawasan yang sama dinilai dengan harga yang lebih tinggi.

Jadi, beginilah berlakunya disparity penilaian harga atau bandingan harga tanah yang boleh dijual dengan orang native sahaja dan tanah yang boleh dijual kepada semua rakyat Malaysia, kalau berlaku di Sarawak. Jadi, penilaian ini adalah tidak adil kerana persepsi ini dibuat oleh pihak penilai itu sendiri dan persepsi ini telah diwujudkan semenjak zaman pemerintahan kolonial dahulu dan kita warisi sehingga sekarang. Tetapi kalau tanah itu satu ekar umpamanya tanah native dan sebelah tanah itu ialah tanah ‘nif zone’, kalau di Sarawak ini punya cerita, terminologi saya ini terminologi Sarawak. Jadi, yang native ini dijual dengan harga 40,000 satu ekar, yang sebelah itu 100,000 satu ekar tetapi yang satu ekar ini banyak itu juga tanah yang boleh dibuat dan yang itu pun besar itu juga dan boleh dibina rumah beberapa biji di sana. Jadi, kenapa pula harganya berbeza sangat. Yang mana pihak perbankan di negara kita, kalau buat operasi di Sarawak dibenarkan mengambil tanah ini sebagai tidak ada perbezaan di antara tanah native dan tanah yang boleh dijual kepada seluruh rakyat Malaysia. Jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, saya berharap pihak yang terlibat dalam industri ini terutama sekali unit ini nanti dapat mengatasi masalah dalam persepsi ini supaya jangan orang bumiputera mendapati mereka dibandingkan dengan orang yang bukan bumiputera yang mempunyai tanah di satu tempat yang sama, saiz yang sama tetapi nilai tanah itu yang dibuat oleh pihak penilai ini sangat berbeza. Keadilan mestilah dibuat dan juga mestilah dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua: Teluk Intan.

2.49 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Tuan Speaker terima kasih. Hari ini kita membahaskan rang undang-undang yang ingin dipinda mengenai akta ini di antaranya ialah kerana katakan bahawa kebanyakan keputusan yang dibuat sama ada untuk membina, menjual, membeli, melabur atau menggunakan sendiri hartanah adalah dengan berpandukan kepada maklumat yang tidak mencukupi kurang tepat ataupun di dalam keadaan yang tiada maklumat yang relevan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini betul saya katakan kerana ramai di antara pembeli hartanah di negara ini tidak mengetahui harga sebenarnya dan kerap kali mereka hanya speculate atau mendapat nasihat-nasihat dari jiran-jiran mereka yang tidak berkecualan. Akan tetapi seperti yang dicadangkan selepas unit ini disediakan maka maklumat-maklumat ini boleh diperolehi oleh, saya harap pihak membeli hartanah.

Tuan Yang di-Pertua, yang mustahak adalah adakah maklumat-maklumat yang disediakan oleh pihak-pihak yang berkenaan ini akan diberi kepada pihak-pihak yang memerlukan dengan percuma atau dikenakan bayaran-bayaran yang tertentu. Dalam hal ini bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu bahawa jika apa-apa information mengenai pembelian atau penjualan harta yang berlaku di mana-mana di seluruh negara dapat diperolehi dari segi on-line system atau melalui majalah-majalah atau mereka akan mengadakan satu web site supaya transaksi-transaksi yang berlaku di mana-mana sahaja di negara ini dengan harga yang tepat dapat diketahui. Ini mustahak kerana kerap kali pihak di mana dapat menentukan harga adalah agen-agen di mana kebanyakan dari mereka adalah orang-orang yang tidak berkecualan walaupun telah dilesenkan akan tetapi tidak ada faktor-faktor yang tertentu yang boleh memberi satu nasihat yang bebas, yang uniform, yang baik kepada pihak pembeli.

Kita kerap kali mendapat beberapa aduan bahawa di sesuatu skim rumah yang sesudah lama berada di sana kerap kali satu rumah di antara yang lain, beza harganya bukan sahaja setakat 10% atau 20%, ada harga yang beza sebanyak 50%. Jadi dalam keadaan macam ini, unit yang akan ditubuhkan akan menyelaraskan perkara ini.

Adakah ini hajat yang mereka ingini dari rang undang-undang selepas diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, juga diketahui bahawa kerap kali bila pindah milik berlaku, kita menggunakan form 14A dan dari segi undang-undang, stamp duty adalah 1% dari harga penjualan (market value). Adakah kerajaan boleh beritahu bahawa setakat ini berapa per cent atau peratus keuntungan yang telah diperolehi dari pindah milik tanah di negara ini. Adakah mana-mana permohonan yang telah dibuat oleh kerajaan negeri supaya pendapatan dari stamp duty ini akan diberi balik kepada negeri-negeri di mana mereka memerlukan setakat separuh dari 1% atau sebahagian darinya.

Tuan Yang di-Pertua, diketahui bahawa bila pindah milik tanah berlaku, jangka masa yang digunakan atau yang diambil oleh valuers di unit-unit tersebut kerap kali memakan masa yang banyak. Adakah kerajaan akan memastikan supaya satu masa yang standard untuk semua negeri di negara ini diisytiharkan supaya kita tidak ada macam di Ipoh, dikatakan satu skim pembelian tanah mengambil masa dua bulan ke empat bulan dan lagi satu mengambil masa dua minggu dan harga yang ditetapkan oleh pihak-pihak yang membeli dan menjual sangat berbeza dan adakah dalam faktor ini kita akan mendapat satu standardized system di mana semua maklumat yang diperlukan oleh pembeli dapat diterima dari unit-unit tersebut. Adakah unit-unit yang akan disediakan, ada pegawai-pegawai yang akan memberi nasihat kepada pembeli-pembeli hartanah.

Dalam proses ini juga kerap kali kita dapati di mana selepas unit-unit ini disediakan, adakah stamp duty yang telah diambil oleh kerajaan akan dikembalikan di mana situasi hartanah ini tidak dapat ditukar milik oleh sebab-sebab yang tertentu. Adakah dan berapa lamakah ia akan mengambil masa supaya wang stamp duty yang dikutip ini akan dipulangkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu diketahui juga bahawa pada masa ini kita ada satu pelesenan valuers. Setakat ini berapakah orang yang telah diberi lesen di bawah akta ini dan untuk menyelaraskan perkara ini berapakah uniform standard yang

diperlukan di negara ini pada waktu sekarang dan di antaranya apakah kelayakan-kelayakan tertentu yang akan dikenal pasti oleh unit ini selepas ia diwujudkan. Seperti yang kita juga tahu spekulatif harta benda yang kerap kali berlaku adalah disebabkan pembeli kerap kali diberi assurances, dengan izin, oleh estate agent dan dalam proses ini apakah undertaking yang akan diberi oleh director general supaya perkara macam ini tidak berlaku selepas unit ini disediakan.

Di antara maklumat-maklumat yang akan disediakan oleh unit ini adalah dikatakan penjualan rumah, harta dan juga di mana pembelian lesen untuk golfing, iaitu satu perkara yang sangat luas pada masa sekarang. Adakah selepas unit ini disiapkan bahawa pembeli-pembeli mendapat maklumat, adakah cadangan-cadangan untuk membina golf resort dan lesen-lesen yang dijual oleh golf resort ini akan dikawal selia oleh unit ini. Kalau tidak, siapakah selepas, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa mereka akan mengendalikan perkara ini, adakah setakat ini telah dikenalpasti berapa golf resort dan golf organization yang tidak mengikut peraturan-peraturan atau undang-undang yang tertentu di mana perjanjian telah dibuat semasa penjualan lesen membeli golf di golf club.

Kerap kali kita tengok diberi advertisement yang mengatakan ada beberapa resort di golf resort itu tetapi bila kita telah memperolehi membership status di sana diketahui bahawa tidak ada golf club hanya ada golf club setakat nama sahaja tetapi bila kita pergi ke tempat tersebut kita dapati banyak yang dijanjikan tidak ditunaikan maka adakah unit ini akan kawalselia supaya pembeli-pembeli golf licence, golf membership akan mendapat satu assurances supaya perkara di mana penyelewengan yang kerap kali berlaku, tidak akan berlaku selepas unit ini disediakan. Setakat ini berapa golf resort yang telah dikenal pasti di mana tindakan perlu diambil dan saya sendiri telah menyuarakan perkara ini di Meru Resort di Ipoh, di mana beberapa orang telah membeli lesen untuk memasuki golf resort tersebut tetapi selepas membelinya tidak ada facilities yang dijanjikan. Adakah selepas ini unit yang disediakan ini merangkumi dan akan dikawal selia oleh pihak berkenaan.

Setakat ini berapakah golf resort di negara ini yang telah disediakan dan berapakah di antaranya yang tidak up to the standard yang diperlukan dan apakah tindakan yang telah diambil. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukuplah Yang Berhormat. Saya ingat cukuplah. Sila Timbalan Menteri menjawab.

3.00 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini iaitu sebanyak empat orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan telah memberi sokongan terhadap pindaan rang undang-undang ini dan juga beberapa orang yang telah memberi pandangan supaya dapat kita memperbaiki sistem yang kita cadangkan dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, semua penilaian yang dijalankan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta adalah berasaskan nilai pasaran dan nilai pasaran adalah berasaskan kepada faktor-faktor seperti permintaan dan penawaran, elemen fizikal dan juga perundangan dan ia juga ada polisi untuk kita menilai sama ada rendah ataupun tinggi mengikut pemilikan itu maka soal perbezaan itu adalah berpunca daripada ketidakadilan itu adalah tidak timbul dan nilai cukai keuntungan harta mengenai isu ini, proses CKHT melibatkan berbagai agensi dan mengikut rekod jabatan penilaian ini data-data menunjukkan prestasi pencapaian kerja-kerja penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta adalah baik.

Jadi, soal seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mungkin adalah tidak timbul tetapi walau bagaimanapun kalau terdapat kes-kes tertentu di mana kelewatan itu memang begitu teruk sekali, harap dapat disampaikan kepada pihak atau kepada saya supaya kementerian saya dapat mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tentang tanah-tanah perkuburan itu saya juga menyeru kepada pihak-pihak berkenaan khasnya pihak berkuasa kerajaan tempatan supaya dapat mengenalpastikan tempat-tempat yang sesuai dalam pelan rancangan tempatan yang akan disediakan nanti dan sambil jabatan penilaian kita ini mewujudkan bahagian ini atau unit ini selain daripada tujuan-tujuan yang penting iaitu untuk menentukan bilangan rumah, kedai, hotel dan sebagainya mungkin kita juga akan melibatkan bilangan ataupun data-data seperti kemudahan-kemudahan utility, hospital, sekolah dan sebagainya supaya dapat juga digunakan sebagai satu maklum balas yang penting sekali dalam perancangan yang akan datang.

Suka juga saya menyuarakan persetujuan saya dengan Yang Berhormat dari Kuala Pilah iaitu mungkin perlu pemaju-pemaju itu diberikan nasihat supaya mereka dapatlah memperbaiki lagi sikap masing-masing khasnya dalam segi pencerobohan mereka dalam bidang pembangunan perumahan dan hartanah. Sukacita saya sebutkan beberapa nasihat itu supaya mungkin akan dijadikan sebagai garis panduan:

- (i) diharapkan mereka mempunyai sekurang-kurangnya kewangan yang mencukupi untuk membiayai kos tanah dan juga mempunyai aliran tunai yang mencukupi;
- (ii) pemaju mestilah mempunyai kajian kebolehdayaan ataupun feasibility study untuk pembangunan dijalankan oleh profesional hartanah sebelum pembangunan dijalankan;
- (iii) pemaju mestilah mengikuti perancangan yang diperuntukkan seperti dari segi pembangunan dan sebagainya; dan
- (iv) mereka perlulah membina hanya rumah yang mempunyai permintaan yang tinggi untuk mengelakkan ketidakseimbangan permintaan dan penawaran dan memang kita berharap mereka tidak menyalahgunakan wang yang dikutip dari pembeli untuk tujuan-tujuan lain ataupun untuk mengelakkan projek dari terbengkalai.

Mungkin ini adalah merupakan beberapa nasihat yang dapat kita sampaikan.

Yang Berhormat dari Balik Pulau juga menyentuh tentang penilai yang tidak ada maklumat yang mencukupi. Sukacita saya maklumkan penilai-penilai di sektor swasta ataupun kerajaan memang mempunyai data masing-masing melalui penyelidikan mereka ataupun melalui laporan-laporan daripada pihak kerajaan seperti

laporan pasaran hartanah dan lain-lain. Semasa mereka menjalankan penilaian mereka menggunakan data masing-masing. Adalah tidak benar, mereka tidak menyimpan ataupun mempunyai data-data dan maklumat pasaran, akan tetapi pemaju atau bank-bank mungkin tidak mahu menggunakan kepakaran mereka atas data-data untuk membuat sebarang keputusan mereka. Saya menasihatkan pemaju supaya pakar-pakar untuk menyediakan feasibility study itu dijalankan sebelum memulakan sebarang pembangunan. Kalau pakar-pakar ini digunakan, memang tentu keadaan seperti yang kita nampak sekarang itu tidak akan berlaku.

Tentang pihak berkuasa ataupun kerajaan tempatan dalam merancang pelan struktur, cadangan Yang Berhormat itu hendaklah diteliti. Adaklah diharapkan bahawa pihak berkuasa tempatan terpaksa melaksanakan pelan-pelan tersebut dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan dan pandangan Yang Berhormat dari Batang Lupar yang mengatakan sama ada pindaan ini adalah melibatkan Sabah dan Sarawak, sukacita saya maklumkan iaitu semua pindaan akta ini akan melibatkan semua negeri dan cawangan-cawangan yang sedia ada itu akan mewujudkan unit ini supaya dapat dijalankan serentak di seluruh negara dan kemudahan-kemudahan itu akan diberikan di semua cawangan termasuk Sabah dan Sarawak.

Tentang Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan untuk nilai stem untuk duti stem itu, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta menilai harta atau hartanah di seluruh negara kecuali Sarawak. Di Sarawak penilaian itu adalah dibuat oleh penilaian negeri dan itulah kemungkinan yang terdapat beberapa perbezaan. Tentang pandangan iaitu tiada asas untuk penilaian. Sukacita juga saya maklumkan penilai-penilai adalah graduates dari universiti tempatan dan luar negeri. Mereka mempunyai latihan dan pelajaran yang mencukupi untuk menjalankan penilaian. Kaedah-kaedah dan pendekatan yang dipelajari adalah mencukupi. Tambahan pula kerja penilaian ini adalah biasanya mengikut nilai pasaran dan itulah mengapa terdapat perbezaan di antara satu dengan lain itu dan kebanyakan unsurnya adalah disebabkan oleh kerana permintaan dan penawaran itu sentiasa berubah. Pada masa yang baik, mungkin harga itu lebih baik kalau masa yang buruk seperti sekarang, nilai harta itu akan merosot.

Yang Berhormat dari Teluk Intan juga bertanya sama ada ini akan disebarkan kepada orang ramai dengan servis tertentu. Sukacita dimaklumkan maklumat-maklumat yang akan diberikan kepada orang ramai melalui on-line web site ataupun dicetak dalam bentuk laporan,

phamplets dan sebagainya dan akan dibekalkan dan dikenakan bayaran tetapi mungkin dengan bayaran yang murah sekali.

Sama ada harga tanah itu dapat diselaraskan kerana pasaran harta tanah ini adalah satu pasaran yang terbuka, kerajaan tidak boleh menentukan harganya. Oleh yang demikian, harga pasaran harta tanah tidak dapat dikawal seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang lain mungkin merupakan cadangan dan memerlukan maklum balas, yang memerlukan notis dan kalau ada yang tidak sempat saya menjawab mungkin saya akan menjawab dengan secara bertulis dan semua cadangan akan diberi perhatian. Sekian sahaja dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA

PENAMBAHAN HARI MESYUARAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya melangsungkan perbahasan di atas rang undang-undang ini, saya telah mendapat satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dialamatkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia Kuala Lumpur yang berbunyi seperti berikut:

“Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan memerlukan supaya Mesyuarat Dewan Rakyat yang berjalan sekarang ditambah selama satu hari lagi iaitu pada hari Selasa, 11 Mei 1999 untuk memberi masa yang lebih bagi Dewan Rakyat membahaskan pembentangan rang undang-undang. Untuk tujuan tersebut, saya mengemukakan permohonan ini selaras dengan Peraturan Mesyuarat 11(2) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.

Salam hormat,

Dr. Mahathir bin Mohamad”.

Saya telah pun meluluskan permohonan ini iaitu ditambahkan satu hari lagi iaitu esok hari untuk menamatkan segala perbahasan yang dibentangkan di hadapan kita.

RANG UNDANG-UNDANG PENILAI, PENTAKSIR DAN EJEN HARTA-TANAH (PINDAAN) 1999

Perbahasan disambung semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berbalik kepada rang undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 1999

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.18 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibacakan kali kedua sekarang. Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 1999 bertujuan untuk mengatasi beberapa kelemahan dan kekurangan dalam perundangan semasa, contohnya kekurangan peruntukan penguatkuasaan undang-undang bagi mengatasi masalah pengelakan cukai dan bagi menyelesaikan perundangan dalam perkembangan semasa seperti memberi takrifan baru kepada perkataan “petroleum” supaya selaras dengan teknologi terkini. Ia juga bertujuan menyelaraskannya dengan lain-lain keuntungan di bawah bidang Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia seperti menghalang mana-mana orang dari

meninggalkan Malaysia sehingga cukai telah dijelaskan. Dengan pindaan ini diharapkan jentera kutipan cukai kastam dapat beroperasi dengan lebih licin, telus dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menghuraikan beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui rang undang-undang ini:

- (i) Fasal 2, meminda seksyen 2 Akta Kastam 1967 bagi memasukkan takrif baru kepada “petroleum” supaya lebih selaras dengan definisi yang digunakan oleh industri berkenaan dan meluaskan skop kastam bagi petroleum dalam talian paip;
- (ii) Fasal 3, meminda seksyen 16 Akta Kastam 1967 bagi membolehkan pengimport membuat tuntutan pulang balik duti dalam tempoh satu tahun selepas keputusan penjenisan atau penilaian barang dibuat dan bukan satu tahun dari tarikh duti dibayar;
- (iii) Fasal 4, mewujudkan seksyen baru iaitu seksyen 17A dalam Akta Kastam 1967 untuk menghalang pemilik firma, pengarah syarikat atau sesiapa sahaja yang belum menyelesaikan duti kastam meninggalkan negara sehingga ia menjelaskannya;
- (iv) Fasal 5 dan 6, meminda subseksyen 65B(1) dan 65C(1) Akta Kastam 1967 untuk memastikan pelikuidasi dan penerima membayar apa-apa duti kastam yang kena dibayar. Mana-mana pelikuidasi dan penerima yang tidak mematuhi subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan;
- (v) Fasal 7 meminda seksyen 99 Akta Kastam 1967 yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mensyaratkan kelulusan tarik balik cukai hanya bagi barangan yang dieksport melalui tempat yang diluluskan. Hasrat pindaan ini adalah untuk menggalakkan penggunaan pelabuhan dan lapangan terbang tempatan;

- (vi) Fasal 8 mewujudkan seksyen 102 baru dalam Akta Kastam 1967 bagi mengadakan tatacara penyampaian notis atau dokumen kepada syarikat, firma atau persatuan; dan
- (vii) Fasal 9 mewujudkan seksyen baru 122D dalam Akta Kastam 1967 bagi membolehkan perakuan mengenai ketetapan apa-apa alat penyukatan oleh mana-mana pegawai yang bertanggungjawab di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi penyukatan petroleum diterima sebagai bukti oleh mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang lain, yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini adalah pindaan kecil atau berbangkit sahaja. Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Bintulu.

3.20 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menyampaikan ucapan pendek mengenai rang undang-undang untuk meminda Akta Kastam 1967. Pada dasarnya saya bersetuju dengan pindaan-pindaan yang dibentangkan dalam sembilan fasal tetapi dalam ucapan ini saya ingin merujuk pindaan kepada seksyen 2 berkaitan petroleum. Saya ingin menyentuh kedudukan Petroleum Nasional Berhad (Petronas). Petronas selama ini telah banyak mengeluarkan petroleum dan gas asli untuk menampung keperluan domestik dan eksport. Tetapi malangnya Petronas yang tertakluk kepada Akta Syarikat 1965 tidak menerbitkan penyata-penyata akaun dan kewangan mereka di dalam akhbar-akhbar seperti yang biasa dibuat oleh syarikat-syarikat berhad.

Oleh yang demikian, masyarakat tidak tahu jumlah sebenar pengeluaran, pendapatan, keuntungan dan duti serta levi yang dibayar oleh Petronas kepada kerajaan. Berdasarkan kepada dua buah bangunan iaitu Dayabumi dan Menara Berkembar Petronas dan lain-lain harta, saya percaya Petronas telah membuat keuntungan berbilion-bilion ringgit tetapi enggan mengisytiharkan pendapatan dan perbelanjaannya, tidak seperti Shell dan Esso, penyata akaun mereka boleh diperolehi di negara asal mereka jika Parlimen masing-masing menghendakinya tetapi di dalam Dewan yang mulia ini kita dinafikan hak untuk menerima penyata tahunan Petronas.

Walaupun kerajaan pemilik penuh ekuiti Petronas juga tidak mahu menyiarkan di dalam akhbar-akhbar, sekurang-kurangnya edarkanlah penyata dan laporan tahunan kepada Ahli-ahli Parlimen untuk dibuat kajian tentang kedudukan rizab minyak negara dan sejauh mana negara mendapat hasil dari sumber asli ini.

Di Bintulu misalnya MLNG sebagai syarikat perintis petroleum negara, rakyat Malaysia sendiri tidak menyedari peranan syarikat cecair gas asli ini. Selama ini bagaimana keuntungan dibuat, beberapa duti dibayar kepada Kerajaan Pusat atau gaji untuk para pekerja di loji-loji MLNG, LPG, ABF di sana. Saya difahamkan dengan tambahan loji-loji gas tetapi malangnya kakitangan adalah orang yang sama untuk menguruskan loji tambahan. Hanya beberapa orang sahaja diambil bekerja semenjak beberapa tahun lalu walaupun loji gas baru telah ditambah sebanyak dua buah lagi selepas MLNG 1.

Kakitangan ini merupakan orang yang sama bertugas ketika loji MLNG 1 mula beroperasi. Kemudian apabila loji kedua dibina, orang yang sama memikul tugas operasi loji kedua sehingga ke hari ini. Dengan semua tambahan kerja tanpa ada imbuhan tambahan sama ada dalam bentuk bayaran tambahan atau faedah lain, kita boleh bayangkan bagaimana semangat dan moral kerja mereka. Tidak ada soalan bahawa kakitangan-kakitangan ini telah bekerja lebih masa, terlalu letih kerana eksploitasi.

Saya ingin mengingatkan kerajaan bahawa ini bukanlah satu sikap yang sihat dan ia boleh memburukkan lagi keadaan bekerja kerana kelemahan sikap bekerja akan mempengaruhi diri pekerja-pekerja yang terlebih kerja dan jika tidak ada ganjaran yang diberikan dalam bentuk bayaran tambahan atau faedah lain sebagai menghargai titik peluh mereka, keseluruhan situasi ini jika tidak diurus dengan cepat dan cermat boleh mengakibatkan suatu yang complicated. Malahan boleh memburukkan pulangan atas pelaburan dalam loji ataupun cukai yang boleh dikutip oleh kastam. Malahan boleh membahayakan dari segi keselamatan loji, pekerja dan keselamatan yang lain. Adalah tidak adil sedangkan Petronas mendapat pendapatan tambahan dan kastam menambahkan kutipan cukai dari tambahan loji gas yang beroperasi tetapi para pekerja masih belum mendapat bayaran tambahan.

Saya dengan ini menggesakan kerajaan supaya mengambil bekerja lebih ramai kakitangan bagi berkongsi bebanan kerja, mengambil perhatian berat dan memastikan bahawa mereka gembira dan produktif. Ramai pekerja baik lelaki atau perempuan yang menghabiskan sebahagian masa hidup mereka untuk kilang, untuk Petronas dan untuk negara. Adakah Kerajaan Pusat bermaksud untuk melindungi jumlah hasil kutipan cukai, duti minyak dan lain-lain, dari diketahui oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan Terengganu atau adakah berlaku kebocoran di mana pegawai kastam tidak dapat mengenakan duti ke atas petrol dan gas yang disalurkan oleh paip saluran.

Keduanya ialah tentang kedudukan sejauh mana Petronas telah berdikari kerana sebelum ini kita sering mendengar Petronas banyak bergantung kepada Esso dan Shell dalam soal mencari gali, penapisan minyak dan gas. Walaupun terdapat Petronas bergiat cergas dalam aktiviti hiliran seperti pemasaran Petrogas minyak enjin dan dalam industri permotoran. Jika bukan berjalan sendiri adakah ia menaja telaga minyak kepada Esso dan Shell, bagaimana pengagihan sumber asli ini dibuat, siapa yang lebih untung - Petronas, Esso ataupun Shell? Sebelum ini kita pernah mendengar rungutan Petronas sendiri, mereka telah ditipu oleh sesetengah syarikat

minyak dalam soal pembahagian dan agihan minyak dan gas seperti minyak Esso yang lebih bermutu dari minyak Petronas.

Kini perang pam minyak berlaku di seluruh negara, masing-masing pengusaha pam minyak berebut-rebut menawarkan hadiah kepada para pelanggan seperti coklat dan air mineral di mana ia tidak boleh didapati di kedai-kedai pam minyak Petronas. Mereka tidak mampu memberi potongan harga petrol yang dibeli oleh pelanggan seperti yang diberi oleh Esso, Caltex dan Shell. Masing-masing memberi potongan harga lapan sen atau sembilan sen seliter. Soalnya mengapa pengusaha minyak Esso, Shell dan Caltex boleh memberi harga potongan minyak seliter jika mereka menjadi pelanggan tetap tetapi mengapa Petronas tidak boleh berbuat demikian? Tidakkah ini menunjukkan syarikat-syarikat bukan Petronas boleh memberi perkhidmatan bermutu tinggi sedangkan Petronas sebaliknya.

Walau apapun yang mereka buat, saya ingin menggesa kerajaan supaya menimbang rayuan-rayuan persatuan pengguna dan orang ramai supaya harga minyak diturunkan lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong.

3.27 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya rang undang-undang ini dan bakal diluluskan, maka kita dapati bahawa seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bintulu tadi, satu duti akan dikenakan kepada cecair seperti petroleum.

Di sini saya hendak menekankan beberapa perkara, yang pertamanya iaitu keberkesanan kastam. Bagi saya, walaupun kita boleh melihat perkhidmatannya ada peningkatan sedikit misalnya di KLIA, dahulunya tidak begitu baik tetapi sekarang lebih baik sedikit tetapi mesti dipertingkatkan lagi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)

mempengerusikan mesyuarat]

Dengan keberkesanan untuk semua barang termasuk petroleum, termasuk borang yang perlu diisi, termasuk beberapa prosedur yang membolehkan pengimportan, pengeksporan dan sebagainya, memang semua prosedur ini mestilah diperbaiki kerana kalau kita hendak galakkan firma-firma menggunakan kemudahan di Malaysia termasuk di lapangan terbang dan juga pelabuhan, kita mesti memastikan semua prosedur yang diperlukan itu mesti sesuai dengan standard antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada disebutkan oleh pihak pengguna pelabuhan kita bahawa pelabuhan kita bertambah baik sedikit tetapi tidak begitu banyak, kalau dibandingkan dengan pelabuhan di Singapura. Mahu tidak mahu kita mesti mengakui bahawa kemudahan-kemudahan yang terdapat di Singapura adalah lebih baik daripada yang terdapat di pelabuhan Malaysia. Saya ada mendengar hujah daripada pihak kementerian termasuk Menteri Pengangkutan yang mengatakan bahawa kemudahan di lapangan terbang dan juga di pelabuhan terutama di Pulau Indah sudah pun meningkat tetapi belum mencukupi.

Saya tidak begitu bersetuju bahawa kita mesti paksa orang menggunakan pelabuhan kita kerana kalau kemudahan itu lebih baik, dapat menghantar (eksport) dan mengimport barang dengan mudah, tidak perlu menghantar barang ke Singapura. Saya tidak percaya kalau ia mendapat kemudahan yang lebih baik di Malaysia, ia terpaksa pergi ke Singapura. Walaupun ada satu alasan bahawa ini adalah amalan tradisi dan sebagainya, Singapura ada firma, banyak firma yang mempunyai tradisi yang lama, pelanggan yang lama dan sebagainya, maka pihak kita terpaksa menghantar barang melalui kemudahan di Singapura. Alasan ini memang merupakan satu faktor tetapi bagi saya bukan satu faktor yang begitu besar.

Kalau dia dapat untung dengan banyak melalui lapangan terbang kita dan juga melalui pelabuhan kita, apa gunanya dia hendak hantar barang kepada Singapura. Jangan gunakan alasan itu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa dengan kargo melalui lapangan terbang kian hari kian meningkat kerana KLIA kita pada pendapat saya akan memainkan peranan yang lebih penting kalau kita meningkatkan keberkesanan kita termasuk kastam dalam penggunaan KLIA cargo kita itu akan meningkat. Apabila krisis ekonomi tamat, kita tak tahulah bila akan tamat kerana ada banyak usaha lagi yang tidak begitu sempurna, apabila krisis ini tamat, kargo akan meningkat, penggunaan KLIA akan meningkat dengan banyak dan untuk menggalakkan peningkatan penggunaan pelabuhan dan juga lapangan terbang kita, maka perlulah kita mengkaji semula.

Saya mencadangkan supaya kita kaji secara menyeluruh semua kemudahan di lapangan terbang dan juga di semua pelabuhan kita terutamanya di Pasir Gudang dan juga di Pulau Indah, Pelabuhan Klang kaji dari segi keberkesanan termasuk perkhidmatan kastam dan pengutipan duti dan eksais setakat mana kalau kita banding dengan Hong Kong, dengan Singapura, dengan Rotterdam dan lapangan terbang KLIA dengan Singapura, dengan Hong Kong. Chek Lap Kok dan sebagainya setakat mana setanding kita, kedudukan kita berbanding dengan negara-negara yang lain.

Itu memang kita mesti buat satu kajian yang menyeluruh untuk meliputi semua aspek, bukan sahaja untuk kastam dan ini saya mencadangkan supaya kita sama-sama hendak majukan negara ini dan kelemahan-kelemahan ini memang mesti diperbaiki untuk membolehkan kita melangkah, melonjak ke abad yang baru dengan kemudahan-kemudahan termasuk lapangan terbang dan juga pelabuhan yang lebih sempurna. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Teluk Intan dan selepas itu kementerian menjawab.

3.32 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan membawa perubahan yang diinginkan dalam Akta Kastam ini terutama mengenai petroleum, kita semua tahu satu dari cara di mana wang senang dicari dan diperolehi

oleh sesiapa adalah jika kita mendapat dengan cara yang senang sekali dengan buta-butu adalah menjual benda dan mendapat duit tanpa bekerja keras dan satu dari caranya adalah mendapat petroleum, iaitu hak rakyat Malaysia ini akan tetapi syarikat yang mengendalikan perkara ini aktivitiinya, apa yang dia buat, berapa dia melabur, untuk siapa dia melabur, berapa dia bagi scholarship dan apakah niatnya tidak diketahui walaupun kita ini semua Ahli Parlimen. Di sini berapa ia punya pendapatan, apakah sebab pendapatan ini tidak disalurkan kepada pihak-pihak yang betul-betul memerlukannya akan tetapi kerap kali kita dengar ia digunakan untuk menyelamatkan beberapa syarikat yang tertentu yang kena mengena dengan orang-orang yang sangat berkuasa di negara ini.

Bila rang undang-undang macam ini datang ke Dewan yang mulia ini baru kita ketahui dengan tidak ikhlas bahawa apa yang dihayatkan adalah untuk mengelak perbincangan perkara macam ini di kalangan orang ramai. Kalau kita tengok hari ini definisi “petroleum” yang baru yang ingin dikatakan adalah seperti yang terkandung di seksyen 2 dan di antaranya adalah natural gas, juga pendapatan-pendapatan ini diperolehi oleh beberapa syarikat yang tertentu yang telah diarahkan dikendalikan dan kenapakah keuntungan mereka tidak disenaraikan, kenapa ia tidak diberi kepada Ahli Parlimen walaupun kamilah yang mula-mula dulu telah membenarkan perkara ini wujud. Apakah sebab setiap negeri yang ada mengeluarkan petrol hanya mendapat 5% keuntungan dari pengeluaran petroleum dan kenapa ia tidak dinaikkan walaupun beberapa negeri telah memohon untuk hal sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut seksyen 17 yang baru dikatakan beberapa perintah akan dikeluarkan jika diperlukan oleh Director General. Di antaranya beliau boleh mengeluarkan satu order supaya sesiapa yang akan atau menunjukkan ingin

melarikan diri dari negara ini dapat ditahan sebelum ia melarikan diri dan bila perintah seperti ini dikeluarkan adakah Director General ini perlu memberi atau mendapat pendapat dari peguam-peguam Persekutuan atau pihak-pihak atasan akan memberi arahan-arahan yang tertentu supaya pendapat mereka atau apa-apa decision mereka adalah telus dan transparent.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meneliti bahawa rang undang-undang ini di antaranya akan membawa satu perubahan yang dahsyat dengan memberi kuasa yang secara simple kepada Director General untuk mengeluarkan waran dan sebagainya untuk menahan orang melarikan diri. Saya setuju bahawa jika seorang itu berniat untuk melarikan diri setakat itu kuasa diberi tetapi kalau kuasa itu disalahgunakan, apakah recourse yang digerenti oleh kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Bandau.

3.40 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut mengambil bahagian untuk memberi beberapa pandangan kepada perkara di atas meja mesyuarat, khususnya Tuan Yang di-Pertua, saya tumpukan kepada perkara yang dibangkitkan di dalam pindaan seksyen 2 iaitu berkaitan dengan definisi baru bagi perkataan “petroleum” mengikut seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bertujuan supaya perkataan petroleum itu lebih selaras dengan definisi yang digunakan oleh industri berkenaan dan meluaskan skop kawalan kastam bagi petroleum dalam talian paip.

Soalan pokok saya dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah akibat daripada pertukaran definisi ini pasti apa yang diinginkan oleh Jabatan Kastam ialah selain daripada kawalan dan perkataan kawalan itu akhirnya diterjemahkan kepada

peningkatan duti dan pendapatan daripada produk petroleum ini. Jadi, saya ingin bertanya dengan penukaran definisi petroleum ini yang meluaskan skop kawalan berapa luaskah pendapatan dan hasil yang boleh diperolehi oleh pihak kastam dan adakah ini membebankan pihak industri dan mereka yang terlibat di dalam sektor pengeluaran petroleum.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal yang sama di bawah seksyen 2 ini seperti mana di dalam Perlembagaan Negara dan juga perjanjian di antara kerajaan dalam bentuk committee, duti ke atas produk petroleum ini bagi negeri Sabah dan Sarawak adalah di bawah tanggungan negeri masing-masing. Ini menjadi satu hasil bagi kedua-dua negeri tersebut. Dalam perkara ini, ada ura-ura pada masa-masa lampau bahawa pihak Kerajaan Pusat bercadang untuk mengkaji kembali kuasa yang telah diberi kepada kedua-dua kerajaan negeri pada tahun 1963. Saya ingin meminta jaminan daripada pihak kerajaan dan pihak kementerian adakah ura-ura ataupun cadangan seperti ini mestilah diteruskan, kalau ini betul, maka memang ia bertentangan dengan spirit seperti mana yang ditentukan dalam bentuk committee pada masa dahulu.

Sebenarnya apa yang pihak kita mencadangkan ialah bahawa duti atas produk petroleum ini dikaji semula dan dinaikkan supaya hasil pendapatan sumber negeri bagi Sabah dan Sarawak ini meningkat sesuai dengan perkembangan sektor dan pengeluaran sektor ini dalam ekonomi keseluruhan. Sebab pada saat-saat ini, Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum sektor-sektor lain dalam ekonomi di kedua-dua negeri ini khususnya sektor balak telah pun merosot dan dengan kegawatan ekonomi yang berterusan, sektor-sektor lain pun begitu sedikit sekali menyumbangkan kepada kewangan negeri. Satu bidang yang perlu diambil kira oleh pihak Kerajaan Pusat untuk membantu kedua-dua kerajaan negeri ini ialah mengambil sifat terbuka untuk berbincang dengan kedua-dua kerajaan negeri meningkatkan duti yang sedia ada bagi produk petroleum ataupun hasil-hasil petroleum supaya memberi sumbangan yang lebih meningkat bagi tabung pendapatan hasil negeri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga ialah seperti mana yang disentuh oleh Yang Berhormat yang lain awal tadi, bahawa bagi peranan badan Petronas dalam soal pengeluaran petroleum ini begitu sukar sekali bagi kita untuk mendapatkan maklumat-maklumat asas tentang jumlah pengeluaran, tentang pendapatan yang diperolehi dari semua sektor di mana ia beroperasi mahupun di Sabah ataupun di Sarawak. Kita memohon melalui Dewan yang mulia ini, supaya laporan-laporan tahunan ini dapat diperolehi lebih senang dan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, khususnya lebih awal seperti syarikat-syarikat dan perbadanan-perbadanan negara yang dipaparkan di dalam surat-surat khabar dan seperti yang sedia terjadi. Dengan begitu, pihak pelabur, pihak sektor swasta yang ingin mengambil bahagian di dalam pembangunan sektor ini boleh mengambil langkah-langkah yang tertentu sebagai satu badan pelabur ataupun satu syarikat pelabur, selain daripada memberikan gambaran yang betul kepada rakyat Malaysia tentang aset dan hasil yang diperolehi oleh Petronas.

Dalam konteks yang sama, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan seperti mana yang saya sentuhkan tadi, sumber kewangan negeri Sabah dan Sarawak telah pun merosot dengan adanya masalah kemerosotan ekonomi dan khususnya di peringkat negeri Sabah, maka sumbangan Petronas melalui royalti 5% kepada kedua-dua negeri itu khususnya negeri Sabah menjadi satu sumbangan yang sangat penting untuk membantu memajukan ekonomi negeri dan menunaikan kewajipan-kewajipan kerajaan. Dalam keadaan di mana sumber amat sukar sekali untuk diperolehi iaitu sumber kewangan, maka saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, adalah wajar bagi Kerajaan Pusat untuk mengkaji kembali, me'review', menyemak kembali royalti 5% yang telah ditentukan di dalam perjanjian mengenai pengeluaran petroleum di antara negeri-negeri yang terlibat dan khususnya negeri Sabah. Seperti mana yang kita sedia maklum khususnya bagi negeri Sabah sumber kewangan hasil negeri kutipan daripada sektor utama dahulu iaitu sektor hutan begitu merosot sekali.

Barangkali kita bersyukur kalau pihak kerajaan negeri setakat tahun ini boleh memperoleh RM200 million daripada sektor ini, maka pendapatan negeri

daripada hasil petroleum melalui duti ini biasanya mengikut harga di peringkat antarabangsa. Tetapi pada saat ini sekadar antara RM150 juta ke RM200 juta. Ia juga berdasarkan kepada jumlah pengeluaran. Di sini saya mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya demi untuk mendapatkan pendapatan tambahan yang lebih tinggi daripada sektor ini bagi negeri Sabah dan Sarawak supaya pihak kerajaan meningkatkan pengeluaran supaya sekali gus meningkatkan pendapatan melalui royalti itu dan pada masa yang sama untuk mengkaji royalti 5% yang ditetapkan itu memandangkan keadaan ekonomi negeri yang amat memerlukan sumbangan daripada pihak Persekutuan.

Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, memang dahulu dikatakan sukar sekali untuk me'review', mengkaji kerana melibatkan negeri-negeri yang lain dan mengatakan bahawa pihak Kerajaan Pusat akan menambah kewangan pembangunan supaya pada masa yang sama dianggap itu sebagai satu daripada offset, dengan izin, royalti yang tidak perlu dipertingkatkan. In other words, dengan izin, instead of increasing royalty, increase peruntukan bagi negeri-negeri yang tertentu. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, ini belum terjadi dan saya berpendapat adalah wajib perkara ini dikaji semula demi untuk membantu ekonomi negeri-negeri khususnya negeri Sabah dan negeri Sarawak.

Saya bercadang, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, supaya satu 'floating rate' difikirkan, ertinya base rate 5%, seperti kita bincangkan foreign exchange rate, ada base rate dan dalam beberapa negara yang lain ada floating rate. Jadi, pada masa harga petroleum itu naik dan pada masa kewangan negeri itu merosot, maka harus rate itu dipertingkatkan dan disemak dari masa ke semasa demi membantu negeri-negeri yang menghadapi kesukaran dalam satu fasa pembangunan ekonomi mereka. Jadi sesuatu yang tidak permanent, dengan izin, sekurang-kurangnya ada ruang untuk meningkatkan pada masa harga petroleum naik demi membantu dan offset, dengan izin, masalah ekonomi yang dihadapi oleh negeri-negeri yang tertentu. Dengan pandangan demikian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tanjong.

3.47 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu timbulkan satu perkara sahaja dalam rang undang-undang ini untuk bertanya mengenai keberkesanan Jabatan Kastam dalam menjalankan tugasnya untuk menentukan tidak ada pengelakan daripada cukai-cukai kastam supaya apa yang perlu dikutip adalah didapati oleh Perbendaharaan.

Saya ingin memberi satu contoh bahawa dalam bidang industri assembly kenderaan-kenderaan (motor assembly) seperti apa yang berlaku di Shah Alam ialah Swedish Motor Assembly yang oleh kerana ada satu dasar local material content sejak 1991 bahawa untuk menggalakkan local material content sepatutnya bahagian-bahagian dalam kenderaan-kenderaan dibuat dalam tempatan. Tetapi ini bukan senang dibuat kerana ada menghadapi beberapa masalah semacam tiada economic of skill dan tidak ada pun mutu-mutu yang boleh dicapai, akhirnya apa yang lebih senang dan lebih murah ialah ada peraturan di mana part-part itu diimport sungguhpun disifatkan sebagai dibuat dalam tempatan.

Inilah satu cara untuk mengelakkan cukai-cukai yang perlu dibayar oleh kerana kalau inilah dimport - 'complete-knock-down' parts, import duti CKD ialah 42% tetapi sebagai spare parts ialah 5% dan tentulah kalau penjimatan ini ada ditunjukkan dalam harga penjualan atau net selling prize iaitu sekurang-kurangnya boleh menguntungkan pengguna-pengguna tetapi ini ditunjukkan daripada satu pihak kerajaan rugi dan pihak yang lain, pengguna-pengguna pun rugi. Itulah saya timbulkan bagaimana keberkesanan duti kastam, customs department untuk menjaga kepentingan negara sungguhpun ini ada melibatkan MITI. Sungguhpun ini melibatkan MITI tetapi oleh kerana cukai kastam yang terlibat secara langsung perlulah Jabatan Kastam memainkan peranan, menunjukkan keberkesanan dan mutu yang lebih tinggi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, kementerian diminta jawab.

3.50 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan rang undang-undang ini, yang saya perhatikan kebanyakan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bintulu, Kepong dan Teluk Intan semata-mata adalah berkaitan bukan dengan pihak Kementerian Kewangan, sebenarnya adalah lebih banyak berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri dan juga kerajaan-kerajaan negeri.

Saya juga berpendapat mungkin lebih baik kalau Yang Berhormat dapat sampaikan pandangan itu kepada pihak-pihak yang berkenaan pada masa yang sesuai dan juga kebanyakan masalah yang dikatakan hendak memperolehi maklum balas tentang Petronas ini yang mungkin saya fikir adalah bukan begitu susah, sebenarnya ini adalah satu Dewan yang mulia yang boleh kita menggunakannya untuk memperolehi semua maklum balas atau maklumat yang diperlukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Cadangan supaya kebocoran minyak ataupun petroleum itu supaya dapat diketatkan, saya tidak dapat menafikan sama ada perkara ini akan berlaku ataupun tidak, tetapi kalau terdapat sebarang kebocoran petroleum ataupun minyak mentah dari mana-mana sahaja, kalau dapat Ahli Yang Berhormat dari Bintulu itu dapatlah melaporkan kepada pihak kementerian ataupun mana-mana pihak yang ada kaitan bukan sahaja dalam bentuk minyak mentah ataupun dalam bentuk gas.

Tuan Yang di-Pertua, memang sekarang kerajaan mempunyai satu sistem mekanisme untuk kita mengawal harga petrol di dalam pasaran dan setakat ini setiap tahun kerajaan telah memberi subsidi yang banyak iaitu pada tahun 1998 sebanyak lebih daripada RM1 bilion itu telah digunakan untuk menjadi subsidi supaya dapat kita

mengawal harga minyak itu pada tahap yang boleh diterima, begitu juga dalam tahun 1997 lebih daripada RM600 milion telah juga digunakan untuk tujuan yang sama dan pada hari ini kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan untuk masing-masing iaitu syarikat-syarikat petroleum untuk menawarkan ataupun untuk mengadakan price war fair pada hari ini dan oleh kerana kerajaan fikir ini merupakan satu pasaran terbuka. Walau bagaimanapun, memandangkan subsidi ini adalah telah menjadi satu tekanan yang berat juga kepada pihak kerajaan dan kalau sekiranya harga minyak itu telah menurun dan mungkin perlu juga dikaji semula sama ada perkara ini perlu dilanjutkan ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, definisi petroleum ini adalah satu-satunya yang sebenarnya telah dicadangkan supaya dapat kita memperluaskan lagi skop pengiktirafannya ataupun definisinya iaitu supaya dapat kita selaraskan dengan perkembangan semasa dan dengan itu memang tidak melibatkan oleh kerana sebelum ini memang cukai itu dikenakan kepada bahan-bahan yang ada kaitan dengan petroleum itu secara 'administrative'. Kita hanya menambahkan skopnya dalam rang undang-undang ini supaya ia lebih 'up dated' dan dengan itu tidaklah akan merugikan mana-mana pihak dan juga tidak akan menambahkan kutipan pihak kerajaan dari segi cukai.

Tentang sama ada pihak kerajaan memaksa pengimport ataupun pengeksport untuk menggunakan pelabuhan, tujuan utama kita menggunakan pelbagai cara supaya menggalakkan bukanlah secara memaksa, menggalakkan pengimport dan pengeksport itu lebih menggunakan pelabuhan kita dan juga lapangan terbang kita adalah kerana kita telah menghadapi masalah defisit dalam akaun pembayaran semasa berturut-turut selama ini dan memang telah tiba masanya supaya dapat kita memperbaiki kedudukan kewangan ini supaya dapatlah kita mengurangkan defisit yang selama ini kita alami.

Antara cara-cara dan syarat penggunaan pelabuhan dan lapangan terbang tempatan sebenarnya telah dilaksanakan kepada beberapa sektor industri yang

menikmati pengecualian cukai import dan cukai jualan bagi pengimportan alat mesin dan bahan mentah, komponen, maka sewajarnya sektor-sektor industri lain seperti pengilangan petroleum hulu dan studio rakaman yang juga menikmati pengecualian cukai yang sama dikenakan syarat penggunaan pelabuhan dan lapangan terbang tempatan, malahan syarikat yang diberi pengecualian duti eksport juga wajar dikenakan syarat untuk mengeksport melalui pelabuhan atau lapangan terbang tempatan.

Sebenarnya penerapan syarat tambahan ini tidak akan menyulitkan proses pengimportan dan pengeksportan barangan, adalah kerana asas-asas yang seperti berikut:

- (i) kemudahan infrastruktur seperti rangkaian jalan darat dan perkhidmatan freight yang disediakan kepada pelabuhan tempatan telah diperbaiki;
- (ii) kemudahan pelabuhan dan lapangan terbang khususnya Pelabuhan Klang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur telah dipertingkatkan ke taraf dunia;
- (iii) caj-caj pelabuhan dan lapangan terbang tempatan yang dikenakan adalah berpatutan;
- (iv) prosedur import dan eksport telah dipermudahkan dengan membenarkan proses pelepasan import dan eksport dilakukan berdasarkan dokumen-dokumen barangan boleh dilepaskan untuk eksport dengan menggunakan dokumen perkapalan dan inois.

Borang ikrar kastam boleh dikemukakan sehingga tujuh hari selepas pengeksportan. Proses borang kastam boleh dilakukan tanpa memerlukan barangan berada dalam kawalan kastam. Bagi import pula pelepasan dilakukan berdasarkan dokumen dan pemeriksaan barangan, ada juga pelepasan barangan dibuat dahulu dan

dokumen dibuat kemudian. Di samping itu, kemudahan sistem pemeriksaan di premis pengimportan juga diperluaskan.

Jadi, dengan itu jelaslah dapat kita lihat iaitu usaha pihak kerajaan untuk kita mempertingkatkan lagi supaya kemudahan-kemudahan yang kita sedia ada, yang kita siapkan itu dapat lebih banyak digunakan untuk kita menjimatkan perbelanjaan dalam caj-caj perkhidmatan yang selama ini telah dalam keadaan defisit dan kita percaya pelabuhan dan lapangan terbang itu juga boleh digunakan untuk kawasan ataupun rantau ini untuk sementara, untuk Myanmar, untuk Thailand dan untuk sebahagian daripada India dan kita percaya usaha kita ini adalah akan berjaya dan memang dalam keadaan sekarang itu masih perlu kita mempertingkatkan lagi usaha-usaha kita.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan mengatakan apakah kuasa yang digunakan dalam seksyen 17 itu. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang kuasa itu digunakan pada masa sekarang bagi kita menahan, bagi pihak kerajaan ataupun kastam untuk menahan pasport seseorang itu yang masih berhutang kepada kerajaan dan prosedur untuk mendapatkan kemudahan ini adalah memohon daripada pihak Imigresen dan dengan adanya pindaan rang undang-undang ini, kita berharap perkara ini dapat dijalankan secara langsung dan check list bila masanya arahan tahan pasport akan boleh dibuat adalah seperti berikut:-

- (i) bila siberhutang ataupun orang yang kena bayar cukai tidak dapat dikesan;
- (ii) bila siberhutang ataupun orang yang kena bayar cukai enggan membayar cukai;
- (iii) bagi kes-kes cukai dibayar secara ansuran bila siberhutang berhenti membayar dan tidak mahu berunding dengan jabatan untuk menjelaskan hutang; dan
- (iv) bila orang yang dikehendaki ataupun, dengan izin, wanted tidak dapat dikesan untuk membantu siasatan kastam dalam kes-kes pencegahan.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini dapatlah dijalankan secara 'administrative'.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah cuba sedaya upaya untuk menjawab segala pertanyaan dan kalau sekiranya terdapat apa-apa yang saya tercacir ataupun tidak dijawab mungkin boleh saya cuba jawab secara bertulis dan mungkin pihak jabatan yang ada kaitan itu akan mengambil perhatian supaya pandangan itu akan diambil kira. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN

(PINDAAN) 1999

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.05 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibacakan buat kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1999 adalah bertujuan untuk mengatasi beberapa kelemahan dan kekurangan dalam perundangan sekarang. Contohnya, masa pengelakan cukai melalui pecahan perniagaan kepada unit-unit kecil, kekurangan peruntukan penguatkuasaan undang-undang bagi mendapatkan cukai dan bagi menyesuaikan peruntukan dengan perkembangan semasa seperti membenarkan penggunaan invois dan penghantaran maklumat melalui kaedah elektronik, ia juga bertujuan menyelaraskan dengan lain-lain perundangan di bawah bidang Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia seperti takrifan petroleum, penggunaan lencana atau kad kuasa. Dengan pindaan ini diharapkan jentera kutipan cukai jualan dapat beroperasi dengan lebih licin, telus dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melau rang undang-undang ini.

Pertama, Fasal 2 meminda seksyen 2 Akta Cukai Jualan 1972 bagi memasukkan takrif “surcaj” yang dikenakan di bawah Fasal 13.

Kedua, Fasal 3 meminda seksyen 5 Akta Cukai Jualan 1972 bagi menetapkan dokumen pengenalan sebagai lencana atau kad kuasa Jabatan Kastam.

Ketiga, Fasal 4 mewujudkan subseksyen baru 7(3) ke dalam Akta Cukai Jualan 1972 bagi mengambil kira upah sebagai nilai jualan bagi kerja subkontrak.

Keempat, Fasal 5 mewujudkan seksyen baru 13A ke dalam Akta Cukai Jualan 1972 yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk tidak mengambil kira apa-apa pengasingan aktiviti perniagaan dan menganggap beberapa perniagaan itu sebagai satu perniagaan atau orang kena cukai tunggal. Peruntukan ini adalah bagi menghalang pembuatan pengelakan cukai.

Kelima, Fasal 6 mewujudkan subseksyen baru (4) ke dalam seksyen 13A Akta Cukai Jualan 1972 bagi mengadakan peruntukan tatacara untuk membatalkan sesuatu lesen.

Keenam, Fasal 7 mewujudkan seksyen baru 17A ke dalam Akta Cukai Jualan 1972 bagi membenarkan penggunaan invois yang dihantar melalui komputer.

Ketujuh, Fasal 8 menunjukkan subseksyen 23(1) dan mewujudkan subseksyen baru (3)(4)(5) Akta Cukai Jualan 1972 yang memberi kuasa tambahan bagi kutipan cukai antaranya mana-mana surcaj yang terakru boleh didapati sebagai hutang sewa yang terhutang kepada kerajaan, penalti atau surcaj yang dikenakan tidak akan tertakluk kepada tempoh had masa satu tahun dari tarikh kuasa tindakan terakru dan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menuntut cukai jualan daripada orang yang memungut cukai tersebut secara tidak sah.

Kelapan, Fasal 9 meminda perenggan 24(b) Akta Cukai Jualan 1972 untuk meningkatkan kadar penalti yang kena dibayar daripada 2% kepada 10%.

Kesembilan, Fasal 10 meminda seksyen 26 Akta Cukai Jualan 1972 untuk menjadikan bayaran penalti dan surcaj juga sebagai bayaran yang perlu ditanggung secara bersesama dan berasingan oleh pengarah syarikat, pekongsi firma dan ahli persatuan.

Kesepuluh, Fasal 11 mewujudkan seksyen baru 27A ke dalam Akta Cukai Jualan 1972 untuk membolehkan kerajaan mendapatkan hasil jualan penalti surcaj atau wang lain yang kena dibayar dengan cara menghalang mana-mana orang dari meninggalkan Malaysia sehingga ia menjelaskannya.

Kesebelas, Fasal 14 mewujudkan seksyen baru 31B ke dalam Akta Cukai Jualan 1972 untuk membenarkan seseorang pengilang berlesen memotong cukai jualan daripada amaun yang kena dibayar dalam sesuatu penyata cukai yang baginya nota kredit telah dikeluarkan bagi barang-barang kena cukai yang dikembalikan oleh pembeli atau diskaun kemudiannya diberikan kepada pembeli.

Keduabelas, Fasal 15 meminda seksyen 32 Akta Cukai Jualan 1972 untuk memberi Ketua Pengarah kuasa menolak permohonan bagi pemulangan balik cukai

jualan atau penalti yang terlebih dibayar atau tersilap dibayar atas alasan bahawa pemulangan balik itu akan dengan tidak adil menguntungkan pihak yang menuntut.

Ketigabelas, Fasal 16 mewujudkan dua subseksyen baru iaitu subseksyen (2A) dan (2B) ke dalam seksyen 36 Akta Cukai Jualan 1972 adalah tambahan peruntukan berbangkit daripada kebenaran menggunakan invois melalui komputer. Peruntukan ini memberi kuasa kepada kastam untuk akses kepada apa-apa maklumat berekod atau data berkomputer.

Keempatbelas, Fasal 17 meminda perenggan 43(a) Akta Cukai Jualan 1972 dan adalah pindaan berbangkit daripada pemberian kuasa kepada Ketua Pengarah menganggap beberapa perniagaan sebagai orang kena cukai tunggal. Pindaan ini memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang tidak mematuhi atau enggan arahan Ketua Pengarah untuk disatukan sebagai orang kena cukai tunggal adalah melakukan suatu kesalahan.

Fasal ini juga mewujudkan perenggan baru (ea) ke dalam seksyen 43 yang memperuntukkan adalah suatu kesalahan bagi mereka yang bertindak sebagai wakil seseorang pemegang lesen tanpa kuasa sepatutnya.

Kelimabelas, Fasal 18 mewujudkan seksyen baru 43A ke dalam Akta Cukai Jualan 1972 yang memperuntukkan mana-mana orang yang lari dari cukai jualan dengan sengaja atau menolong mana-mana orang yang lain untuk lari cukai adalah melakukan kesalahan jenayah yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun.

Keenambelas, Fasal 19 meminda seksyen 44 Akta Cukai Jualan 1972 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang membantu, menyubahati, menolong, mengapiakan atau mendorong mana-mana orang lain untuk membuat sesuatu kesalahan melakukan suatu kesalahan yang boleh didenda atau dipenjarakan atau kedua-duanya sekali.

Ketujuhbelas, Fasal 20 meminda subseksyen 57(1) Akta Cukai Jualan 1972 untuk meningkatkan amaun maksimum kompaun daripada RM1,000 kepada RM5,000.

Kelapanbelas, Fasal 21 mewujudkan seksyen baru 59A ke dalam Akta Cukai Jualan 1972 untuk memberi mahkamah kuasa untuk memerintahkan mana-mana orang

yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan membayar apa-apa cukai penalti yang kena dibayar.

Kesembilanbelas, Fasal 22 dan 23 meminda seksyen 61 dan 62 Akta Cukai Jualan 1972 yang berbangkit daripada kebenaran menggunakan invois berkomputer. Seksyen 61 Akta tersebut memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan pengeluaran invois dengan menggunakan komputer dan nota kredit sementara seksyen 62 Akta tersebut adalah bagi mengadakan peruntukan tentang penyampaian notis melalui penghantaran komputer.

Keduapuluh, Fasal 25 mewujudkan seksyen baru 63A ke dalam Akta Cukai Jualan 1972 bagi mengawal orang yang bertindak sebagai ejen bagi pihak pelesen untuk memastikan kemampuan, pematuhan dalam urusan dengan pihak Jabatan Kastam.

Keduapuluh satu, Fasal 26 dan Fasal 27 meminda seksyen 69 dan seksyen 70 Akta Cukai Jualan 1972 bagi memperuntukkan bahawa seorang penyelesaian hutang dan penerima sesuatu syarikat adalah melakukan suatu kesalahan jika tidak mengetepikan dan membayar cukai jualan yang kena dibayar oleh syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan lain yang tidak disebut secara khusus adalah pindaan kecil atau berbangkit sahaja. Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan dan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jalan 1972 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, sila Labuan. Saya tengok Kepong tadi.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, Kepong dia tidak berminat.

4.15 ptg.

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1999, yang bertujuan bagi mengatasi beberapa kelemahan dan kekurangan dalam perundangan yang ada khususnya masalah pengelakan cukai dan juga bagi

mengemaskinikan penggunaan invois dengan penggunaan maklumat melalui kaedah elektronik ini.

Saya menyokong pindaan ke atas rang undang-undang ini dan saya ingin mengaitkannya dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, antara tujuan pindaan ini dibuat ialah bagi menghalang perbuatan pengelakan cukai. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, pada perbahasan semasa sesi belanjawan tahun lalu saya pernah menyebutkan soal penyeludupan yang berleluasa. Penyeludupan bagi saya adalah aktiviti ataupun perbuatan pengelakan cukai yang masih lagi berleluasa sampai hari ini walaupun sudah enam bulan saya sebutkan di Dewan ini di mana ianya berlaku di Wilayah Persekutuan Labuan sebagai sebuah pelabuhan bebas cukai di mana rokok dan minuman keras tidak dikenakan cukai tetapi ianya keluar daripada Labuan melalui penyeludupan.

Saya sudah sebutkan perkara ini dan sehingga hari ini saya belum lagi melihat bahawa aktiviti penyeludupan ini sudah dikawal, maksudnya oleh Jabatan Kastam dan Eksais yang ada di Labuan dan saya masih lagi mendapati penyeludupan ini masih berlaku setiap hari walaupun di siang hari. Malam hari itu mungkin kita tidak pasti tetapi di siang hari saya sendiri melihat dan saya ada video yang saya tunjukkan kepada Pengarah Kastam Negeri Sabah di mana aktiviti penyeludupan ini berlaku. Kalau saya katakan saya seorang rakyat biasa dapat melihat aktiviti penyeludupan ini saya hendak tanya apa kerja kastam ini, pegawai-pegawai kastam yang ditugaskan di sana? Saya tahu ada 10 orang pegawai yang ditugaskan khusus untuk tujuan membanteras penyeludupan ini, Bahagian Pencegahan. Saya dimaklumkan katanya 10 orang tidak cukup.

Saya juga dimaklumkan peralatan kastam, botnya tidak mencukupi, tidak secanggih bot-bot yang digunakan oleh penyeludup ini. Tetapi pihak satu lagi mengatakan mereka mempunyai peralatan yang lebih canggih kerana saya tahu pejabat kastam ini ataupun pihak penguat kuasa pencegahan penyeludupan ini mempunyai sebuah bot yang mempunyai kuasa 1,000 horse power, motornya, enjin sangkutnya, sedangkan penyeludup hanya ada 600 horse power. Tetapi masalahnya enjin ini selalu dirosakkan, supaya tidak boleh kejarlah penyeludup ini. Kalau dia kata ada pun, dia ada, tetapi rosak sama ada di Kota Kinabalu atau di Labuan, ini berlaku.

Jadi masalahnya sehingga hari ini, perkara ini belum lagi dapat diselesaikan. Masalah katanya lagi, “oh, tidak boleh kita tangkap kalau dia masih lagi dalam perairan Wilayah Persekutuan Labuan”. Kawasan perairan Wilayah Persekutuan Labuan ini mengandungi kawasan laut bukan kawasan darat sahaja, bererti mungkin 3 atau 5 nautical mile daripada kawasan pantai itu masih lagi kawasan bebas cukai. Kalau bot yang membawa barangan yang diseludup ini masih dalam kawasan tersebut maka pihak kastam mengatakan ataupun pihak marin polis mengatakan mereka tidak boleh melakukan apa-apa kerana masih di dalam kawasan bebas cukai.

Saya ingin mencadangkan kalau itulah masalah Jabatan Kastam ini, saya ingin mencadangkan kepada pihak kastam supaya memperkecilkan saiz kawasan yang disebut Wilayah Persekutuan Labuan itu untuk tujuan Akta Kastam ini, diperkecilkan dan dikecualikan kawasan air – kawasan laut itu dikecualikan. Jadi, ini bermakna sekiranya ada barangan yang dimasukkan di dalam bot, jadi pihak kastam atau pihak polis marin bolehlah menggunakan kuasa akta ini untuk menangkap penyeludup ini dan tidak lagi boleh lari. Katanya kalau kita tangkap pun bawa masuk mahkamah, kastam akan kalah kerana masih dalam kawasan free duty katanya, kecuali sudah keluar daripada kawasan kastam ini. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan memikirkan kalau boleh untuk tujuan Akta Kastam ini jangan ikut peta atau kawasan yang disebut Wilayah Persekutuan Labuan yang mengandungi kawasan air itu. Itu cadangan saya.

Yang kedua, saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan juga, pihak kementerian menimbangkan semula, saya menyebutkan soal kutipan cukai. Labuan adalah sebuah Pelabuhan Bebas Cukai yang mahu dimajukan sebagai sebuah pusat pelancongan. Antara tarikannya ialah kerana ianya bebas cukai barangan diperolehi dengan harga yang murah tetapi malangnya dengan kewujudan sistem khas pengutipan kastam yang ada pada hari ini iaitu mengutip ‘at source’ dan bukan dikutip cukainya semasa keluar daripada Labuan. Ini menghalang pembangunan Labuan sebagai sebuah kawasan bebas cukai kerana bila saya, misalnya, orang luar datang dari Kuala Lumpur ataupun dari Sabah, saya belilah barangan bernilai RM500 atau RM1,000 yang

dibenarkan tetapi belum pun saya keluar dari Labuan saya terpaksa diminta membayar cukai. Tidak ada insentif dan tidak ada keseronokan kalau saya sebagai pelancong datang ke Labuan untuk membeli belah kerana belum keluar dari Labuan sudah diminta membayar cukai. Kadangkala ada pula yang di'harass' di bandar, yang dia nampak bawa satu gulung kain, maklumlah Labuan terkenal dengan kain sutera yang murah, jadi bila beli dua atau tiga helai itu pihak kastam membuat harassment meminta dibayar cukai sedangkan barang-barang yang lain dapat diseludup dengan mudah, setiap hari empat, lima atau tujuh bot.

Saya pernah kira sampai tujuh bot setiap hari keluar daripada satu kawasan. Saya hairan kenapa pihak kastam tidak dapat melakukan sesuatu. Saya seorang boleh nampak dengan mata saya, dengan video sendiri, dengan buktinya sekali. Kenapa pihak kastam tidak dapat melakukan sesuatu tangkapan untuk ini? Saya hairan. Saya tidak mahu tuduh apa-apa tetapi saya hairan apa yang berlaku, kalau saya boleh nampak, orang kampung semua nampak. Bila ada mesyuarat UMNO setiap kali di peringkat cawangan-cawangan, dalam ucapan penangguhannya dia sebut masalah penyeludupan, apa kerajaan hendak buat. Kalau dibenarkan, dibebaskan katanya, orang UMNO pun boleh kerja menyeludup.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat supaya perkara ini dapat diselesaikan once and for all. Tidak perlu kita sebut banyak kali dalam Dewan ini bahawa Labuan merupakan sebuah pulau yang kecil. Saya rasa tidak susah sangat untuk mengawalinya kalau kita mempunyai pegawai yang betul-betul ikhlas dan jujur menjalankan tanggungjawab mereka.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang saya ingin cadangkan di sini ialah supaya pihak kerajaan dapat memikirkan, kalau boleh bagi Wilayah Persekutuan Labuan meniadakan soal sama ada memerlukan seorang pelancong duduk 6 jam, 12 jam atau 24 jam di Labuan dan mendapat kelayakan membawa barang keluar RM500 atau sekian banyak ini dan dikecualikan daripada cukai. Saya ingin mencadangkan supaya tidak ada had dikenakan untuk tujuan Labuan ini, walau dia berada 1 jam atau 2 jam di Labuan pun tidak mengapa dan benarkan tidak ada limit.

RM500 tidak mencukupi untuk menarik para pelancong untuk berkunjung ke Labuan untuk membeli-belah.

Yang ketiga, tadi saya sebutkan soal jangan wujudkan pegawai-pegawai kastam, kerja untuk mengutip cukai ini sepatutnya tidak dibuat di Labuan. Jangan mengutip cukai ini at source iaitu di Labuan itu sendiri. Kalau hendak kutip pun, kutiplah di luar dan yang pertama saya sebutkan tadi, soal penyeludupan ini perlu ditangani secara serius supaya Labuan tidak akan terkenal sebagai pusat penyeludupan. Kita lebih seronok mendengar Labuan terkenal sebagai pusat pelancongan dan kini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mahu menjadikan Labuan sebagai sebuah pulau, taman yang terindah di dunia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kepong bangun pula, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Tidak payahlah.

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tidak apa, kawan saya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada hujah Yang Berhormat tadi, cuma saya minta penjelasan. Saya memang ada mendengar Labuan sebagai pusat penyeludupan bukan sahaja di Malaysia, di rantau ini. Apakah selain daripada hujah tadi, Yang Berhormat Labuan buat untuk mencegah aktiviti penyeludupan ini dan adakah beliau membantu untuk menyiasat setakat mana peratusan orang di Labuan yang terlibat di dalam aktiviti penyeludupan ini? Saya berharaplah Yang Berhormat tidak terlibat, itu yang pertamanya.

Adakah Yang Berhormat, kita ada bincang dahulu – dua, tiga tahun dahulu di mana saya dan rakan-rakan ada melawat ke Labuan tetapi malangnya Yang Berhormat tidak melayan kita. Itulah caranya. Dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa sekarang saya ada dengar iaitu bahawa Labuan ini sudah menjadi satu pusat untuk money laundering sekarang, bukan sahaja untuk penyeludupan tetapi untuk money laundering yang terbesar di rantau ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Soalan ini apa kaitan dengan akta, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada kaitan sedikit sebanyak dengan jualan juga.

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Ini cerita lama ya. Yang Berhormat masih lagi tidak puas hati kerana tidak mendapat layanan daripada saya semasa lawatan Yang Berhormat ke Labuan dahulu. *[Ketawa]* Tetapi saya ingat saya ada orang yang penting yang perlu layanan lebih daripada Yang Berhormat ketika itu.

Saya rasa untuk membuat tangkapan atau penyiasatan seterusnya itu bukan kerja wakil rakyat . Tidak tahulah kalau di Kepong kerana di Kepong mungkin tidak ada kerja-kerja lain yang perlu dibuat sebagai wakil rakyat. Cukuplah sekadar memaklumkan kepada pihak yang berkenaan perkara yang berlaku ini untuk ditangani, itu cukuplah saya rasa dan saya bukan juga boleh dilantik sebagai pegawai kastam dan juga tidak boleh dilantik sebagai commissioner of police untuk menangkap. Itu tanggungjawab merekalah untuk buat, saya sudah buat apa yang perlu saya buat sebagai wakil rakyat, tanggungjawab saya sudah terlepas.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah harapan saya agar pihak kastam dapat memberi perhatian yang serius dan juga pihak polis membantu dalam aspek ini. Kalau misalnya pihak polis tidak mempunyai kepakaran, tidak mempunyai peralatan yang mencukupi dan tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi seperti yang pernah disebutkan kepada saya, pihak kastam saya rasa tidak ada masalah untuk memberikan peruntukan dan memberikan peralatan untuk membantu pihak polis ini dalam usaha untuk membanteras aktiviti-aktiviti penyeludupan yang berleluasa kini. Jadi, dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, minta jawapan.

4.30 ptg.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Labuan kerana telah memberi beberapa pandangan di mana saya kira kita akan mengambil perhatian khasnya daripada pandangan untuk kita mengkaji sama ada dapat digunakan, dapat kita mengenakan cukai bukan ditukarkan daripada resource kepada tempat-tempat yang disinggah. Memang penyeludupan itu

merupakan satu cabaran bagi pihak kastam dan bolehlah saya sebutkan beberapa cabaran di mana mungkin adalah berfaedah kepada kita semua:-

- (i) menyediakan kelengkapan yang berteknologi tinggi yang membolehkan tugas-tugas pencegahan setanding dengan kelengkapan pihak penyeludup;
- (ii) keperluan menangani penyeludup terus yang lebih canggih dari segi organisasinya serta penyelewengan yang berbentuk digital crime; dan
- (iii) sindiket penyeludupan yang semakin profesional dan bertindak secara agresif.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan sebenarnya telah diambil oleh pihak Jabatan Kastam ini merupakan:-

- (i) membangunkan keupayaan merisik pegawai dengan mengadakan latihan dan kursus perisikan yang terancang dalam dan luar negeri;
- (ii) mempertingkatkan risikan dengan mengadakan profile penyeludup dan penyeludupan;
- (iii) menyediakan pangkalan data yang menyimpan seluruh dokumen data mengenai penyeludupan di seluruh Malaysia; dan
- (iv) menyimpan maklumat-maklumat kepada stesen-stesen pencegahan dan bahagian-bahagian lain dalam Jabatan Hasil. Perisikan yang dijalankan untuk tindakan menerusi notis pemeriksaan arahan berjaga-jaga dan arahan-arahan lain.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Labuan.

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Terima kasih. Yang Berhormat ada menyebutkan ada data-data sama ada data ini meliputi nama-nama para penyeludup. Semasa perbincangan saya dengan Pengarah Kastam Negeri Sabah dan

juga pihak polis, mereka mengatakan bahawa mereka mempunyai senarai nama-nama dan saya pernah terlihat nama-nama yang disebutkan itu mungkin terlibat.

Jadi, katanya tidak ada bukti soal ini, sama ada mereka terlibat atau tidak tetapi data ataupun nama-nama yang disenaraikan itu mungkin orang-orang yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti penyeludupan ini, tidak dapat diambil tindakan sama ada untuk dikenakan hukuman seperti yang disebutkan dalam akta ini sehingga RM50,000 atau 3 tahun penjara.

Saya ingin mencadangkan ada atau tidak ada dalam akta ini, hukuman selain daripada penjara 3 tahun, denda RM50,000 ini tidak bolehkah diambil tindakan, menangkap atau mengeluarkan mereka yang disyaki terlibat dalam aktiviti penyeludupan ini dibuang negeri disebutkan. Misalnya saya pernah terdengar cerita di mana seorang pemikul beras di Rantau Panjang, hari-hari kerja dia pikul beras keluar-masuk daripada sempadan dan tidak ada bukti kukuh mungkin untuk menangkap dan tidak ada hukuman tertentu. Jadi, pesalah ini di- buang negeri daripada Kelantan misalnya ke Melaka. Jadi, tidak ada aktiviti-aktiviti penyeludupan itu boleh berlaku.

Saya ingin cadangkan supaya kementerian menimbang dan kalau boleh ambil tindakan sedemikian, yang disyaki mengerjakan kerja-kerja penyeludupan ini dikeluarkan daripada Labuan, sama ada aktiviti penyeludupan ini masih berlaku atau tidak. Jadi, itu mungkin salah satu cara, kalau misalnya pihak polis, kastam tidak berupaya untuk menangkap mereka yang terlibat dalam penyeludupan ini supaya dibuang negeri. Terima kasih.

Dato' Wong See Wah: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Labuan. Sebagai pilihan pertama, iaitu pihak kastam biasanya mengambil tindakan mendakwa di mahkamah, katakanlah mereka yang terlibat dalam jenayah penyeludupan ataupun fraud supaya menjadi peringatan dan penghalang kepada yang lain.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana, memang pihak kastam telah bercadang dan telah memulakan tindakan untuk mengambil tindakan di

bawah undang-undang pencegahan iaitu di bawah Akta Kediaman Terhad 1933 ke atas ketua-ketua sindiket atau lain-lain orang yang dikenal pasti aktif di dalam kegiatan penyeludupan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun pernah membuat persoalan ini pada suatu ketika dahulu iaitu persoalan orang beli enjin yang macam itu besar, enjin sangkut, dia simpan dekat boat dia sampai 1000 horse power dan boleh lari daripada kastam dan polis. Maklumat daripada Yang Berhormat dari Labuan itu lebih tepat lagi, rupanya dia bukan hendak lari daripada kastam dan polis kerana polis pun hendak kejar dia orang.

Jadi, persoalan saya tadi Yang Berhormat dari Labuan mencadangkan, jikalau boleh bagaimana undang-undang berhubung dengan jurisdiction ataupun kawasan yang digelar persisiran Labuan itu dibuat, digubal supaya siapa sahaja yang keluar daripada kawasan itu bukan maknanya kawasan perairan Malaysia tetapi kawasan perairan Labuan yang mana duty free itu dihadkan, digubal, dimasukkan dalam undang-undang Labuan itu sendiri supaya apabila berlaku, orang keluar sahaja daripada kawasan itu boleh ditangkap oleh pihak polis. Kalau inilah yang menjadi satu masalah juga secara berlainan pula kita membuat satu undang-undang lain lagi, satu section lain iaitu membuat satu assumption. Apabila seseorang itu membawa satu barang yang di luar daripada kawasan, biasanya kalau rokok umpamanya masuk dalam perahu, yang belum dibayar cukai dan telah masuk ke sungai, assumption dibuat iaitu dia bercadang hendak lari daripada kawasan itu dan tidak hendak membayar cukai. Ini boleh dibuat, Yang Berhormat Dato'.

Jadi, saya berharap pihak kementerian mesti melihat supaya pihak kastam dan pihak polis tidak ada alasan tidak mengambil tindakan kepada orang yang melakukan kesalahan ini. Saya pun selalu menyebut perkara ini, walaupun saya jauh daripada Labuan tetapi oleh kerana dekat di sini, jadi saya pun terasa juga. Terima kasih.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita belum lagi mengkaji cadangan Yang Berhormat itu tetapi secara langsung implikasi yang saya boleh fikirkan itu, bagaimana keadaannya terhadap nelayan dan juga kepada pelancong-pelancong yang berada di kawasan perairan Labuan itu. Mungkin perlu kita kaji dengan teliti supaya penyalahgunaan kuasa itu tidak belaku oleh pihak-pihak tertentu itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa untuk kita menyelesaikan, mengatasi masalah ini, yang paling penting sekali, satu aspek ialah sama ada perisikan itu dapat kita tambahkan dan biasanya pegawai-pegawai perisikan itu kalau dapat kita tempatkan di tempat-tempat strategik dan juga diberikan kemudahan-kemudahan yang baik. Ini mungkin salah satu daripadanya di mana yang lebih berkesan untuk kita mengesan para penyeludup.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah setakat ini sahaja dan pandangan lain mungkin kita akan mengambil perhatian. Sekian sahaja dan saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) 1999

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.43 ptg.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibaca buat kali kedua sekarang.

Rang undang-undang Eksais (Pindaan) 1999 adalah bertujuan untuk mengatasi beberapa kelemahan dan kekurangan dalam perundangan semasa. Contohnya kekurangan peruntukan penguatkuasaan undang-undang bagi mengatasi masalah pengelakan cukai. Di samping itu pindaan juga adalah bagi menyelaraskannya dengan lain-lain perundangan di bawah bidang Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia seperti takrifan “petroleum” dan “menghalang mana-mana orang dari meninggalkan Malaysia sehingga cukai telah dijelaskannya”. Dengan pindaan ini diharapkan jentera kutipan cukai eksais ini dapat beroperasi dengan lebih licin, telus dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini, iaitu:

- (i) Fasal 2 - meminda subseksyen 2(1) Akta Eksais 1976 untuk mengadakan takrif “pengangkut berlesen” dan menggantikan takrif “petroleum” supaya sama dengan takrif dalam Akta Kastam Takrif 1967;
- (ii) Fasal 4 - meminda seksyen 4 Akta Eksais 1976 bagi menetapkan dokumen pengenalan sebagai lencana atau kad kuasa Jabatan Kastam;
- (iii) Fasal 6 - mewujudkan seksyen baru 15A ke dalam Akta Eksais 1976 untuk menghalang pemilik firma, pengarah syarikat atau siapa sahaja yang belum menyelesaikan duti eksais meninggalkan negara sehingga ia menjelaskannya;

- (iv) Fasal 7 dan 8 - meminda seksyen 23A, B Akta Eksais 1976 untuk memastikan pelikuidasi dan penerima membayar apa-apa duti eksais yang kena dibayar. Mana-mana pelikuidasi dan penerima yang tidak mematuhi subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan; dan
- (v) Fasal 9 - meminda seksyen 42 Akta Eksais 1976 untuk memperuntukkan tata cara mengenai penyampaian notis atau dokumen lain kepada syarikat, firma dan persatuan, orang selain orang perseorangan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang lain yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang ini adalah pindaan kecil atau berbangkit sahaja. Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Saya menyokong.

4.42 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memindah Akta Eksais 1976 ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kepong.

4.45 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, pada prinsipnya semua rang undang-undang yang dibentangkan di sini termasuk yang penting ini perlu dibahas sebelum diluluskan. Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara akan saya bangkitkan mengenai masalah yang dibentangkan sekarang. Bolehkah Yang Berhormat terangkan takrif “pengangkut berlesen” di sini yang menggantikan perkataan “petroleum”. Saya pun tak faham apa yang dimaksud pengangkut berlesen kerana dalam huraian bentuk yang luar biasa.

Dato' Wong See Wah: Penjelasan, saya minta subseksyen itu disebutkan.

Dr. Tan Seng Giaw: “Pengangkut berlesen” - Fasal 2, masalahnya saya mendengar Yang Berhormat mengenai kelemahan-kelemahan terutamanya kelemahan penguatkuasaan dan jentera kutipan yang tidak sempurna. Di sini saya hendak memberi pandangan saya mengenai penguatkuasaan di bahagian eksais supaya tidak ada orang yang dapat mengelak membayar cukai sebelum meninggalkan Malaysia ini. Di sini saya percaya ada setengah-setengah pegawainya tidak begitu cekap di dalam menjalankan tugas. Walaupun ada yang berikhtiar untuk menyempurnakan tugasnya tapi masih ada sebahagian, segolongan yang belum lagi mencapai satu tahap yang diperlukan untuk memberi khidmat dalam keberkesanan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya satu kursus atau tambahan kursus latihan untuk pegawai-pegawai eksais supaya mereka dapat meningkatkan keberkesanannya dan juga di dalam perlantikan sebagai pengambilan pegawai-pegawai dan anggota-anggota ini memang kita perlu mengkaji dengan teliti dari segi disiplinnya kerana saya sering diberitahu dengan aduan bahawa ada rasuah tetapi kita tidak ada bukti cuma aduan sahaja, kita dengar cerita orang sahaja tetapi tidak cukup bukti untuk kita melaporkan kepada polis supaya mengambil tindakannya atau kepada Badan Pencegah Rasuah. Maklumlah aktiviti menyeleweng susah hendak mengemukakan bukti ataupun saksi untuk mengesahkannya. Ini memang susah sebab itu saya dari sebelah yang lain saya menyeru apabila kita menlantik pegawai-pegawai dan anggota-anggota untuk tugas ini kita mesti pilih dengan lebih berhati-hati supaya mereka tidak akan melanggar tata tertib, disiplin yang lebih baik Tuan Yang di-Pertua. Dari segi kualiti dan kaliber pegawai dan anggota kerana Yang Berhormat mesti dia susah hendak dengan sekarang. Saya sebutkan tadi mengenai keperluan untuk menambahkan kursus untuk latihan kepada semua pegawai yang terlibat dan juga di dalam perlantikan kita mesti sentiasa berhati-hati.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai satu perkara lagi misalnya pada Fasal 7 bertujuan untuk meminda Seksyen 23A, Akta 176 bagi memperuntukkan bahawa penyelesaian sesuatu syarikat melakukan kesalahan terhadap akta itu jika ia tidak menyetepikan dan membayar duti eksais yang kena dibayar oleh syarikat itu.

Memang kita mesti mengambil tindakan terhadap sesuatu syarikat yang melakukan kesalahan ini. Tuan Yang di-Pertua, boleh Yang Berhormat jelaskan apakah tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah kesalahan ini sebelum rang undang-undang ini dibentangkan. Apakah tindakan yang dibuat atau langkah yang diambil sebelum –saya percaya apabila Yang Berhormat membentangkan rang undang-undang ini untuk Fasal 7 ini bahawa mesti ada kes-kes yang dikesan mengenai kesalahan, bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah bilangan kes misalnya dalam lima tahun ini atau sepuluh tahun ini dengan kesalahan syarikat seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga itu mengenai Fasal 8 yang bertujuan untuk meminda Seksyen 23B, Akta 176 bagi memperuntukkan bahawa penerima bagi harta sesuatu syarikat melakukan kesalahan terhadap akta itu jika dia tidak mengenyahkan dan membayar cukai eksais yang kena dibayar oleh syarikat itu. Tuan Yang di-Pertua, mengenai hal ini saya diberitahu bahawa sekiranya pihak kastam, pihak imigresen diberitahu dengan lebih awal maka sesiapa sahaja tidak boleh meninggalkan negara ini kecuali membayar cukainya dengan itu bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah yang dimaksudkan Fasal 8 ini sebab saya terangkan sekali lagi sesiapa sahaja didapati tidak membayar cukai eksais oleh pihak Jabatan Imigresen boleh menahan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 8 yang bertujuan untuk meminda seksyen 23B Akta 176 bagi memperuntukkan bahawa penerima bagi harta sesuatu syarikat melakukan kesalahan terhadap akta itu jika dia tidak mengenyahkan dan membayar cukai eksais yang kena dibayar oleh syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hal ini saya diberitahu bahawa sekiranya pihak Imigresen diberitahu dengan lebih awal, maka sesiapa sahaja tidak boleh meninggalkan negara ini kecuali membayar cukai. Dengan itu bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah yang dimaksudkan dengan Fasal 8 ini sebab saya hendak terangkan sekali lagi, sesiapa sahaja didapati tidak membayar cukai eksais oleh pihak

Jabatan Imigresen, Jabatan Imigresen boleh menahan mereka daripada keluar dari negara ini dan apakah kaedah atau jentera ini untuk tujuan tersebut.

Akhir sekali mengenai peruntukan bagi penyampaian notis atau dokumen lain kepada syarikat former dan persatuan selain daripada orang perseorangan. Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan bahawa di dalam peruntukan yang baru ini tiap-tiap notis atau dokumen lain yang dikehendaki oleh akta ini supaya disampaikan kepada sesiapa, boleh disampaikan kepada orang itu atau dengan penghantaran kepada orang itu melalui pos berdaftar sesuatu notis atau dokumen lain yang dihantar melalui pos berdaftar kepada seseorang hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada orang itu pada masa ia sepatutnya diserahkan kepadanya dalam perjalanan biasa, pos itu jika notis atau dokumen lain itu telah ditamatkan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bukannya amalan sekarang yang dibuat melalui cara ini. Saya perhatikan bahawa di semua notis atau perintah daripada mahkamah dan sebagainya disampaikan dengan cara dan amalan yang serupa ini dan amalan itu sudah dibuat. Apakah maksud penyampaian notis yang dicatatkan di dalam pindaan ini, sebab saya tidak begitu faham kerana biasanya kita telah buat cara itu. Sekarang dia pinda rang undang-undang ini untuk cara yang biasa dibuat. Saya pun kurang faham rasionalnya, taakulannya

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memang selalu tidak faham.

Dr. Tan Seng Giaw: ... tetapi berlaku di pihak jabatan-jabatan, kadangkala susah hendak difahamkan kerana disembunyikan, transparensi – ketelusan itu kurang dan sebagainya. Pada zahirnya kita nampak telus tetapi pada hakikatnya tidak. Itulah masalah. Kalau lebih telus dalam erti kata yang sebenarnya, maka tidak timbul masalah tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.55 ptg.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong yang telah menimbulkan beberapa persoalan.

Yang pertama, mengenai 'license carrier', dengan izin, pindaan ini adalah bertujuan supaya diselaraskan dengan tafsiran yang digunakan dalam Akta Kastam 1967 dan begitu juga dengan petroleum dengan izin, 'has the meaning, assigned by Section 2(1) of Customs Act 1967' dan pindaan ini bertujuan juga selaras dengan tafsiran yang digunakan dalam Akta Kastam. Kalau kita berbalik kepada Akta Kastam itu yang interpretasinya, dengan izin, "*Petroleum means any mineral oil or relative hydrocarbon in its solid, liquid or gaseous form existing in its natural condition and includes casing head petroleum spirit, bituminous shales, other stratified deposits from which oil can be extracted commercially and petroleum products obtained from the process of manufacture,*" dan begitu juga dengan seksyen 2(2) iaitu, dengan izin, "*For the purpose of this Act, goods shall be deemed to be under customs control whilst they are deposited or held in any customs or licensed warehouse, post office, or in any vessel, train, conveyance, aircraft, pipeline or place from which they may not be removed except with the permission of the proper officer of customs.*"

Jadi, dengan itu jelas apakah maknanya 'license con carriers' dan saya ucapkan terima kasih kepada pandangan Yang Berhormat tentang tata tertib terhadap pegawai kita dan kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk kita memperbaiki ataupun meningkatkan lagi imej dan keberkesanan pegawai-pegawai kita. Tentang tindakan yang telah diambil supaya kita mencapai matlamat kita supaya syarikat-syarikat yang melibatkan diri dalam mengelakkan cukai:

- (i) pemeriksaan secara rapi dan terpilih digunakan dan berasaskan 'technique risk assessment profiling and targeting';
- (ii) membuat pemeriksaan akaun ataupun auditan ke atas syarikat-syarikat yang menjadi sasaran ataupun 'targeted companies', dan juga memeriksa stok barangan dan ini adalah sebahagian tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak kastam untuk kita menyelesaikan masalahnya.

Tentang Fasal 8 yang telah dipinda itu adalah untuk memastikan supaya pelikuidasi (liquidaton) dan penerima membayar apa-apa duti eksais yang kena dibayar dan mana-mana pelikuidasi dan penerima yang tidak mematuhi seksyen ini adalah melakukan satu kesalahan. Biasanya dalam pembubaran satu-satu syarikat itu hutang-hutang yang terlibat telah diagihkan kepada pihak-pihak tertentu mengikut keutamaan dan pihak kastam adalah disenaraikan dalam nombor tujuh, kalau tidak silap saya dan ini adalah untuk memastikan supaya ini dijadikan sebagai satu undang-undang dan dapat dipatuhi.

Tentang seksyen 42 mengapa semua ini dibuat iaitu notis-notis dan surat-surat perlu dihantar kepada tempat-tempat dan alamat-alamat seperti yang disebutkan dalam rang undang-undang ini, sebenarnya dahulu adalah dicadangkan secara administratif dan sebagai satu amalan sekarang untuk menjadikan lebih tepat dan dijadikan sebagai sebahagian daripada undang-undang supaya ini menjadi lebih tepat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan

**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN
(PINDAAN) 1999**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.02 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibaca buat kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1999 adalah bertujuan untuk mengatasi beberapa kelemahan dan kekurangan dalam perundangan semasa. Contohnya masa penentuan barangan dan perkhidmatan yang kena dibayar cukai perkhidmatan, masalah mengelakkan cukai melalui pecahan perniagaan kepada unit kecil dan kekurangan peruntukan penguatkuasaan undang-undang bagi mendapatkan cukai.

Di samping itu, pindaan ini juga bagi menyelaraskan dengan lain-lain keuntungan di bawah bidang Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia seperti membenarkan penggunaan invois dan penghantaran maklumat-maklumat melalui kaedah elektronik serta penggunaan lencana sebagai tambahan kepada kuat kuasa. Dengan pindaan ini, diharap jentera kutipan cukai perkhidmatan ini akan dapat beroperasi dengan lebih licin, telus dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui rang undang-undang ini.

- (i) Fasal 2 meminda seksyen 2 Akta Cukai Perkhidmatan 1975 bagi memotong takrif “barang yang kena dibayar cukai” kerana “barang yang kena dibayar cukai” tidak disebut dalam akta tetapi ditetapkan sebagai satu perkhidmatan yang kena dibayar cukai melalui peraturan. Ia juga bertujuan untuk memasukkan takrif “surcay” ke dalam akta itu dan meminda takrif “orang yang kena membayar cukai dan perkhidmatan yang kena dibayar cukai”.

- (ii) Fasal 3 meminda seksyen 3 Akta Cukai Perkhidmatan 1975 bagi menjadikan peruntukan pengenaan cukai perkhidmatan ini lebih telus di dalam pengenaan cukai adalah ke atas mana-mana perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disediakan oleh mana-mana orang yang kena membayar cukai kecuali perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang dieksportkan. Dengan itu juga, peruntukan bagi “barang kena dibayar cukai” dibatalkan kerana ia akan termasuk dalam maksud “perkhidmatan yang kena bayar cukai” yang akan dijelaskan dalam peraturan.
- (iii) Fasal 4 meminda seksyen 4A dan B Akta Cukai Perkhidmatan 1975 untuk mengadakan kaedah penilaian caj atau premium kepada orang yang tiada kaitan dengan yang kena bayar cukai untuk tujuan pembayaran cukai.
- (iv) Fasal 7 mewujudkan subseksyen baru 7A ke dalam Akta Cukai Perkhidmatan 1975 yang memperuntukkan bahawa “jika ketua pengarah berpuas hati bahawa apa-apa pengasingan aktiviti perniagaan adalah dibuat, dia boleh memberi arahan bahawa orang yang dinamakan dalam arahan itu hendaklah dianggap sebagai seorang yang kena membayar cukai yang tunggal.” Pindaan ini bagi menghalang perbuatan mengelak cukai.
- (v) Fasal 8 mewujudkan subseksyen baru (2A) dan (5) ke dalam seksyen 8 Akta Cukai Perkhidmatan 1975 yang memperuntukkan bahawa “mana-mana orang yang telah dilesenkan adalah tetap menjadi seorang yang kena membayar cukai sehinggalah lesennya dibatalkan.” Subseksyen (5) pula memperuntukkan yang “seseorang yang mengambil alih perniagaan orang yang kena membayar cukai adalah dianggap telah menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai.”
- (vi) Fasal 9 dan 10 mewujudkan seksyen baru di bawah seksyen 8 dan 9 Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan meluaskan skop orang yang layak memohon lesen kepada mereka dikecualikan dan menjelaskan lagi tatacara penyerahan dan pembatalan lesen.
- (vii) Fasal 12 hingga Fasal 37 adalah pindaan atau pewujudan seksyen baru dalam Akta Cukai Perkhidmatan 1975 bagi pindaan berbangkit dan juga pindaan yang menyelaraskan peruntukan akta ini dengan perundangan lain di bawah Jabatan Kastam. Contohnya:
 - (a) menetapkan surcaj sebagai hutang sivil;
 - (b) mengetepikan peruntukan had masa satu tahun atas tuntutan penalti dan surcaj serta peruntukan di mana Ketua Pengarah boleh menuntut

- cukai kepada orang yang memungut cukai tanpa kuasa yang sah dan meningkatkan kadar penalti kepada 10%;
- (c) menghalang orang yang dipercayai hendak meninggalkan Malaysia sehingga cukai dibayar;
- (d) pemulangan cukai perkhidmatan atau penalti yang terlebih dibayar, namun demikian Ketua Pengarah boleh menolak mana-mana permohonan bagi pemulangan cukai perkhidmatan atau penalti atas alasan bahawa pemulangan itu akan dengan tidak adil menguntungkan pihak yang menuntutnya.
- (e) memberi Ketua Pengarah kuasa untuk meluluskan permohonan oleh seseorang yang kena membayar cukai untuk memotong dari masa ke semasa daripada penyata cukainya, mana-mana cukai perkhidmatan yang telah dibayar tetapi kemudiannya dipulangkan balik kepada pelanggannya.
- (f) membenarkan seseorang pegawai yang berpatutan hak untuk diberi akses kepada data termasuk data berkomputer; dan
- (g) menjelaskan lagi tindakan yang dianggap kesalahan jenayah seperti membuat sesuatu pernyataan palsu atau catatan palsu dalam mana-mana tuntutan atau permohonan untuk lari dari cukai perkhidmatan adalah melakukan sesuatu kesalahan;

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat nanti sekejap, Yang Berhormat dari Kepong bangun atas apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat sekarang ini belum lagi dibahas. Apa hendak dijelaskan. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ada peluangnya.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan sini ya, sebab saya sedang mengikut...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat nanti dahulu, tidak apa Yang Berhormat, sabar, bukankah elok, nanti, bangun saya akan beri peluang. Tetap ada peluangnya. *[Ketawa]* Bagi peluang kepada Timbalan Menteri teruskan dahululah.

Dato' Wong See Wah: Hampir habis, sabar sedikit.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak tahu sama ada masih ada Fasal 9, Fasal 10?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat nanti boleh bangkitkan.

Dato' Wong See Wah: Nanti boleh tanya.

- (h) menambah denda maksimum bagi sesuatu kesalahan tertentu daripada RM10,000 kepada RM50,000;
- (i) menambah amaun maksimum yang boleh diterima bagi pengkompaunan kesalahan daripada RM1,000 kepada RM5,000;
- (j) menetapkan peraturan pengeluaran inuis dan resit dan pengeluaran inuis dengan menggunakan komputer;
- (k) membenarkan penggunaan lencana sebagai tambahan kepada kad kuasa; dan
- (l) memberi tanggungjawab kepada pelikuidasi dan penerima untuk membayar cukai dan jika tidak ia telah melakukan kesalahan yang boleh didenda tidak lebih RM20,000.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang lain yang tidak disebut secara khusus dalam huraian ini adalah pindaan yang kecil atau berbangkit sahaja. Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kepong.

5.10 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, memang pindaan ini sangat rumit. Saya ada baca tetapi dari segi teknikalnya sangat rumit, susah hendak faham. Sebab itulah saya mencelah tadi supaya Yang Berhormat terangkan kerana dia

tidak ikut apa yang dihuraikan di sini. Tadi dia ada buat cadangan daripada (a) kepada (l), kalau tidak silap saya, saya pun tidak tahulah untuk fasal apa?

Walau bagaimanapun, pada pagi ini saya pun ada sebutkan sistem percukaian kita di Malaysia ini memang sudah mendapat satu keseimbangan di antara cukai langsung dan cukai tidak langsung, mencapai satu keseimbangan dan kita perlu tambah lagi corak percukaian yang baru untuk membolehkan kutipan cukai yang lebih berkesan dan di sini kita ada dua rang undang-undang tadi ada luluskan satu rang undang-undang mengenai cukai jualan.

Sekarang kita sedang membincangkan cukai perkhidmatan. Di sinilah saya menggunakan kesempatan ini untuk menanya kepada Yang Berhormat sekali lagi. Tadi saya tanya kepada Yang Berhormat di dalam Jabatan Perdana Menteri sebab sekarang dia lena dan saya tidak nampaklah bilakah pihak kementerian secara beransur-ansur akan menguatkuasakan atau mengimplementasikan sistem sale and service tax (SST) ataupun VAT. Saya percaya setelah saya meneliti apa yang terkandung dalam rang undang-undang ini saya dapat tahu, nampaknya ada gejala-gejala tidak lama lagi kerajaan akan melaksanakan sistem SST. Adakah ini benar, sebab tidak boleh dielakkan, memang tidak boleh dielakkan, sebab Tuan Yang di-Pertua sistem percukaian di sini, saya sebutkan tadi memang kita sudah melalui sistem ini sejak bertahun-tahun terutamanya sejak tahun 60-an sehingga sekarang dan didapati bahawa kutipan cukai sehingga setiap tahun. Pada tahun 1997 kita kutip lebih RM30 bilion dan tahun lepas ada kurang 2.6% sampai lebih sedikit RM29 bilion dan ini kalau kita hendak mempertingkatkan lagi percukaian kita mesti ada sistem yang baru.

Di negara-negara lain termasuk di United Kingdom memang mereka ada melaksanakan sistem VAT. Barang-barang diimport, sesiapa yang tidak membayar, membeli barang itu tidak dikenakan VAT, itu cara yang barulah membolehkan percukaian itu lebih adil. Kita import sesuatu benda, barang, kemudian Tuan Yang di-Pertua pun tidak beli barang itu tidak bayar tax, bayar cukai manakala kita kenakan

VAT ataupun SST di negara ini maka sesiapa sahaja membeli barang itu memang dikenakan tax dipanggil value added tax (VAT) dan sebagainya memang satu sistem percukaian yang boleh dikira sangat rumit dan susah hendak kita membincangkan di sini. Cuma saya minta Yang Berhormat menerangkan bilakah pihak kementerian akan melaksanakan? Saya percaya kementerian tidak boleh mengelakkan daripada melakukan sesuatu untuk sistem percukaian SST ataupun VAT.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi mengenai cukai perkhidmatan ini apabila rang undang-undang itu diluluskan dan dikuatkuasakan kelak, bolehkah Yang Berhormat terangkan amaun yang akan kita perolehi daripada cukai perkhidmatan ini satu anggaran, apakah kutipan sekarang bagi tahun 1997 ataupun 1998 cukai perkhidmatan yang didapati sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita hendak mengetahui kerana saya percaya cukai perkhidmatan akan menjadi lebih penting lagi dengan menjelang abad yang ke-21 kerana perkembangan baru dan sistem-sistem akan kita perolehi untuk percukaian ini dan sistem cukai perkhidmatan akan menjadi lebih penting bagi negara ini kerana Tuan Yang di-Pertua, daripada pemindahan secara menyeluruh daripada cukai langsung kepada cukai tidak langsung. Ini memang satu pemindahan (shift) yang sangat ketara sekarang. Ia bermula daripada tahun 60-an.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti memikirkan bagaimana kita boleh memperbaiki keadaan sekarang sebab sekarang kita dapati hampir 46% atau 47% untuk hasil percukaian di negara ini ialah datang daripada percukaian langsung dan bakinya cukai-cukai tidak langsung 35% dan non tax revenue 18%, kalau tidak ada krisis ekonomi hasil negara hampir RM60 bilion. Ada keperluan untuk mempertingkatkan kutipan hasil negara ini dan kerana kita sedang memperbaiki

infrastruktur-infrastruktur kita termasuk infrastruktur percukaian untuk memperbaiki keadaan hasil di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat dengan laju tadi, saya tidak dapat mengikuti iaitu Fasal 9, 10 dan sebagainya. Fasal 9 bertujuan memasukkan sesuatu seksyen baru 8A dalam Akta 151 untuk membenarkan mana-mana orang yang tidak perlu dilesenkan di bawah Akta 151 memohon secara sukarela kepada Ketua Pengarah supaya dilesenkan.

Seterusnya dengan Fasal 10 dan sebagainya, saya dengar hujah daripada Yang Berhormat itu tadi, daripada (a) kepada (l) dan sebagainya saya tidak begitu faham apa yang disebutkan tadi, cuma beliau membaca sahaja. Maklum Tuan Yang di-Pertua saya sebutkan hal ini kerana masalah percukaian perkhidmatan ini memang sangat rumit dari segi teknikal yang memerlukan pakar-pakar untuk membincangkan dengan lebih bererti. Tetapi walau bagaimanapun, kerana memandangkan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak berminat termasuk Yang Berhormat dari Tambun. Beliau ada masalah kerana wabak virus sekarang yang dieksport dari Tambun ke Negeri Sembilan, Kuala Selangor dan Johor. Saya diberitahu bahawa sekarang ke Kota Bharu, Kelantan, Tumpat, bagaimana beliau boleh eksport dengan begitu cepat, tidak sampai tujuh bulan beliau boleh eksport. Saya berharap beliau boleh membincangkan hal kerumitan cukai perkhidmatan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, itu pun pilihan beliau, Yang Berhormat tidak boleh paksa.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak paksa beliau, saya tahu sememangnya beliau pakar dengan hal perbankan, apabila beliau bercakap dengan hal perbankan memang beliau mempunyai fikiran yang tertentu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat tidak berucap pun, orang lain pun tidak pernah usik Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada usik, Yang Berhormat dari Tambun pun usik, itu pengusik yang utama.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dia ini berbincang cukai perkhidmatan atau cukai babi, [*Ketawa*] dia bincang yang mana satu ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukai perkhidmatan tetapi malangnya Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidur dengan lena, tidak dapat tahu, beliau anggap saya tidak nampak, memang saya nampak. Sedang berfikir, bertafakurkah? [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 9(2) Akta 151, untuk mengkehendaki Ketua Pengarah membatalkan lesen seseorang yang kena membayar cukai, yang dilesenkan atas permohonan sukarelanya. Sekiranya orang itu gagal menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai selewat-lewatnya pada tarikh lesen itu sepatutnya mula berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya meminta Yang Berhormat menjelaskan kepada kita apakah yang dimaksudkan oleh lesen di sini, kerana di beberapa peruntukan ini kita lihat ada disebutkan lesen. Apakah yang dimaksudkan untuk membatalkan lesen seseorang yang kena membayar cukai yang dilesenkan atas permohonan sukarela dan sebagainya sebab tidak begitu jelas di dalam peruntukan di Fasal 10 ini kerana di seksyen baru 10(A) dan sebagainya, tidak begitu jelas untuk menerangkan perkara yang telah saya bangkitkan ini.

Fasal 12, Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran invois melalui komputer. Memang kita menggalakkan semua jabatan kerajaan dilengkapi dengan komputer yang canggih dan di sini saya tidak membantah kita hendak mengadakan sistem komputer untuk memberi maklumat kepada urusan-urusan percukaian perkhidmatan ini.

Di sini disebutkan Fasal 10(A), seksyen baru sekarang ini, panjang juga, tertakluk kepada subseksyen 2 bagi maksud mana-mana peruntukan di bawah akta ini

berhubung dengan invois, seseorang yang kena membayar cukai hendaklah dianggap telah mengeluarkan suatu invois kepada seseorang pelanggan walaupun tiada apa-apa dokumen yang bersamaan dalam bentuk kertas telah diserahkan kepada pelanggan itu jika maklumat yang dikehendaki telah dirakamkan dalam komputer dan dihantar kepada pelanggan dengan cara elektronik atau dikeluarkan atas apa-apa bahan selain kertas dan diserahkan kepada pelanggan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan hal ini kerana di dalam commers electric kita ini, kita mesti belajar bersungguh-sungguh untuk mempertingkatkan pengetahuan dan amalan kita di bidang commers electric ini. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita, bagaimana pihak kementerian dapat mempertingkatkan hal ini supaya pelanggan-pelanggan yang berkenaan benar-benar memahami keadaannya.

Maklum sahajalah Tuan Yang di-Pertua, kalau kita gunakan komputer yang terlibat dengan urusan biasa termasuk perakaman maklumat dan penghantaran maklumat, notis atau invois kepada pelanggan. Memang ini tertakluk kepada undang-undang ...

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ada memerhatikan apabila kami pergi ke sebuah restoran untuk makan dan selepas selesai jamuan itu, mereka memberi kami satu bil, tetapi bil itu bukan dicatat secara computerise, cuma ditulis dengan tangan sahaja. Sama ada, ada atau tidak carbon copy pun kami tidak tahu dan beliau kutip 5% cukai perkhidmatan. Dalam hal ini memang pelanggan telah membayar 5% ini tetapi sama ada wang cukai perkhidmatan ini telah pergi ke kocek kerajaan atau tidak, atau restoran itu sendiri yang 'sapu'. Bagaimanakah kementerian boleh memastikan duit yang dibayar oleh pelanggan benar-benar pergi kepada kerajaan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat dari Bagan menyebutkan satu perkara yang penting. Saya pun tidak tahu, cuma yang saya tahu di London sahaja satu restoran yang menggunakan sistem bil dan sebagainya melalui komputer. Ada satu sistem tetapi sistem ini belum lagi diterima di Malaysia, memang betul, Yang Berhormat dari Bagan bercakap memang betul, cuma tidak dalam bentuk komputer sahaja.

Jadi, kita tidak tahu 5% cukai perkhidmatan ini kadang-kala masuk ke kocek seseorang itu ataupun diberikan kepada pihak kerajaan. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sudah tidak berminat lagi dan cenderung kepada melarikan diri. Di London ada digunakan komputer di restoran, sistem perkomputeran untuk menu, untuk mengeluarkan bil dan sebagainya di dalam sistem komputer. Tidak banyak restoran di dunia yang menggunakan sistem komputer ini dan kita pun tidak tahu macam mana pihak kementerian dapat mengesan orang yang mengelak untuk membayar cukai perkhidmatan pada kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hari telah suntuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang, dengan komputer memang suntuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.